



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 3

Selasa

23 April 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 29)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 23 April 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa, salam perjuangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat menepati masa. Inilah contoh pemimpin yang bijaksana. Untuk itu, saya pada pagi ini, kita hendak mulakan, saya hendak sedikit pandangan saya, bahawa seorang pemimpin itu mestilah pandai berkata-kata, bijak melaksanakan kata-katanya, bak kata pantun orang Melayu.

*Suasana hutan biasanya hijau;
Pokok ubi hidup merata-rata;
Luka di tangan kerana pisau;
Luka di hati kerana kata-kata [Tepuk]*

Itulah pegangan, pandailah berbicara. Terima kasih

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Sekarang saya mula dengan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Teruskan.

1. Dr. Nuing Jeluing minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu petani terutamanya di luar bandar Sarawak untuk memasarkan hasil tanaman mereka kerana kebanyakan mereka tidak dapat memasarkan hasil tanaman dan ini mengakibatkan para petani tidak mendapat pulangan hasilnya serta menyebabkan kegagalan untuk meningkatkan tahap pendapatan mereka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Saya akan mengambil pedoman daripada Tuan Yang di-Pertua, untuk menggunakan semua kata-kata yang manis dalam pagi yang cukup indah pada hari ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini memang sayang kepada orang Sarawak. Kami telah membantu petani yang berada di luar bandar Sarawak untuk memasarkan hasil tanaman mereka melalui program pemasaran di bawah FAMA.

Dalam *list* saya ada 16 program yang membantu orang-orang di Sarawak yang mencatat jualan sebanyak lebih daripada RM180 juta dan bilangan peserta seramai 5,821 orang. Saya akan *highlight* dua program iaitu Program Ladang Kontrak dan juga Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan Program *My Best Buy* (MBB), tiga program ya.

Melalui Program Ladang Kontrak, petani mendapat jaminan pasaran ke atas produk yang dihasilkan dengan membuat perjanjian jual beli di antara pihak petani dengan FAMA. Dalam perjanjian jual beli tersebut, FAMA menawarkan dua kaedah penetapan harga iaitu belian pada harga semasa yang disokong dengan harga lantai dan belian pada harga tetap.

Pada tahun 2018, seramai 160 orang petani telah mendaftar bagi komoditi sayur-sayuran dengan keluasan kawasan tanaman seluas 269.82 hektar dan nilai jualan sebanyak RM15.23 juta. Bagi komoditi buah-buahan pula, peserta yang berdaftar di dalam program ini seramai 333 orang petani dengan keluasan tanaman seluas 626.7 hektar dan nilai jualan sebanyak RM26.36 juta. Petani juga digalakkan untuk menjual hasil keluaran mereka secara terus kepada pengguna dalam program jualan anjuran FAMA seperti Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dan Program *My Best Buy* (MBB) di Medan Niaga Satok, Pasar Tani, dan *outlet* FAMA seperti Agrobazaar, Kedai Rakyat di seluruh Sarawak.

Pada tahun 2018, seramai 5,821 orang petani di Sarawak telah mendapat bimbingan FAMA dari segi khidmat pemasaran dan telah berjaya mencatat nilai jualan sebanyak RM180.77 juta. Akan tetapi *moving forward*, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melihat bahawa peluang jualan terus daripada petani terus kepada *consumer, from farm to consumer, direct* melalui *online*. Ini *digital economy* yang perlu Malaysia *create*, untuk mencipta satu ekonomi digital di mana kita boleh membantu petani daripada luar bandar terus menjual barang hasil produk mereka terus kepada *consumer* dan mengelakkan *layers of middle man*, orang-orang tengah serta meratakan jurang antara luar bandar dan bandar.

Ini hala tuju yang harus kita sebagai sebuah negara untuk mengambil peluang dari segi *digital economy, it will come anyway*. Ini kerana kita nampak bahawa di negara-negara lain telah berlaku, di mana petani-petani di luar bandar, mereka mengambil hasil tanaman mereka - contoh yang pernah saya melawat di satu tempat, sebuah kampung di negara China. Walaupun kampung itu sangat miskin dan berada di luar bandar, petani menghasilkan kacang. Akan tetapi usaha seorang suri rumah yang mengambil kesempatan ini untuk membeli kacang terus daripada

petani dan mereka membuat sedikit *value-add*, goreng kacang dan paket dengan cara yang bagus. Selepas itu mereka akan jual melalui *online* kepada *consumer*, terus melalui *online*, dan suri rumah itu menjadi *instant millionaire*, menjadi jutawan.

■1010

Oleh kerana kejayaan suri rumah tersebut, dia telah berjaya menarik ramai orang muda kembali kepada kampung mereka untuk mengusahakan produk *value add* kacang mereka dan ini telah menarik perhatian Alibaba. Alibaba *adopt* kampung tersebut sebagai kampung Alibaba dan mereka seterusnya berjaya memasarkan lebih banyak produk daripada kampung tersebut dan akhirnya kampung yang hanya mempunyai 1,500 orang itu berjaya mencipta satu GDP sebanyak USD500 juta. Ini bermaksud bahawa dalam kampung itu lebih daripada 100 orang jutawan, walaupun 1,500 orang, dan pendapatan petani meningkat empat kali ganda.

It is a tremendous success story dan saya nampak potensi yang begitu besar di kawasan-kawasan pedalaman di Malaysia, Sabah dan Sarawak- tempat-tempat pertanian boleh menggunakan modul yang lebih kurang sama- *leverage on digital economy*, jualan terus melalui *online*. Itu sedikit daripada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak atau *Ministry of Modernisation of Agriculture* telah memperkenalkan sistem *anchor FAMA*. Tujuan *anchor FAMA* itu membeli daripada petani-petani. Misalnya, sekarang sudah diiktiraf satu *anchor FAMA* atau syarikat yang membeli durian, misalnya Musang King yang mereka jual ke China. Juga, ada *anchor FAMA* untuk tanaman-tanaman lain seperti nanas dan sebagainya. Pekebun kecil sekarang boleh menjual hasil tanaman mereka terus kepada *anchor FAMA* ini.

Kedua, Kementerian Pertanian di Sarawak ada mengendalikan *collection center* atau pusat tempat menjual hasil petani-petani kecil di setiap daerah di Sarawak. Petani-petani kecil ini boleh membawa hasil tanaman mereka ke pusat ini dan dia terus menjual di pusat ini. So, sekarang dia tidak payah pergi ke sini sana untuk menjual hasil tanaman dia.

Soalan saya, apakah peranan agensi-agensi kerajaan yang lain, selain daripada FAMA, untuk mengendalikan pusat *collection center* ini di Malaysia, khususnya di Sarawak dan Sabah? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Sebelum saya jawab, saya ingin mengalu-alukan kedatangan rombongan daripada

Jurusan Jahitan Pakaian Lelaki dari Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak, Selangor...
[Tepuk]

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, FAMA merupakan agensi utama kerana fungsi FAMA untuk memasarkan barang-barang pertanian dari luar bandar ke bandar. Ini agensi kerajaan yang membantu petani-petani memasarkan barangan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, pusat pengumpulan ladang (CDC), atau *collection and distribution center*, kita ada 17 CDC di negeri Sarawak, di mana ada 259 peserta, yang melibatkan jualan sebanyak RM19,220.223 dan juga satu Medan Niaga Satok yang besar yang melibatkan 2,021 peserta yang melibatkan jualan sebanyak RM48,143,000. Juga ada banyak program seperti pasar tani yang mana kita memberi peluang untuk petani-petani jual terus kepada pengguna. Di pasar tani, kita ada 30 pasar tani di Sarawak melibatkan 1,035 peserta.

Juga ada program-program lain seperti KUKUH. KUKUH menggunakan sebuah *anchor* ya, mereka ada peserta di bawah, supaya dia *cut through all the middleman*. *Anchor* itu dia akan ambil lima, enam atau sepuluh peserta petani dan mereka akan membantu memasarkan barang kepada pengguna dan pembeli. Untuk program KUKUH, ada 45 peserta yang melibatkan RM672,000 dan sebagainya. Ini untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya? Kalau tak ada soalan tambahan, saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

2. Tuan Manolan bin Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, adakah Kementerian bercadang untuk menyerahkan pengurusan dan pembangunan projek Tanam Semula Komersial (TSK) yang diusahakan oleh RISDA dan FELCRA di atas kawasan tanah Orang Asli kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atau pemilik asal.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama dua pertanyaan lain yang berkaitan dengan projek Tanam Semula Komersial (TSK) FELCRA dan RISDA di atas kawasan tanah Orang Asli yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad bertarikh 24 April 2019 dan 8 Mei 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan TSK yang diusahakan oleh FELCRA dan RISDA di atas kawasan tanah Orang Asli berdasarkan memorandum persefahaman (MoU) di antara Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan FELCRA pada tahun 1992 dan RISDA pada tahun 1997.

Namun, sebenarnya projek TSK ini telah bermula lebih awal iaitu sekitar tahun 1980an di mana ketika itu kawasan-kawasan tersebut dibangunkan untuk tujuan keselamatan dan dijadikan zon penampungan bagi menghindari gangguan dan serangan pihak komunis. Projek keselamatan dan sempadan ini atau KESBAN yang kebanyakannya terletak di negeri Perak dan Pahang merupakan kawasan penempatan Orang Asli.

Segala keputusan dasar berhubung projek ini dibuat oleh pihak JAKOA termasuk jumlah pemberian dividen kepada peserta Orang Asli. Pada masa ini, FELCRA mengusahakan 37 ladang JAKOA dengan keluasan 6,128 hektar yang melibatkan 2,432 orang peserta. Manakala RISDA pula mengusahakan 93 projek TSK JAKOA dengan keluasan kebun 11,970 hektar yang melibatkan 6,100 orang peserta. Tanggungjawab FELCRA dan RISDA dalam hal ini untuk membangunkan dan menguruskan ladang TSK Orang Asli bagi mendapatkan pulangan yang optimum untuk manfaat peserta.

Penyerahan semula kawasan pembangunan tanah kepada pengurusan JAKOA tertakluk kepada persetujuan bersama di antara JAKOA dan FELCRA atau RISDA. Bagi FELCRA, penyerahan semula kawasan ladang dibuat apabila tempoh tanam semula selesai iaitu di antara 25 hingga 30 tahun. Dimaklumkan juga bahawa pengurusan ladang projek Orang Asli ini sama seperti pengurusan bagi ladang-ladang penyatuan dan pemulihan tanah FELCRA yang lain. Manakala bagi RISDA, penyerahan semula ladang boleh dilakukan apabila ladang telah mengeluarkan hasil iaitu empat tahun bagi tanaman sawit dan tujuh tahun bagi tanaman getah.

Walau bagaimanapun, sekiranya penyerahan semula ladang kepada JAKOA ingin dilakukan lebih awal, maka kos pembangunan yang telah didahulukan oleh FELCRA dan RISDA hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.

Untuk makluman, keuntungan bersih yang telah dijana daripada keseluruhan projek TSK yang diuruskan oleh FELCRA pada tahun 2018 sebanyak RM5.82 juta.

■1020

Manakala, keuntungan bagi projek yang diuruskan oleh RISDA bagi tahun yang sama sebanyak RM12.62 juta. Keuntungan TSK Orang Asli ini juga bergantung kepada harga komoditi semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, tidak wujud isu projek TSK terbengkalai. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa projek TSK yang kurang berdaya maju disebabkan faktor seperti bentuk muka bumi, lokasi projek yang jauh di pedalaman, bencana alam dan serangan haiwan liar yang meningkatkan kos pembangunan. Selain daripada itu, terdapat situasi di mana selepas pembangunan dibuat, peserta mengambil keputusan untuk

mengeluarkan hasil dari kebun-kebun tanpa mengikut prosedur yang sepatutnya seperti mana yang diamalkan oleh FELCRA dan RISDA. Kesannya, ia akan menyukarkan lagi pengurusan ladang dan pengeluaran hasil yang optimum.

Antara langkah segera yang boleh diambil bagi mengatasi isu ini dengan penglibatan secara langsung pihak JAKOA dalam memberi penerangan dan kefahaman tentang kaedah pengurusan ladang dan peranan peserta dalam memastikan hasil ladang dapat dioptimumkan. Ahli Yang Berhormat, boleh saya simpulkan bahawa projek TSK ini sentiasa diberikan perhatian dan komitmen penuh daripada FELCRA dan RISDA dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang panjang dan agak baik. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mendapat banyak maklumat dan juga aduan daripada peserta-peserta FELCRA dan RISDA ini. Sejak akhir-akhir ini, ramai di kalangan peserta ini yang tidak mendapat dividen sehinggalah sampai tiga ke empat bulan. Ini menyukarkan mereka untuk membeli barang-barang keperluan harian mereka. Ada sesetengah ini yang telah mengambil hasil di ladang mereka sendiri dan ada yang ditangkap.

Jadi, soalan saya kepada Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah untuk pembayaran dividen ini supaya dipercepatkan dan tidak ada kelewatan pada masa-masa akan datang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Manolan atas soalan tersebut.

Pertamanya, berkaitan dengan peserta yang tidak mendapat dividen. Projek ini dilaksanakan menurut projek. Ada projek yang menjana keuntungan dan ada projek yang tidak menjana keuntungan, atas alasan yang sepertimana saya sebut tadi. Atas alasan lokasi, geografi, dan sebagainya maka ada projek yang tidak menguntungkan dan tidak menjana keuntungan. Apatah lagi apabila harga komoditi pada tahun lepas agak rendah. Jadi, itu kita boleh lihat antara punca di mana sesetengah kawasan mendapat dividen yang baik, ada kawasan yang tidak mendapat dividen.

Tentang isu mengambil hasil daripada ladang ini, itu antara yang saya sebutkan tadi. Apabila tidak mengikut prosedurnya, ini akan menjejaskan hasil daripada ladang ini untuk masa yang akan datang. Jadi, oleh sebab itulah pihak-pihak yang berkaitan FELDA dan RISDA sedang melihat isu ini, apakah cara yang terbaik. Antaranya sepertimana yang saya jelaskan untuk pihak

JAKOA memberi *engagement* atau libat urus yang lebih dengan masyarakat Orang Asli supaya sama-sama menyedari peranan masing-masing dalam memastikan projek ini untuk jangka masa yang panjang dapat memberi kesan atau impak yang baik kepada masyarakat Orang Asli. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa boleh dikatakan lebih 90 peratus projek-projek JAKOA disediakan geran oleh kerajaan yang dimajukan oleh FELCRA dan RISDA. Namun, saya melihat bahawa sepatutnya bila ada bantuan geran, projek ini tidak akan rugi. Kalau kita *compare* dengan tauke-tauke yang tidak dapat geran, dia pun boleh bagi nisbah 1:3 dengan penduduk-penduduk kampung dan sebagainya.

Namun, bila berlaku pengagihan pendapatan, pembayaran dividen tidak dapat dilakukan kerana sekarang ini harganya rendah. Akan tetapi sebelum ini pun pembayarannya agak rendah. Ada yang saya lihat seperti TSK Sungai Rual, TSK Satak, projek TSK ini orang kampung berhutang ratus ribu. Bila kita melihat bahawa projek ini diserahkan kepada pemaju, jika berlaku kegagalan sepatutnya ditanggung juga oleh pemaju. Bukan kepada JAKOA dan juga penduduk kampung.

Soalan saya, adakah hutang ini dapat dilupuskan? Itu yang pertama. Kedua, apakah langkah kerajaan supaya perkara-perkara ini dapat dilihat dalam perjanjian supaya tidak berlaku kes yang berulang? Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa. Kalau boleh saya mohon Yang Berhormat Senator sampaikan pada saya maklumat kawasan-kawasan yang terlibat. Jadi, kita lebih dapat memberi penjelasan yang lebih spesifik tentang kawasan tersebut. Sepertimana saya sebut tadi, ada kawasan yang ada menjana pendapatan dan ada kawasan yang tiada. Jadi, jika ada kawasan yang terlibat, sila maklumkan pada saya dan *insya-Allah*, kita akan lihat secara lebih mendalam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada apa-apa ya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dr. Mohd Radzi.

Sekarang saya pergi pula kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

3. Datuk Haji Abidullah bin Salleh minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, apakah langkah yang diambil semasa tragedi Sungai Kim Kim dan pelan masa hadapan supaya insiden ini tidak berulang. Berapakah bilangan kilang-kilang kimia yang terdapat di Melaka yang boleh mencemar alam sekitar?

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, [Puan Isnaraissah Munirah binti Majlis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan PN-1421-L02440 daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris bertarikh 29 April 2019. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah yang diambil semasa tragedi Sungai Kim Kim:

- (i) Jabatan Alam Sekitar membuat pensampelan air Sungai Kim Kim untuk penganalisan di Jabatan Kimia Malaysia dan telah mengenal pasti punca buangan terjadual;
- (ii) pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memulakan kerja-kerja pembersihan Sungai Kim Kim. Kerja pembersihan dan pemuliharaan sepanjang 1.55 kilometer telah diteruskan secara intensif oleh syarikat yang dilesenkan oleh JAS dengan persetujuan Kerajaan Negeri Johor;
- (iii) Jawatankuasa Tindakan Bencana peringkat negeri telah ditubuhkan;
- (iv) pemantauan berterusan tahap kualiti udara oleh satu jawatankuasa saintifik yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri MESTECC yang terdiri daripada pihak UTM, PETRONAS, JAS, bomba HAZMAT, Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan pihak swasta. Penumpuan pemantauan di 20 lokasi di sekolah-sekolah yang terletak sepanjang radius sembilan kilometer; dan
- (v) JAS juga telah menjalankan pemantauan ke atas kualiti air dan sedimen Sungai Kim Kim.

Untuk pelan masa hadapan yang diambil oleh kementerian bagi memastikan insiden dan tragedi di Sungai Kim Kim daripada berulang seperti berikut:

- (i) MESTECC telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pengurusan dan Pengawal Seliaan Bahan Berbahaya yang telah dipengerusikan oleh KSU Kementerian pada 4 April 2019, antaranya bagi membangunkan SOP tindakan insiden pencemaran melibatkan bahan

toksik bagi meningkatkan persediaan untuk menghadapi insiden berkaitan pada masa akan datang;

- (ii) semua agensi penguat kuasa dan keselamatan berkaitan iaitu ATM, PDRM, PBT, SUK, Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, JAS dan MESTECC akan mengadakan sesi *tabletop exercise* supaya aspek penyelarasan dan kesiapsiagaan menghadapi semua ancaman bencana dapat dipertingkatkan. Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada diteliti semula juga bagi tujuan penambahbaikan;
- (iii) meningkatkan operasi penguatkuasaan bersepadu melibatkan sisa toksik bersama dengan JAS, Jabatan Imigresen Malaysia, PDRM, PBT, Jabatan Kimia Malaysia dan syarikat utiliti seperti TNB dan bekalan air;
- (iv) kawasan-kawasan berpotensi menjadi kawasan pelupusan sisa toksik yang telah dikenal pasti oleh sebelum ini dikenali sebagai Agensi Remote Sensing Malaysia akan dikeluarkan kepada negeri-negeri bagi tindakan penguatkuasaan PBT dan juga Jabatan Alam Sekitar;

■1030

- (v) memberi input pembangunan kepada kerajaan negeri bagi penempatan industri yang berisiko tinggi di kawasan industri yang bersesuaian; dan
- (vi) memantapkan program pengawasan alam sekitar.

Bagi soalan untuk berapa bilangan kilang yang berasaskan kimia yang terdapat di negeri Melaka, setakat ini ada 25 buah premis. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang padat. Ini soalan tambahan saya kerana soalan yang pertama sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, macam sudah tahu pula.

Soalan tambahan yang kedua saya ialah berapa ramai anggota kerajaan dan juga agensi yang terlibat bagi menangani tragedi tersebut dan berapa kos yang dibelanjakan oleh kerajaan? Sekian, terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada soalan tambahan. Untuk jawapan spesifik berapa jumlah pegawai kerajaan yang terlibat, saya tidak ada di tangan saya sekarang, begitu juga dengan kos pembersihan yang telah dibuat setakat ini.

Akan tetapi, saya ingin mengambil kesempatan di sini pada hari ini untuk saya mengucapkan terima kasih bagi pihak MESTECC untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat. Semua jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan yang telah terlibat daripada hari pertama tragedi Sungai Kim Kim sehingga kerja-kerja pembersihan selesai. Terima kasih. Walau bagaimanapun, saya akan bagi jawapan bertulis untuk soalan itu. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita melihat *punishment* ataupun hukuman kepada mereka yang terlibat dengan Sungai Kim Kim ini, saya melihat kepada seksyen 34B(4) dan seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekitar memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda RM500,000.

Sebanyak 111 sekolah terpaksa ditutup dan anak-anak kita yang di Johor itu yang masuk hospital itu traumanya sampai sekarang. Di kampung saya juga di Gurun, Kedah, ada satu kilang yang pernah anak kepada rakan-rakan saya yang pengsan kerana tercium bau. Kalau inilah RM500,000 ini, *chicken feet* lah bagi *business people* yang ada di Johor dan yang ada di Kedah kerana kilang mereka memang besar. Soalan saya, Yang Berhormat, apakah kementerian hendak mengkaji semula hukuman ini atau hendak mengkaji semula akta ini?

Saya ucap tahniah kepada Badan Pencegah Rasuah kerana baru-baru ini menangkap ramai JPJ. Kita ada dengar juga di Johor itu bahawa ada juga pegawai-pegawai alam sekitar yang meluluskan projek-projek yang didapati ada kimia-kimia tertentu, toksik-toksik tertentu yang hendak dibuang. Jadi saya hendak bertanyakan kepada pihak Yang Berhormat, bila agaknya kementerian hendak mencucikan pegawai-pegawai yang berada di dalam jabatan tersebut?

Saya hendak bertanya juga, satu jawatankuasa yang telah diumumkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar bahawa satu Jawatankuasa Pengurusan Sisa Toksik Buangan Berjadual Kebangsaan sedang dirangka dan bila Yang Berhormat, agak-agaknya bila hendak dimulakan jawatankuasa ini? Ini kerana saya rasa selepas Sungai Kim Kim ini, ada satu lagi yang akan pecah. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Saya kira dalam soalan ini agak padat, ada beberapa soalan. Sekiranya saya tidak dapat menjawab kesemuanya, saya akan berikan jawapan bertulis.

Untuk soalan tentang akta baharu, pada masa ini Jabatan Alam Sekitar sedang dalam peringkat akhir untuk menggubal satu akta baharu bagi menggantikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator, bila terjadi tragedi Sungai Kim Kim ini yang melibatkan begitu ramai anak-anak di sekolah dan denda yang sebegitu, saya rasa agak ringan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak MESTECC tidak akan berkompromi, kerajaan tidak akan berkompromi kepada semua pesalah-pesalah yang telah melibatkan ramai pihak dan menyusahkan begitu ramai pihak atas perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini.

Kedua, tentang pegawai-pegawai yang terlibat dengan SPRM. Setakat ini, saya tidak ada maklumat ini bersama dengan saya dan soalan-soalan yang lain itu yang berkaitan, *insya-Allah* saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan tadi.

Saya hendak bertanya satu soalan berkenaan dengan juga Sungai Kim Kim ini sebab saya dimaklumkan bahawa di bawah DoE atau JAS mempunyai satu sistem yang sepatutnya boleh monitor pembuangan sisa-sisa kimia ini.

Maka soalan saya kepada pihak kementerian, sejauh manakah keupayaan sistem yang dipanggil *Industrial Effluent Treatment System* telah diimplementasikan oleh pihak kementerian? Sejauh manakah sistem ini di selenggara dan di *monitor* oleh pihak jabatan dan kementerian? Sehingga kini, bagaimana keupayaan sistem pemantauan ini?

Sebab, sekiranya pihak JAS ataupun pihak Jabatan Alam Sekitar boleh *monitor* ataupun boleh mengawal sistem pembuangan ini, saya kira tidak akan berlaku isu Sungai Kim Kim ini sebab kita mempunyai satu sistem yang sepatutnya diguna pakai oleh semua pengilang-pengilang. Sebab, tidak silap saya, ia telah dimasukkan di bawah IE 2009, tidak silap saya *Industrial Effluent Regulations 2009*. Maka saya hendak bertanyalah kepada pihak kementerian. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan.

Apa yang ada di tangan saya sekarang ada sedikit maklumat tentang salah satu contoh sistem yang ada dengan kita iaitu kita panggil eSWIS atau *Electronic Scheduled Waste Information System* di mana semua pengilang-pengilang ini dia akan secara *online*, semua bahan-bahan buangan terjadual itu bila dia buang, yang penerima, kita akan dapat maklumat dia buang dengan secara teratur. Jadi, tragedi Sungai Kim Kim ini sebenarnya dilakukan oleh pengilang-pengilang haram. Jadi bila pengilang-pengilang haram ini, sudah tentunya data dia tidak bersama dengan kita. Jadi memang tidak termasuk dalam sistem.

Oleh yang demikian, dalam masa yang sama juga, walaupun terdapat kilang-kilang haram di sini, sebab itu inisiatif MESTECC pada tahun 2019 kita memang menyasarkan untuk lebih buat penguatkuasaan secara menyeluruh tentang kilang-kilang haram ini tetapi juga dengan kerjasama semua pihak-pihak yang berkaitan, pihak-pihak agensi. Ini kerana kalau dari segi secara perkataan 'kilang haram' ini, sebenarnya ditakrifkan diguna pakai untuk merujuk kepada premis kilang di bawah bidang kuasa PBT juga. Jadi ada banyak agensi yang terlibat sebenarnya tentang bila kita cuba untuk mengawal terutamanya premis-premis yang tidak mempunyai lesen.

Walau bagaimanapun, kita cuba dalam masa yang sekarang ini untuk meningkatkan penguatkuasaan untuk mengawal pencemaran. Terima kasih.

4. Tuan Alan Ling Sie Kiong minta Menteri Industri Utama menyatakan, usaha-usaha dan pencapaian menentang polisi Kesatuan Eropah ke atas sekatan tidak adil terhadap minyak sawit keluaran Malaysia.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang berikut iaitu:

- (i) Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang bertarikh 23 April 2019;
- (ii) Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang bertarikh 25 April 2019;
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair bertarikh 7 Mei 2019; dan
- (iv) Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin dan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertarikh 9 Mei 2019.

■1040

Kesemua enam orang Ahli Yang Berhormat Senator ini telah membangkitkan isu yang sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah merangka beberapa langkah bagi mengatasi ancaman negara-negara EU terhadap industri sawit negara, antaranya kerajaan secara konsisten telah dan akan terus:

- (i) mengkritik sekeras-kerasnya dan mengeluarkan artikel serta klip video yang menentang Kempen Anti Sawit Eropah. Tindakan yang telah diambil oleh Kesatuan Eropah dilihat sebagai langkah yang mendiskriminasikan industri sawit kita;
- (ii) memperjuangkan hak dengan menyuarakan bantahan terhadap langkah diskriminasi industri sawit negara di platform antarabangsa seperti *World Trade Organization (WTO)* melalui mesyuarat Jawatankuasa Halangan Teknikal kepada Perdagangan ataupun *Technical Barrier to Trade (TBT)*. Majlis bagi Perdagangan Barangan, *Council for Trade in Goods* dan Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar- *Trade and Environment Committee*;
- (iii) kita akan bekerjasama melalui *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)* untuk merangka usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti bagi menangkis sebarang usaha untuk menyekat eksport minyak sawit dan produk-produk sawit;
- (iv) bekerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN dalam menyuarakan bantahan terhadap sebarang langkah diskriminasi terhadap ekonomi dan perdagangan serantau seperti mana yang telah dilaksanakan dalam mesyuarat dua hala di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah (EU) di Brussels, Belgium pada 21 hingga 23 Januari tahun ini. Dalam mesyuarat tersebut, ASEAN telah memutuskan untuk menangguhkan agenda Penaik taraf Hubungan Dialog ASEAN-EU ke peringkat kerjasama strategik ataupun *strategic partnership* pada satu tarikh yang akan datang; dan
- (v) kementerian juga akan menyuarakan bantahan kepada negara anggota Kesatuan Eropah (EU) berhubung *delegated regulation* di bawah *European Renewable Energy Directive Two (EUREDII)* yang mendiskriminasikan industri sawit kita.

Satu lawatan kerja kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha ke Belgium juga telah diadakan pada 8 dan 9 April Tahun ini. Lawatan ini misi bersama di bawah kerangka *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)* yang dianggotai oleh Malaysia, Indonesia dan Colombia.

Selain itu, kerjasama erat telah dijalinan dengan Menteri Luar Negeri, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli dan Menteri

Tenaga, Sains dan Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam menangani isu diskriminasi terhadap industri sawit negara. Kelima-lima Menteri telah bersetuju untuk bersama-sama mempertahankan industri sawit negara di setiap persidangan dan program yang berkaitan sama ada di dalam atau luar Negara khususnya di negara Kesatuan Eropah (EU).

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program dan aktiviti telah diatur untuk menangani kempen anti-sawit tersebut. Antaranya Kempen *Sayangi Sawitku* yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Mac tahun ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: *My question.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang dikasihi kerana yang pertama saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri sendiri hadir ke Dewan yang Mulia ini. Saya harap lebih ramai Yang Berhormat Menteri penuh akan hadir ke Dewan ini... [*Tepuk*]

Kita harus beri penghormatan kepada Dewan Negara yang merupakan Badan Perundangan yang Tertinggi di Negara kita. Itu kita perlu junjung tinggi. Terutamanya saya rasa Yang Berhormat Menteri semakin hari walaupun berhadapan dengan kritikan dan usaha Negara Kesatuan Eropah (EU) tetapi semakin muda dan semakin berkarisma... [*Tepuk*] Ini kerana rahsianya sehari sesudu minyak sawit merah diminum oleh Yang Berhormat Menteri, itu pun kita harus contohi.

Tuan Yang di-Pertua soalan saya, sejak perasmian Kempen *Sayangi Sawitku* yang lancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah pencapaian kempen tersebut? Adakah kempen berkenaan betul-betul dapat membantu negara kita dalam memerangi kempen yang negatif yang dianjurkan oleh negara-negara Barat? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih atas pujian yang diberi kepada saya. Cadangan satu hari satu sudu minyak sawit cadangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau umur 93 tahun masih penuh dengan tenaga memimpin negara kita, kita harus kaji apakah yang beliau makan? Satu hari satu sudu minyak sawit merah.

Tuan Yang di-Pertua saya sudah aturkan, saya akan beri kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga semua ahli-ahli di Dewan ini satu botol minyak sawit merah pada hari yang akan datang... [*Tepuk*]

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Minggu depan sudah, minggu depan akan dihantar Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minggu depan okey. Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator, berkenaan dengan strategi yang diaturkan oleh kementerian saya untuk menentang kempen anti-sawit terhadap industri sawit kita, saya rasa dalam- sudah berdekad-dekad, berpuluh-puluh tahun sejak mendiang Tun Lim Keng Yaik sampai sekarang, selalunya orang yang pergi lawan negara barat atas menentang Kempen Anti Sawit Malaysia, Yang Berhormat Menteri Industri Utama, macam saya. Akan tetapi kali ini, saya rasa kita tidak boleh seorang Yang Berhormat Menteri atau satu kementerian pergi lawan kempen dari seluruh Eropah, negara Barat yang begitu anti dan benci minyak sawit atas isu penyahhutanan dan perosakan alam sekitar dan sebagainya.

Kita harus bekerjasama, itu sebab kementerian saya seperti apa yang saya jawab tadi bekerjasama dengan kementerian lain, macam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli dan Menteri Tenaga, Sains dan Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan juga Menteri luar Negara. Kita satu kabinet bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mestilah bersama-sama mempertahankan komoditi kita dan industri sawit kita. Jadi, itulah sebab nya saya sudah cadangkan dalam mesyuarat kabinet semua anggota Menteri bila pergi ke luar negara bila berucap dalam forum antarabangsa mestilah mempertahankan minyak sawit kita dan mengkritik usaha-usaha yang mendiskriminasikan industri sawit kita.

Tujuan kementerian saya anjurkan Kempen *Sayangi Sawitku* ini, tujuannya kita cuba menyedari ke seluruh rakyat Malaysia tentang kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga mereka haruslah bersama-sama menyokong kerajaan dan kita lawan bersama-sama kerana apa yang kita hadapi ialah rakyat di Eropah, rakyat di negara-negara barat mereka benci minyak sawit dan mereka anggap ini minyak yang tidak sihat, minyak yang merosakkan alam sekitar. Jadi, kita perlu ada jawapan. Masalah sekarang ialah ramai warga Malaysia termasuk Ahli Parlimen mungkin di kalangan Yang Berhormat Senator ada yang tidak faham khasiat minyak sawit dan tidak faham tentang begitu pentingnya minyak sawit terhadap ekonomi negara kita.

Jadi, itu sebabnya kempen ini dilancarkan dengan harapan- kerana kementerian saya diberi peruntukan yang sedikit sahaja untuk melawan kempen anti-sawit jadi kita perlu seluruh rakyat Malaysia dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan Ahli Dewan Rakyat sama-sama menyuarakan tentangan kita ini terhadap kempen anti-sawit kita. Itu sebab nya Tuan Yang di-Pertua, Kempen *Sayangi Sawitku* ini dilancarkan di seluruh negara dan saya memang memohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini tidak kiralah parti, kita sama-sama

bekerjasama untuk menjayakan kempen ini. Kita berharap pada satu hari nanti yang rakyat Malaysia sayangi minyak sawit kita dan mempertahankan minyak sawit kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat apakah tahap kejayaan- ini soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Saya rasa soalan tambahan ini ialah sekarang ramai orang tengah tanya di mana saya boleh beli minyak sawit merah, boleh kah? Ada minyak sawit merah kah, apa itu? Jadi, saya ada ramai orang sekarang tengah tanya saya soalan ini dan saya gembira. Saya lihat yang Yang Berhormat ADUN di DUN Perak pada beberapa hari yang lepas semua minum minyak sawit merah seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini satu tanda yang menunjukkan kesedaran wakil rakyat kita ini tentang khasiat dan kebaikan minyak sawit.

■1050

Jadi ini kita lihat sebagai satu permulaan dan saya lihat lebih ramai sekarang yang orang datang pada saya dan kata mereka mahu memberi bantuan dan kerjasama. Ada sekolah yang datang pada saya, mereka kata mahu anjurkan aktiviti masakan dengan minyak sawit, minta bantuan daripada saya dan ada juga pemaju, malah datang pada saya kata mereka mahu gunakan yang dinding komersial, bangunan komersial mereka ini untuk adakan *palm oil information wall*- dinding tentang maklumat sawit. Jadi kita hendak mulakan di beberapa universiti swasta, dan kita mahu adakan di banyak tempat lagi termasuk KLIA, termasuk juga beberapa kawasan yang mana ada ramai pelancong, kehadiran ramai pelancong supaya mereka melalui-bila mereka sampai ke Malaysia, mereka sudah tahu sedikit sebanyak tentang sawit.

Semalam saya baru ada satu dialog dengan pihak *Malaysian Association Hotels* dan saya minta kerjasama mereka supaya pihak hotel mula letak minyak sawit merah bersama dengan *olive oil*, bersama, dan juga adakan maklumat, adakan risalah tentang khasiat minyak sawit supaya dengan cara ini semua pelancong asing datang ke Malaysia, mereka akan tahu sedikit sebanyak tentang minyak sawit daripada *tour guide*, pemandu pelancong. Bila mereka masuk hotel, mereka dapat cuba makan minyak sawit merah dan mereka akan dapat maklumat tentang minyak sawit merah.

Saya juga dapat kerjasama daripada beberapa agensi pelancongan, mereka sudi adakan pakej baharu untuk bawa pelancong asing masuk ke ladang sawit untuk lihat *good agricultural practices* yang dilakukan di ladang sawit kita. Dengan cara ini kita berharap, salah satu- mungkin bukan langkah yang kita akan lihat kesan pada hari ini sahaja, tetapi satu tempoh- ramai orang akan sedar tentang kebaikan minyak sawit supaya mereka juga dapat adakan fikiran yang lain- *to renew their mind* berkenaan dengan minyak sawit kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua: Kita bagi kepada hujung sana itu, yang muda. Sila.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana telah menyampaikan pelbagai maklumat dan jawapan yang sangat padat. Saya setuju dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong dan hari ini Tuan Yang di-Pertua harga minyak sawit kita berada pada kadar RM2,000 per tan.

Jadi soalan saya mudah sahaja kepada Yang Berhormat Menteri. Memandangkan kita berhadapan dengan cabaran dan tentangan daripada Kesatuan Eropah, tetapi negara pembeli yang terbesar di dunia ini ada dua iaitu China dan India. Baru-baru ini dalam bulan tiga yang lalu, kita telah menandatangani perjanjian jual beli minyak sawit kita dengan empat syarikat daripada China yang berjumlah hampir RM1.62 juta tan. Empat syarikat tersebut saya difahamkan dua daripadanya dimiliki oleh Tan Sri Robert Kuok kita iaitu penasihat *eminent council* kita.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, memandangkan harga minyak sawit mentah kita sejak enam bulan lalu berada di bawah paras RM2,200 dan semalam berada pada RM2,058 per tan, sejauh mana keberkesanan peningkatan dagangan minyak sawit kita dengan China, dapat mempengaruhi dan memperbaiki paras harga minyak sawit kita supaya ia dapat membantu khususnya pekebun-pekebun kecil kita yang memerlukan peningkatan harga sawit dan harga buah sawit meningkat bagi menampung kehidupan mereka.

Kedua Yang Berhormat Menteri, sudah banyak- mana botol minyak sawit merah yang Yang Berhormat Menteri minum sampai hari ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang begitu prihatin dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sini yang begitu prihatin tentang industri sawit dan minyak sawit negara.

Untuk makluman Dewan ini, yang harga jualan minyak sawit mentah semalam RM2,059.50 dan peningkatan 0.4 peratus berbanding dengan hari yang sebelum itu. Jadi saya mengakui yang harga ini masih dianggap rendah dan saya juga mengakui setakat sekarang yang stok minyak sawit kita ini agak tinggi. Sebenarnya lepas ini, petang ini saya akan berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan dan juga beberapa pemain industri untuk lihat macam mana kita boleh kurangkan stok minyak sawit di negara kita ini supaya harga kita akan naik.

Soalan tentang pembelian minyak sawit dari luar negara. Untuk makluman Dewan ini, negara pengimport yang pertama, India; kedua, Kesatuan Eropah; ketiga, negara China. Kalau

kita lihat *patern* pengimportan pada beberapa tahun yang lepas. Jadi yang Kesatuan Eropah ini sebenarnya sangat penting, tetapi kita tidak boleh hanya bergantung kepada Kesatuan Eropah kerana yang kempen anti-sawit dan juga *delegated regulation* yang saya sebutkan tadi ini yang akan diluluskan oleh Parlimen Eropah ini sebenarnya amat menjejaskan pengeksportan minyak sawit kita. Jadi itu sebabnya kementerian saya tengah cari pasaran baru.

Macam Timbalan Menteri saya semalam sudah pergi ke Arab Saudi. Kita buat satu seminar tentang sawit dan juga kita adakan *Palm Oil Trade Fair and Seminar* (POTS) di Saudi dan selepas itu beliau akan pergi ke Ethiopia di Afrika. Menteri Pertahanan kita Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu, beliau juga akan tolong. Beliau akan pergi ke- bila misinya pergi ke Iran dan juga Rusia berbincang dengan isu tentang pertahanan negara ini, beliau juga akan cuba jadi agen duta sawit kita. Jadi kita kerjasamalah, kita lihat yang seluruh Kabinet memang tolong sesama lain kerana untuk membantu meningkatkan harga sawit kita dan menjual sawit kita ke lebih negara. Jadi semua ini langkah-langkah yang tengah dirancang.

Saya berharap dengan usaha-usaha daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, kita boleh sama-sama mempertahankan industri ini. Saya rasa yang paling penting ialah, kita haruslah- *we have to do the right thing*. Bila orang Barat menuduh kita ini penyahhutan, merosakkan hutan alam sekitar, rosak biodiversiti, kita perlu buat baik. Kita perlu lakukan yang industri sawit kita ini, kita mesti buat jadikan- adakan yang kelakuan atau *practices* yang terbaik sekali.

Semalam baru saya hadir satu seminar di MPOB yang berbincang tentang bagaimanakah menjadikan minyak sawit keluaran Malaysia ini premium gred. Keluarkan yang premium gred, yang *the best*, yang paling baik berbanding dengan keluaran minyak sawit negara lain. Itu isu berkenaan dengan MCPDE dan kita ada satu pagi yang perbincangan yang cukup hebat berbincang dengan pihak *Palm Oil Millers Association* (POMA) dan juga saintis-saintis kita. Ini kerana ada yang kilang sawit dan *refineries* dan juga pihak penanam sawit kita ini haruslah bekerjasama untuk kita keluarkan minyak sawit yang lebih tulen berbanding dengan yang lain.

Jadi semua ini kita perlu buat. Saya juga pernah pergi ke Sabah pada bulan yang lepas untuk menanam satu juta pokok. Saya sudah dapat kerjasama daripada pihak Jabatan Perhutanan Sabah bagi kita tanah. Kenapa kita hendak tanam balik pokok? Kerana kita hendak jawab tuduhan daripada negara Barat yang kata kita penyahhutan. Jadi bila mereka menuduh kita *deforestation*, kita mesti buat balik- tanam balik pokok.

Jadi saya hendak minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini membantu saya, kita pergi tanam balik pokok. Kita hendak uar-uarkan semua usaha kita tanam balik pokok ini untuk ke

dunia luar. Kementerian saya dengan bantuan dan derma daripada pemain industri sawit, kita sudah derma RM1.5 juta kepada Jabatan Haiwan Liar di Sabah supaya mereka boleh buat satu kajian tentang kependudukan orang utan dan gajah di Sabah. Ini kerana ada pihak NGO Barat yang tuduh kita yang kerana pengempangan ladang sawit kita ini menyebabkan banyak binatang liar telah pun mati.

■1100

Jadi kita nak buat satu kajian sama ada tuduhan ini betul ataupun tidak betul. Jadi banyak usaha yang saya sedang rancang selain daripada jual sawit ke luar negara. Saya rasa kita perlu betulkan semua persepsi yang salah. Tuduhan yang tidak begitu betul, ada yang betul, ada yang setengah betul itu tentang negara kita ini supaya kita boleh jadikan negara kita sebagai negara pengeluar sawit yang mampan dan juga dengan keluaran yang *premium grade*. Sekian, terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Saya sedikit nak tambah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Razali bin Idris: Ramai itu.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: [*Bangun*]

Puan Raj Munni binti Sabu: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila. Mana ni?

Datuk Razali bin Idris: Boleh ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya sila.

Datuk Razali bin Idris: Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana langkah kepelbagaian penggunaan minyak sawit telah diterangkan secara panjang lebar. Cuma soalan saya satu, apakah yang terjadi kepada *biodiesel*? Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau Yang Berhormat Senator pergi ke semua *petrol station* yang ada jual *biodiesel*, kita dah gunakan B10, 10 peratus minyak sawit dan 90 peratus minyak diesel. Sebenarnya kementerian saya sedang bekerjasama dengan pihak MITI dan lain, kita hendak cuba jadikan pada tahun depan kalau boleh sampai ke B20 kerana kita lihat di Indonesia mereka dah guna B20 dah dua tahun, tidak ada masalah tentang enjin kereta rosak dan sebagainya.

Akan tetapi balik di Malaysia, bila saya hendak laksanakan B10 pun, saya sudah ada pelbagai *round* rundingan dengan pelbagai pihak, saya menghadapi bantahan yang agak kuat daripada sektor pengangkutan kita kerana mereka anggap kalau masuk minyak sawit nanti enjin

rosak, apa rosak dan sebagainya. Akan tetapi sampai sekarang saya tidak terima apa-apa aduan daripada mana-mana pihak pun.

Jadi saya hendak menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat di sini juga tolong menyalurkan mesej kepada semua, beritahu mereka gunakan *biodiesel* B10 ini, kita boleh membakar lebih minyak sawit di negara kita ini. Dengan cara ini kita boleh membantu pekebun kecil kita dan beritahu mereka memang tidak ada masalah. Kita lihat pilihan raya Presiden di Indonesia, Presiden Joko Widodo dalam kempennya dia berikhtiar, dia kata di Indonesia, negara itu akan menuju ke B100 pada tahun-tahun yang akan datang. Ini Indonesia, mereka berani ke arah B100, di Malaysia B10 pun begitu susah.

Di sini saya hendak beri sedikit maklumat tentang program *biodiesel* ini. Sebenarnya pada 1 Julai mulai tahun ini kita akan laksanakan *biodiesel* B7 di sektor industri. Maksudnya kilang-kilang yang gunakan diesel itu, kita akan memperkenalkan *biodiesel* B7 kepada mereka. Kalau kita gunakan sektor pengangkutan B10 dan sektor industri B7, jadi kita anggarkan tahun ini ia akan meningkatkan penggunaan minyak sawit sebanyak 761,000 tan dalam tahun ini. Kita berharap, melalui cara ini kita boleh kurangkan stok di negara ini. Jadi saya perlu kerjasama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang penggunaan *biodiesel* kerana ini salah satu cara yang paling berkesan untuk kurangkan stok dan membantu para penanam sawit termasuk pekebun kecil kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampak begitu banyak sambutan ya oleh pemimpin-pemimpin kita. Mungkin ada mereka ini datang daripada peneroka saya rasa. Maka timbul satu ilham pada saya, bak kata pantun orang Melayu.

*Pokok sawit, pokok getah;
Pokok indah diganggu gajah;
Bangkit jangan kita melatah;
Pasti sawit akan terus gagah... [Tepuk]*

5. Datuk Mohan a/l Thangarasu minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apakah status ke atas kajian seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan status kes-kes yang disiasat di bawah seksyen tersebut.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang memperhalusi kajian ke atas seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ataupun Akta 588. Moratorium ke atas seksyen 233, Akta 588 telah ditarik balik sejak bulan Januari tahun ini.

Sepanjang masa moratorium walaupun aduan tidak dapat disiasat di bawah seksyen 233, Akta 588 tersebut, namun aduan-aduan boleh disiasat di bawah undang-undang sedia ada yang lain seperti Kanun Keseksaan. Contohnya daripada Oktober 2018 hingga Disember 2018, bilangan aduan yang dirujuk kepada agensi penguatkuasaan selain SKMM berjumlah sebanyak 31 kes. Sekian.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, berapa banyak yang diambil tindakan? Itu yang pertama.

Kedua, ini berkenaan dengan berita bahasa Tamil di RTM. Adakah kerajaan berhasrat untuk menambahkan buletin berita Tamil bersiaran di TV2? Sehingga kini, cuma 28 minit sahaja. Saya ingat sudah tibalah masanya kita kena ada sekurang-kurangnya dua buletin berita Tamil di RTM. Jadi saya minta, adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan dua buletin? Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Mengikut statistik, kalau aduan bilangan kes daripada tahun 2016 sebanyak 154 kes. Kemudian meningkat kepada 173 kes dan tahun 2018 sebanyak 154 kes.

Manakala untuk tahun 2019, aduan sebanyak 38 kes. Bilangan kes yang dihadapkan ke mahkamah, difailkan, didakwa dan dijatuhkan hukuman, pada tahun 2016 sebanyak lapan kes, tahun 2017 sebanyak 31 kes dan tahun 2018 sebanyak 53 kes dan tiada kes untuk tahun 2019. Bilangan kes yang telah di kompaun untuk tahun 2016 sebanyak tujuh kes, tahun 2017 sebanyak 19 kes dan tahun 2018 sebanyak tiga kes dan tiada kes untuk tahun 2019 lagi. Baik, ini jumlah-jumlah kes yang telah pun diambil tindakan dan telah di kompaun di bawah peruntukan SKMM.

Manakala berkenaan kedudukan berita bahasa Tamil di dalam TV2, betul sekarang ini diperuntukkan selama setengah jam sahaja. Walau bagaimanapun, pihak kementerian telah mengarahkan RTM untuk membuat satu kajian komprehensif berkenaan keperluan. Sekiranya mendapat sambutan dan keperluan, tidak ada masalah untuk kita panjangkan waktu siaran berita Tamil daripada setengah jam kepada satu jam. Ini antara salah satu daripada pertimbangan yang sedang dibuat sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lain? Sila.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pencerahan sedikitlah berhubung dengan dakwaan ke atas Saudara Jufazli yang diambil tindakan ataupun disiasat melalui Akta 233 sama ada tindakan itu betul atau sebaliknya. Oleh kerana saya lihat beliau masih lagi bersiaran secara terus, maknanya Akta 233 itu tidak ada kaitan dengan tindakan yang diambil oleh beliau. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

■1110

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tersebut. Berkenaan status ini, pihak SKMM, sekiranya ada aduan dan selepas aduan dibuat kepada pihak polis dan akan menyiasat berkenaan perkara tersebut di bawah seksyen 233. Bermakna mesti ada aduan di bawah bidang kuasa pihak polis, kemudian aduan dan IP yang telah diterima itu dibawa ke SKMM. Perkara-perkara begini merupakan satu proses yang biasa untuk menyiasat berdasarkan maklumat yang diberikan.

Walau bagaimanapun, sebarang tindakan yang bersesuaian, hanya akan diambil selepas penilaian dan pemerhatian yang serius dibuat ke atas aduan dan *investigation paper*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang telah diterima daripada pihak polis. Setakat ini, masih belum ada...

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: ...Sebarang pengesahan berkenaan kedudukan siasatan bagi kes tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya beralih kepada Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang.

6. Tuan Adrian Banie Lasimbang minta Perdana Menteri menyatakan, apakah usaha kementerian untuk menangani isu-isu Orang Asal khususnya dalam isu tanah, ekonomi dan pendidikan dan adakah Malaysia mengiktiraf Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP) yang menjadi piawaian asas dalam melindungi hak Orang Asal serta mengiktiraf 9 Ogos, Hari Orang Asal Sedunia yang diisytiharkan oleh PBB sebagai satu hari untuk merayakan kepelbagaian budaya Orang Asal di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan tersebut, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas yang telah dilantik ke Dewan yang mulia ini... [Tepuk] Sebelum ini, saya kerap berjumpa Yang Berhormat di mahkamah yang mulia tetapi sekarang saya berjumpa dia di Dewan yang mulia inilah. Seterusnya, saya juga mengucapkan

tahniah juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa yang telah dilantik kembali ke Dewan yang mulia ini.

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, sepertimana yang termaktub di dalam Akta Orang Asli 1954 iaitu Akta 134, dalam bidang kuasa Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), berkaitan dengan Orang Asli di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu, saya hanya akan menjawab usaha-usaha pihak kerajaan terhadap kepentingan Orang Asli di Semenanjung Malaysia sahaja.

Dalam usaha pihak kerajaan bagi menangani isu-isu Orang Asli, kerajaan telah mengenal pasti tujuh fokus utama iaitu, tanah; pendidikan; ekonomi; kesihatan; kepimpinan; infrastruktur; dan kebudayaan.

Di antara isu utama yang perlu ditangani isu hak milik tanah adat dan tanah yang diduduki oleh Orang Asli secara sah. Kerajaan sedang dalam usaha melaksanakan kerja-kerja mengukur untuk memastikan tanah Orang Asli dilindungi. Di samping itu, memandangkan tanah berada di dalam bidang kuasa kerajaan negeri, kerajaan sedang dan akan terus berbincang dengan pihak kerajaan negeri untuk memberi pengiktirafan kepada tanah adat Orang Asli.

Dalam sektor pembangunan ekonomi, JAKOA menghadapi isu pembayaran dividen ladang yang diuruskan oleh RISDA dan FELCRA. Sehingga kini, JAKOA telah melantik RISDA dan FELCRA melalui memorandum persefahaman untuk membangunkan dan menguruskan ladang sawit dan getah dengan keluasan 30,545.4 hektar dan melibatkan seramai 13,021 orang. Status terkini terdapat sebanyak 22 ladang di bawah pengurusan RISDA tidak dapat membayar dividen bulanan dan menjadi isu di kalangan peserta yang terlibat. Kegagalan pembayaran dividen mula berlaku pada bulan Januari 2019. Namun demikian, JAKOA telah dan akan mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menyemak semula memorandum persefahaman dengan RISDA bagi membuat penambahbaikan untuk mengatasi isu kegagalan pembayaran dividen;
- (ii) melaksanakan pemantauan prestasi projek secara berkala ke atas setiap projek dan turut menyemak laporan perbelanjaan yang dilakukan oleh RISDA;
- (iii) mencari alternatif lain sebagai agen mengurus ladang bagi menggantikan RISDA;
- (iv) mulai Oktober 2018, JAKOA telah membuat kaedah pembayaran dividen mengikut harga komoditi semasa;

- (v) mendapatkan kepakaran daripada rakan sinergi yang lain bagi membincangkan bagaimana untuk memaksimumkan hasil, sekali gus dapat menaikkan pendapatan dividen peserta; dan
- (vi) mengalu-alukan peserta untuk mengambil alih ladang daripada agensi mengurus dan menguruskan sendiri di bawah jawatankuasa pengurusan ladang. Kaedah ini dapat memberikan pendapatan terus kepada peserta di samping memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat Orang Asli.

Dalam isu pendidikan anak-anak Orang Asli pula, keciciran merupakan perkara utama yang perlu ditangani oleh kerajaan. Bagi menangani isu ini, JAKOA bersama Kementerian Pendidikan Malaysia telah bekerjasama dengan menubuhkan Sekolah Komprehensif Sembilan (K9) dan sekolah ini akan diperluaskan pelaksanaannya secara berperingkat di kawasan-kawasan yang memerlukan.

Dalam usaha kerajaan bagi menangani isu-isu Orang Asli ini, fokus utama yang diberikan selari dengan hak-hak yang digariskan dalam *Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* (UNDRIP). Sehubungan dengan itu, satu Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 telah diadakan semalam, pada 22 April 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya atau PICC. Konvensyen itu telah disempurnakan perasmiannya oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Konvensyen ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap tujuh fokus utama yang saya nyatakan terdahulu daripada masyarakat Orang Asli sendiri dan pihak-pihak berkepentingan Orang Asli bagi mencapai resolusi ke arah pembentukan pelan pembangunan Orang Asli kebangsaan yang lebih komprehensif. Kesemua cadangan-cadangan dan resolusi yang diperoleh dalam konvensyen ini semalam akan diteliti oleh kerajaan dalam penyediaan satu Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional yang menyeluruh.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat juga, susulan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 28 Julai 2017, pihak kerajaan telah bersetuju supaya diadakan sambutan Hari Orang Asli Kebangsaan bersempena dengan *the International Day of the World's Indigenous People* yang diadakan pada 9 Ogos setiap tahun. Sehubungan dengan itu, JAKOA telah merancang untuk mengadakan sambutan Hari Orang Asli di peringkat kebangsaan pada bulan Ogos ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu, sebelum soalan tambahan saya, saya ingin mengucapkan syabas kepada penganjuran yang baik, konvensyen kebangsaan yang telah berlangsung kelmarin di PICC.

Jadi, soalan tambahan saya, adakah kerjasama dengan Menteri Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat satu kajian perundangan yang ada di negara sekarang untuk mengkaji bahawa khasnya undang-undang yang sedia ada? Adakah perlu cadangan pindaan supaya memenuhi keperluan untuk memberi perlindungan terhadap Orang Asli, khasnya berkaitan dengan aspek-aspek kehidupan mereka? Sekian, terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sedang meneliti Akta 134 ini dan terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan kepada kerajaan untuk mengemas kini undang-undang Akta Orang Asli ini. Semalam juga, berbagai cadangan-cadangan telah dikemukakan dalam konvensyen tersebut. Jadi, kesemua cadangan-cadangan ini akan diteliti oleh kerajaan dan perbincangan akan dijalankan dengan Menteri Undang-undang dan juga dengan Peguam Negara untuk memastikan bahawa kepentingan dan hak Orang Asli terpelihara di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan?... Tidak ada dan saya beralih- ada?

Tuan Manolan bin Mohamad: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya merakamkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menganjurkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan semalam. Soalan saya berkenaan isu tanah, Yang Berhormat Menteri. Kita tahu isu tanah adat ini sangat serius dan sangat penting bagi masyarakat Orang Asli kerana tanah ini merupakan aset utama mereka ataupun nyawa mereka untuk meneruskan kehidupan.

■1120

Soalan saya berkenaan dengan isu tanah adat iaitu banyak kawasan-kawasan penempatan Orang Asli ini yang telah dicerobohi dan tidak diiktiraf dengan pewartaan. Maka itu banyak berlaku pencerobohan tanah adat Orang Asli ini.

Kita sedia maklum bahawa tanah ini bidang kuasa kerajaan ini. Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan, *engagement*, dengan izin, dengan kerajaan negeri untuk mewartakan tanah-tanah adat Orang Asli ini supaya pencerobohan tidak berlaku oleh sesiapa sahaja? Terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Saya memang bersetujulah bahawa isu tanah adat suatu isu yang serius yang kerap kali dibangkitkan oleh masyarakat Orang Asli dan terdapat juga banyak pencerobohan ke atas tanah adat Orang Asli ini.

Pihak Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas tanah terutamanya tanah yang terletak di negeri-negeri di mana mengandungi ramai masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk mengumpul tanah-tanah adat Orang Asli ini dan akan meneruskan perbincangan dan rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk *convince* lah- untuk *convince* mereka untuk melindungi kepentingan masyarakat Orang Asli di negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih juga...

Puan Bathmavathi Krishnan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan tambahan. Pada tahun lepas, pada bulan Mac 2018, suatu dokumen *National Human Rights Action Plan* telah dilancarkan oleh Perdana Menteri terdahulu. Selepas ia dilancarkan, terdapat pelbagai maklum balas dan pandangan dari *civil society organization* mengatakan bahawa terdapat beberapa kekurangan dan ada perkara-perkara yang penting yang harus dimasukkan tetapi belum.

Jadi saya hendak tanya, adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan mengkaji semula perkara-perkara ini yang harus diberi perhatian, khususnya saya ingin bertanya tentang hak-hak asasi kumpulan-kumpulan rentan seperti orang kurang upaya dan juga Orang Asli? Juga, adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan mengkaji semula dan melihat macam mana hendak memperkasakan dokumen ini? Terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/I Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebenarnya dokumen *National Human Rights Action Plan* tersebut mungkin bertindih dengan beberapa kementerian yang lain ya. Jadi, saya tidak dapat memberikan jawapan yang menyeluruh.

Walaupun bagaimanapun, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kerajaan akan mengkaji semula isu-isu hak asasi masyarakat Orang Asli di negara ini dan sebagaimana saya juga nyatakan tadi, terdapat banyak input-input yang diberikan oleh masyarakat Orang Asli semalam mengenai kepentingan kerajaan melindungi hak-hak mereka. Jadi, kesemua input itu akan dipertimbangkan dan keputusan yang sewajarnya akan dibuat tidak lama lagi. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan, kesahihan dan perincian jelas tentang tanggungan hutang Kerajaan Persekutuan dan liabiliti semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Merujuk kepada dokumen penerbitan terkini Kementerian Kewangan iaitu *Fiscal Updates 2018*, kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan

sebanyak RM741 bilion atau 51.8 peratus daripada KDNK pada akhir tahun 2018. Ia kekal di bawah paras 55 peratus daripada KDNK. Hutang domestik merangkumi 97.1 peratus atau RM719.5 bilion daripada jumlah hutang langsung, manakala baki iaitu 2.9 peratus atau RM21.5 bilion pinjaman luar pesisir. Bank Negara Malaysia melalui Laporan Tahunan 2018 turut melaporkan hutang langsung Kerajaan Persekutuan 51.8 peratus daripada KDNK.

Di samping itu, kerajaan juga mempunyai tanggungan liabiliti lain seperti jaminan yang perlu ditanggung kerajaan. Hutang 1MDB dan liabiliti lain menjadikan kedudukan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM1.1 trilion atau sekitar 76 peratus daripada KDNK pada akhir tahun 2018. Jaminan yang perlu ditanggung oleh kerajaan meliputi jaminan yang diberikan kepada syarikat berkaitan kerajaan untuk melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan Lebuhraya *Pan Borneo*.

Selain menanggung hutang syarikat 1MDB, kerajaan juga mempunyai liabiliti lain meliputi bayaran pajakan kewangan ataupun *finance lease* bagi projek yang dilaksanakan secara *public-private partnership* (PPP), inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd. Bayaran bagi projek PPP berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani antara kerajaan dan juga syarikat konsesi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan pencerahan yang baik dan terperinci.

Cuma soalan tambahan saya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, apakah dengan kekeliruan mengenai standard pelaporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia ini akan menjejaskan prestasi pasaran modal

Malaysia dan bagaimanakah kerajaan menangani sentimen kekeliruan ini agar pertumbuhan ekonomi Malaysia tidak terencat? Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya tidak ada percanggahan antara laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan juga oleh Bank Negara. Ia konsisten iaitu hutang langsung Kerajaan Persekutuan pada kadar 51.8 peratus.

Cumanya, kita perlu juga menyedari bahawa terdapat juga tanggungan ataupun liabiliti dan hutang-hutang ataupun perbelanjaan *off budget expenditure*. Dia tidak dimasukkan di dalam bajet tetapi digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja *development programmes*, projek-projek pembangunan yang akhirnya Kerajaan Persekutuan juga yang hendak kena bayar balik hutang-hutang yang dibuat tersebut. Kita menyebutkan ini ialah supaya semua pihak sedar tentang keperluan untuk kita menjaga disiplin fiskal kita supaya hutang langsung ini tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK.

Sebenarnya negara memang memerlukan untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan yang cukup banyak daripada permohonan yang kita dapati. Untuk kita terus melaksanakan ini dengan sekali gus menjaga disiplin fiskal kita itu ialah untuk kita mengembangkan ekonomi kita, meningkatkan KDNK kita. So, bila KDNK kita meningkat, maka kita boleh untuk berhutang untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan tanpa menjejaskan peratusan hutang kita kepada KDNK. Sebab bila KDNK kita naik, maka dengan sendirinya hutang sedia ada itu akan turun dari segi peratusnya. So, bila kita berhutang lagi untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan, ianya masih dalam tahap disiplin fiskal yang sedang kita ikuti itu.

■1130

Jadi Yang Berhormat Senator, bagi yang menjawab itu maknanya, ini antara perkara yang dilihat oleh *rating agencies*, yang melihat sejauh mana kita komited untuk menjaga disiplin fiskal ini dan bagaimana kita mengawal perbelanjaan dan bagaimana juga kita telah meletakkan beberapa *pillars* ataupun tonggak di dalam pembangunan negara kita yang antara lain kita meletakkan tonggaknya ialah *good governance* supaya memastikan setiap Ringgit yang kita belanjakan itu, kita akan mendapat pulangan ataupun *value*, nilainya itu sepadan dengan yang kita belanjakan dan tidak lagi berlaku kes-kes yang kita dapat perkhidmatan ataupun barangan itu nilainya RM1, tetapi kita perlu belanja RM3 ataupun RM5.

Jadi ini yang sedang dilihat oleh mereka yang berada di luar. Sekiranya *confidence* itu ada dan yakin dengan komitmen kita untuk menjaga disiplin-disiplin ini, saya yakin bahawa kita akan terus mendapat pelaburan daripada luar dan juga maknanya *confidence* masyarakat

pelabur dalam dan luar negara akan terus berada bersama dengan kita. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Baik, Setiausaha. Terima kasih Yang Berhormat.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Majlis Parlimen Yang Keempat Belas.”

[22 April 2019]

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing untuk menyambung berucap. Dipersilakan.

11.32 pg.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung perbahasan saya yang telah tergendala petang semalam. Sebenarnya ramai petani di Sarawak benar-benar mengabaikan dan malah meninggalkan kebun lada dan getah mereka. Kami tertanya-tanya dari mana mereka mendapat wang untuk membeli baja dan racun rumpai yang mahal itu.

Harga hasil tani turun, harga barangan naik. Inilah masalah yang dihadapi oleh penduduk luar bandar. Saya berpendapat bahawa subsidi kerajaan, bukan jawapan berkenaan. Bahkan tidak untuk jangka masa yang pendek tetapi untuk melihat bahawa masyarakat pedalaman yang telah hilang banyak bantuan yang dinikmati orang lain, menimbulkan persoalan keadilan.

Sebagai contoh, ada bantuan untuk nelayan dan penoreh getah semasa musim tengkujuh atau musim hujan, subsidi bahan bakar untuk nelayan dan jaminan untuk peneroka FELDA. Akan tetapi nampaknya tiada bantuan semacam itu untuk membantu masyarakat pedalaman untuk menampung kos serta sara hidup yang tinggi. Oleh yang demikian, saya ingin meminta kerajaan supaya merangka penyelesaian untuk menampung kos sara hidup dan kesusahan yang tinggi ini, sama ada subsidi atau bantuan, dengan mengambil kira keadaan unik di Sarawak dan Sabah.

Mengenai kesejahteraan rakyat Orang Asal di Sarawak. Saya telah menyentuh tentang bagaimana harga komoditi yang rendah, menjadikan kehidupan sukar bagi petani luar bandar di Sarawak yang melibatkan penanaman lada, getah dan kelapa sawit. Mereka memerlukan alternatif. Jadi janji kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan mereka melalui ekonomi, modal insan dan pembangunan infrastruktur, dijangka hanya harapan saja. Harapan tanpa makna.

Bagi modal insan, sangat biasa untuk melihat banyak jabatan dan agensi kerajaan terutamanya agensi-agensi Persekutuan di Sarawak yang mempunyai hampir keseluruhannya dari kaum tertentu, dari atasan sampai ke bawah walaupun dalam jawatan yang sangat junior, dengan izin. Ini tidak mencerminkan mewakili komoditi yang mereka layani. Bagaimanakah modal insan di kalangan masyarakat luar bandar dihargai apabila mereka tidak diberikan peluang untuk berkhidmat dan membuktikan nilai mereka walaupun dalam melayani kaum mereka sendiri?

Penting bahawa ketidakseimbangan ini di dalam agensi Persekutuan dan kakitangan perkhidmatan awam diperbetulkan dengan segera. Ini akan menjadi jauh ke arah mengurangkan jurang ekonomi bandar dengan luar bandar. Kegagalan menangani masalah ini, bukan saja menjadi pembaziran modal insan masyarakat luar bandar tetapi juga menimbulkan perasaan tidak adil dan kemarahan.

Mengenai sektor makanan dan bank makanan ataupun *food bank*, dengan izin, Malaysia mempunyai keadaan tanah dan iklim yang sangat serupa dengan negara-negara ASEAN yang lain. Akan tetapi kita mengimport banyak keperluan makanan dari negara lain termasuk makanan utama atau asas seperti beras. Mengapa keadaan begini berlaku? Adakah ini sebab kita tidak melabur lebih banyak dalam pengeluaran makanan kita sendiri? Saya tertanya-tanya sama ada kita mempunyai bekalan selama tiga bulan atau *70 percent* keperluan tahunan dalam inventori stok negara sebagai jaminan makanan atau sebagai *food security*.

Pelbagai petani luar bandar sedang menyahut seruan kerajaan untuk mempelbagaikan tanaman mereka dan meningkatkan kegiatan pertanian untuk mengurangkan impak harga komoditi yang rendah. Mereka yang mempunyai tanah yang kecil, malah mengorbankan kebun getah, lada dan koko dan menggantikannya dengan misalnya, durian Musang King, nanas, kelulut dan penternakan burung layang-layang, sebagai contoh.

Sesetengah petani terutamanya yang mempunyai tanah yang terhad, masih menggunakan sikap menunggu dan berharap kerana tanaman baharu ini akan mengambil masa yang panjang sebelum mengeluarkan hasil. Di sini sekali lagi, apabila cuba mengurangkan beban kesusahan pekebun kecil pada masa harga komoditi yang rendah, harus merangkumi petani miskin di pedalaman Sarawak apabila memberi bantuan dan bukan hanya membantu nelayan atau pesawah yang terjejas oleh musim tengkujuh atau kemarau yang berpanjangan.

Mengenai sistem perumahan dan pengangkutan. Apabila kita bercakap tentang perumahan yang mampu milik, adakah kita juga bercakap tentang mereka yang masih tinggal di rumah panjang? Saya menimbulkan masalah ini kerana ada pinjaman Kerajaan Persekutuan yang disediakan dan diberikan untuk pembinaan beberapa rumah panjang tetapi peruntukan telah ditarik balik oleh kerajaan sekarang. Saya difahamkan bahawa peruntukan mereka yang telah diluluskan lebih awal sebelum perubahan kerajaan ini, tidak juga dikeluarkan sepenuhnya. Saya yakin, kos perbelanjaan pembinaan satu unit di rumah panjang lebih murah daripada satu unit di bandar atau di kampung.

■1140

Justeru itu, saya menggesa kerajaan untuk terus mengadakan pinjaman ini untuk pembinaan rumah panjang baharu. Saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat penjelasan, mengapa pinjaman yang sudah diluluskan ditarik balik. Tidakkah perbuatan begini membebankan rakyat? Saya mohon penjelasan.

Sebagai contoh, kes di kawasan Parlimen Selangau. Kelulusan diberi melalui surat bertarikh 9 April 2018. Baru-baru ini, pelanggan diberitahu bahawa peruntukan sudah ditarik balik oleh Kerajaan Persekutuan. Pada pendapat saya, perbuatan begini tidak masuk akal. Adakah hasrat kerajaan sekarang untuk membebankan rakyat? Lebih-lebih lagi, Ahli Parlimen ahli dari Pakatan Harapan. Ini kah ganjaran untuk pengundi-pengundi yang telah mengundi Pakatan Harapan?

Sarawak, jauh ketinggalan dalam sistem pengangkutan jika dibandingkan dengan yang sedia ada di Semenanjung seperti Lebuh raya Pantai Barat, Lebuh raya Utara-Selatan dan sekarang, ECRL dan sebagainya. Di Sarawak, hanya satu sahaja lebuh raya iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat maaf ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Nuing Jeluing: Sambung. Di Sarawak, hanya satu sahaja lebuhraya iaitu Lebuhraya *Pan Borneo* yang masih dalam proses pembinaan. Jika ada masalah berkenaan dengan proses pembinaan lebuhraya ini, mohon diselesaikan dengan segera. Terdapat di satu atau dua tempat sepanjang lebuhraya yang dalam proses pembinaan ini, keadaan amat berbahaya. Contohnya jalan tidak rata, berlubang dan kekurangan papan tanda keselamatan. Ini mengakibatkan sering berlaku kemalangan dan ada yang mengorbankan nyawa. Saya mohon agar proses pembinaan Lebuhraya *Pan Borneo* dipercepatkan dengan segera.

Begitu juga pembinaan jalan raya ke bandar Kapit iaitu sebuah bandar utama di Hulu Rajang, belum selesai. Bandar Kapit untuk makluman, Pusat Pentadbiran Bahagian Kapit yang lebih kurang sama besar dengan negeri Pahang. Akan tetapi tidak ada hubungan dengan tempat lain di Sarawak melalui jalan raya. Mereka di Kapit hanya ada Sungai Batang Rajang untuk menghubungkan tempat lain.

Begitu juga keadaan di Baram. Mereka masih menggunakan Sungai Batang Baram sebagai jalan raya. Saya berharap masalah ini akan dipertimbangkan dengan segera. Lebih-lebih lagi, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang bertanggungjawab dari Sarawak. Saya rasa beliau prihatin dengan keadaan ini.

Pendidikan berkualiti. Kami menyokong sepenuhnya keperluan pendidikan berkualiti supaya kita boleh bersaing di peringkat global. Memang diakui secara terbuka bahawa standard atau taraf pendidikan di Malaysia telah menurun terutamanya bahasa Inggeris. Mengambil Sarawak sebagai contoh, kami telah meminta banyak lagi guru terlatih tempatan. Saya berharap, rancangan yang telah dipersetujui untuk mengadakan 80 *percent* guru-guru anak tempatan akan ditunaikan. Kami mohon agar bahasa Inggeris boleh diguna pakai sebagai satu bahasa penghantar dalam sistem pendidikan di Malaysia. Akibat penurunan kualiti taraf pendidikan, Sarawak berhasrat diberi kuasa yang lebih besar untuk menentukan sistem pendidikan.

Mengenai melawan rasuah. Saya mahu bertanya, apakah status, cadangan atau janji untuk membuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah kuasa Parlimen? Apakah statusnya sekarang? Adakah penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku

Polis (IPCCM) akan diteruskan? Saya percaya, kedua-dua perubahan dan inisiatif ini akan menjadikan SPRM lebih berkesan dalam memerangi rasuah.

Perpaduan rakyat. Akhir-akhir ini, cadangan untuk meminda Perkara 1(2), Perlembagaan Persekutuan telah menjadi titik perbincangan utama terutama di Sarawak. Walaupun rang undang-undang itu tidak diluluskan oleh Dewan Rakyat, kami berharap Pakatan Harapan akan meneruskan usaha untuk mengembalikan hak-hak Sarawak yang terhakis berdasarkan MA63 or *Malaysia Agreement 1963*. Kami juga berharap, Kerajaan Pakatan Harapan akan terus menentukan bahawa Sarawak dan Sabah, sama setanding dengan Malaya dalam Persekutuan Malaysia. Langkah-langkah ini akan menentukan keharmonian negara Malaysia.

Kami berharap, tidak ada percubaan untuk memutar belit sejarah pembentukan Malaysia. Satu contoh yang jelas mengenai pengabaian sejarah Sarawak dan Sabah dalam Malaysia mengatakan bahawa tahun ini ulang tahun ke-60 Parlimen Malaysia. Ini tidak betul bahawa Parlimen Malaysia kita hanya terbentuk pada September 1963 dengan mengambil kira tahun Sarawak dan Sabah bersama-sama dengan Malaya membentuk Malaysia. Oleh yang demikian, Parlimen kita hanya harus berusia 56 tahun dan bukan 60 tahun.

Sumbangan perkhidmatan awam. Memang tidak dipertikaikan bahawa orang Dayak tidak diwakili secara adil dalam pelbagai perkhidmatan awam Persekutuan. Ia bukan hanya dalam sektor pekerjaan kerajaan tetapi juga pengagihan peluang berkhidmat untuk negara. Saya percaya, orang-orang Dayak boleh memberi sumbangan yang lebih besar kepada kesejahteraan negara, jika diberi peluang untuk berkhidmat.

Berkenaan dengan perkhidmatan awam, saya berpendapat Jabatan Bomba dan Penyelamat satu agensi yang tidak terdapat di luar bandar. Kebanyakan tempat di luar bandar masih tidak mempunyai perkhidmatan bomba dan penyelamat atau unit sukarela pemadam api yang lengkap serta terlatih. Tahun ini sahaja, banyak kejadian kebakaran di rumah panjang mengakibatkan kerugian tidak terhitung termasuk kehilangan nyawa.

Selalunya apabila bomba sampai ke tempat kejadian, semuanya sudah menjadi abu. Buat masa sekarang, bomba tidak berkesan dalam memerangi kebakaran kerana mengambil masa yang lama untuk tiba di tempat kejadian. Sudah tiba masanya agensi ini dibuat lebih berkesan dengan memperluaskan perkhidmatan mereka ke bandar-bandar kecil dan membawa mereka lebih dekat kepada penghuni pedalaman. Ini termasuk menubuhkan dan melengkapkan unit pemadaman api sukarela berasaskan kampung atau rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas sahaja terdapat tiga kejadian kebakaran rumah panjang. Satu di kawasan Sungai Tau, Balingian kawasan Parlimen Selangau di mana 22 pintu rumah panjang telah terbakar sepenuhnya dan mengorbankan satu nyawa.

■1150

Bomba terdekat dari Pekan Tatau mengambil masa lebih kurang satu jam setengah untuk tiba ke tempat kejadian. Keadaan ini tidak memuaskan. Kes kedua ialah dalam skim penempatan semula di Sungai Asap Belaga. Dua unit rumah panjang yang terdiri daripada 45 keluarga menjadi mangsa. Balai bomba yang terdekat di Bintulu yang mengambil masa lebih kurang dua jam baru sampai ke tempat kejadian.

Saya difahamkan bahawa ada pasukan pemadam kebakaran sukarela tetapi tidak mampu memadam kebakaran kerana kemudahan yang terhad. Saya ingin kerajaan mewujudkan pasukan sukarela pemadam api yang lebih lengkap dan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

11.51 pg.

Datuk Theodore Douglas Lind: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan ucapan perbahasan saya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan dan Sosial Masyarakat Bestari Daerah Gombak ke Dewan Negara... *[Tepuk]* Di harap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan usul menjunjung kasih Titah Diraja. Salam sejahtera, salam mesra dan salam Malaysia. Terlebih dahulu saya dengan rendah hati ingin mengucapkan tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana pada awalnya diisytiharkan sebagai Sultan Pahang dan kemudiannya di pilih oleh Raja-Raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-16.

Saya percaya dan yakin bahawa negara di bawah kepimpinan Duli Tuanku sebagai ketua negara, negara akan lebih maju, aman dan makmur. Duli Tuanku juga terkenal sebagai seorang Raja yang berprihatin dan sentiasa mengambil berat kesejahteraan rakyat, makanya saya percaya kebahagiaan rakyat jelata akan kekal terjamin dalam lima tahun di bawah kepimpinan Duli Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah bersetuju untuk membuat pindaan peruntukan 1(2) untuk kembalikan ayat-ayat asal sebelum Perlembagaan dipinda pada tahun 1976.

Tujuan pindaan ini supaya Perlembagaan akan bersama dengan Perjanjian Malaysia 1963 yang terkenal sebagai MA63 dan akan kembalikan kedudukan Sabah dan Sarawak yang sebenarnya sebagai rakan kongsi dan bukan sama taraf dengan negeri-negeri lain di Semenanjung yang diterjemahkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Malangnya cadangan pindaan ini ditolak oleh Dewan Rakyat apabila undi yang diperlu iaitu 2/3 Ahli Dewan Rakyat untuk meluluskan pindaan Perlembagaan ini tidak dapat diperolehi kerana kekurangan 10 undi.

Undi yang diperolehi hanya 138 menyokong, menentang 0 dan 59 tidak mengundi. Bagaimanapun saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua wakil rakyat daripada Pakatan Harapan yang berasal daripada Semenanjung bahawa biar pun pindaan ini tidak ada berkaitan dengan mereka, mereka telah menyokong pindaan ini atas semangat muhibah, kemesraan dan perpaduan dengan penduduk Sabah dan Sarawak. Wakil rakyat daripada UMNO, MCA dan MIC memang diramalkan tidak akan menyokong kerana ada agenda politik mereka sebagai pembangkang.

Akan tetapi, yang paling mengecewakan kesemua 18 wakil rakyat dari gabungan parti Sarawak tidak menyokong pindaan itu. Sebagai alasan, mereka menentang pindaan itu kerana kononnya pindaan itu tidak dirujuk dahulu kepada Jawatankuasa Parlimen dan tidak cukup meluas. Contohnya, Perkara 160 di mana erti "Persekutuan" harus juga dipinda dengan maksud "Persekutuan" berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ke MA63, bersama dengan pindaan yang dicadangkan itu. Alasan ini susah diterima kerana pindaan ini untuk tambah dan bukan untuk kurangkan kedudukan Sabah dan Sarawak dan harus dirujuk kepada satu jawatankuasa.

Alasan ini juga tidak munasabah kerana pindaan ini langkah pertama dan yang juga paling penting kerana ia bukan sahaja memulihkan kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi tetapi ia akan merupakan satu batu asas penubuhan negara Malaysia menurut MA63. Beberapa pemimpin pembangkang dari Sabah juga menyatakan bahawa pindaan ini satu perangkap Kerajaan Persekutuan. Saya ingin bertanya bagaimana pindaan ini boleh jadi satu perangkap bila ianya hanya akan menukar ayat-ayat atau perkataan yang diperuntukkan di Perkara 1(2) kepada asalnya yang sebelum ini telah dipinda pada tahun 1976.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangi pindaan kedua di dalam Dewan Rakyat pada 9 April telah juga memberi jaminan bahawa pindaan ini langkah permulaan dan akan diikuti dengan banyak lagi pindaan supaya semangat dan syarat-syarat di MA63 akan dipatuhi. Akan tetapi, pihak GPS telah mengatakan ayat-ayat asal ini pun tanpa menyebut MA63. Tidak akan menjejaskan kedudukan sebenar Sabah dan Sarawak. Sekarang pula selepas pindaan ini ditolak, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah mengatakan kerana kelemahan sekretariat Yang Berhormat Datuk VK Liew punca mengapa pindaan ini ditolak.

■1200

Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak juga mengatakan bahawa pindaan itu tidak akan menjadi satu masalah jika ada perbincangan antara Sabah, Sarawak dan Kerajaan Persekutuan. Saya tidak faham bagaimana ini boleh menjadi halangan kepada pindaan tersebut kerana apa yang penting isi kandungan pindaan itu dan bukan isu-isu seperti ini. Tindakan wakil rakyat GPS itu memang susah diterima dan difahami tetapi tidak boleh dinafikan bahawa tindakan mereka itu memang mengecewakan rakyat Sabah dan telah menjadi satu halangan aspirasi untuk kembalikan Sabah kepada kedudukan yang sebenar dalam Persekutuan Malaysia.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Pakatan Harapan untuk memperkenalkan semula pindaan Perlembagaan itu. Akan tetapi kali ini dengan lebih menyeluruh, meluaskan dan lebih terbuka dengan penuh perbincangan dengan semua pihak tertentu khususnya Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja, Duli Tuanku telah menyentuh usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat luar bandar termasuk orang asal Sabah...

Datuk Paul Igai: Boleh *kamek* mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Paul Igai: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator. Dalam isu pindaan MA63 yang telah tidak dapat kelulusan dua pertiga di Dewan Rakyat dahulu, setujukah Yang Berhormat bahawa banyak Ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat belum faham latar belakang MA63 ataupun ada kekeliruan dan belum ada penjelasan teliti diterima dan difahamkan oleh mereka. Sekarang kita sudah tahu *Parliament Select Committee* akan ditubuhkan dan dipersetujui oleh kerajaan, dengan izin. Bolehkah rang undang-undang pindaan ini dapat dibentangi sekali lagi? Macam manakah harapan kita sesudah selesainya rundingan dalam PSC nanti, pindaan ini boleh diterima dengan lebih dua pertiga? Terima kasih.

Datuk Theodore Douglas Lind: Tuan Yang di-Pertua, banyak pihak salah tafsir fasal MA63 ini. Kebanyakan khususnya ahli-ahli politik menyuarakan isu ini sebagai satu- untuk

memperjuangkan parti atau diri mereka. Akan tetapi kalau kita melihat Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan syarat-syarat dalam MA63 sudah dalam Perlembagaan Persekutuan.

Jadi, soalnya Yang Berhormat Paul, tujuan pindaan Peruntukan 1(2) ini penting kerana inilah asas penubuhan negara kita dan juga kembalikan kedudukan yang sebenar kepada Sabah dan Sarawak. Teruskan dengan kedudukan kalau kita kembalikan pada asal sebagai rakan kongsi, maka Sabah dan Sarawak boleh menuntut minyak dan gas yang milikan kedua-dua negeri ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pindaan dibuat pada 1976 terhadap Peruntukan 1(2) ialah untuk memberikan kuasa pada Kerajaan Persekutuan melalui PETRONAS, minyak dan gas yang didapati di Sabah dan Sarawak. Jadi saya ingat ini tidak jadi masalah kalau kita kembali memperkenalkan semula pindaan itu. Terima kasih.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Dalam Titah Diraja- sudah itu. Titah Duli Tuanku itu memang tepat kerana kenyataan bahawa golongan miskin yang paling ramai di negara ini datang dari Sabah di mana sebahagian besar penduduk di luar bandar masih dalam keadaan daif dan kemiskinan yang begitu teruk, biarpun kita sudah mencapai kemerdekaan selama 56 tahun. Tidak juga boleh dinafikan bahawa Sabah jauh ketinggalan dalam semua aspek pembangunan khususnya dalam jalan raya, bekalan air terawat, elektrik di luar bandar kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Kerja Raya untuk meningkatkan usaha-usaha di Sabah untuk mengatasi masalah ini, dan Kementerian Kewangan untuk menambah lebih banyak peruntukan kepada Sabah, sekali gus mengurangkan jurang pembangunan antara Sabah dan negeri-negeri di Semenanjung seperti yang di Titah oleh Duli Tuanku.

Saya juga berpendapat Tuan Yang di-Pertua, bahawa pembangunan fizikal seperti jalan raya, bekalan air terawat dan elektrik mesti berjalan seiring dengan usaha untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan penduduk di luar bandar. Banyak- di mana biarpun tidak sampai elektrik Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka ini tiada pendapatan yang- mereka tidak dapat membayar bekalan-bekalan yang digunakan mereka. Jadi kita mesti tingkatkan ekonomi mereka seimbang dengan pembangunan fizikal. Maka Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah harus mengadakan rancangan terperinci untuk tujuan ini. Kalau tidak, penduduk orang asal di luar bandar akan kekal terperangkap dalam keadaan kemiskinan selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa kerana Sabah negeri yang begitu besar dan keadaan kadar miskin begitu teruk, maka kita perlu banyak peruntukan untuk menjalankan usaha-usaha mengurangkan kemiskinan dan untuk pembangunan fizikal seperti membina dan memperbaiki jalan raya dan untuk membekalkan air rawat dan elektrik kepada penduduk di luar bandar.

Selain diberikan peruntukan, Kerajaan Persekutuan harus juga membayar Kerajaan Negeri Sabah 40 peratus dari hasil yang dikutip selama ini menurut Fasal 2(1), Bahagian IV, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan seperti berikut: "Dalam hal Sabah diberikan yang amaun sama banyak dalam setiap tahun dengan dua perlima iaitu 40 peratus daripada amaun yang hasil bersih yang didapati oleh Persekutuan dari Sabah melebihi hasil yang bersih akan didapati sedemikian oleh Persekutuan dalam tahun 1963".

Jadi, mengikut Perlembagaan ini, peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun apabila Persekutuan mengutip cukai dari negeri Sabah, 40 peratus ini harus dikembalikan pada negeri Sabah. Ini dalam Perlembagaan. Ini bukan kita buat-buat permintaan tetapi dicatat dalam Perlembagaan. Daripada tahun 1963 hingga kini Kerajaan Persekutuan hanya membayar RM26 juta setiap tahun, tidak usah menjelaskan tunggakan 40 peratus hasil itu. Sehingga kini kita masih belum dapat memastikan jumlah tunggakan, hasil yang dihutang oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sabah.

■1210

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ada dalam soalan nombor 89 kelmarin, minta Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyatakan jumlah- ini soalan saya Tuan Yang di-Pertua, *"Minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang yang belum dijelaskan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah daripada cukai dan hasil yang dikutip daripada negeri Sabah setiap tahun sebanyak dua per lima bersamaan 40 peratus menurut peruntukan Jadual Sepuluh, Bahagian IV 2(1) Perlembagaan Persekutuan."* Ini jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang saya berpendapat tidak bertanggungjawab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini- ini jawapan Yang Berhormat Menteri, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 hari bulan 2018, telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil Persekutuan, serta Sabah dan Sarawak diberi tempoh selama enam bulan untuk melaksanakan kajian dan semakan ke atas isu-isu yang

dibangkitkan termasuk isu kewangan serta jadual melengkapkan laporan hasil rundingan pada pertengahan tahun ini. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu-isu yang dibangkitkan dan diambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Soal saya, hanya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan beri berapa jumlahnya. Jawapan yang ini macam dia elakkan untuk menjawab. Inilah sebab isu macam seperti ini, sikap macam ini yang menyakitkan orang-orang dari Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua bahawa Kementerian Kewangan dan kerajaan negeri harus menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menghitung dan mengkaji jumlah hutang itu dan untuk mencari jalan yang sesuai yang menyelesaikan hutang itu termasuk mengambil kira hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi boleh *set off*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi, malangnya Kementerian Kewangan saat ini masih belum pun mengambil apa-apa tindakan untuk memulakan proses menyelesaikan tersebut. Wang atau hasil ini hak Sabah yang dicerna dalam Perlembagaan Persekutuan yang merupakan kuasa yang tertinggi di negara kita. Maka, suka atau tidak Kerajaan Persekutuan harus dan mesti menjelaskan dan menyelesaikan hutang ini yang diperuntukkan di Perlembagaan.

TuanKu dalam Titah Baginda, Tuan Yang di-Pertua, telah pun merayu semua pihak untuk junjung keluhuran Perlembagaan. Jadi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk meluhurkan Perlembagaan Persekutuan itu. Oleh yang demikian, saya ingin sekali lagi merayu kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Kewangan mengambil tindakan dengan secepat mungkin untuk memulakan proses membayar hutang ini biarpun dengan cara ansuran.

Tuan Yang di-Pertua, TuanKu dalam Titah Baginda telah juga merayu kepada semua pihak agar mengambil berat terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dan kepentingan kesedaran kebersihan persekitaran. Ini penting kerana baru-baru ini kita telah menyaksikan satu insiden di Pasir Gudang, Johor pada 13 Mac tahun ini yang mana Sungai Kim Kim telah mencemar dengan kimia-kimia toksik yang dibuang secara haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Akibatnya, sebanyak 111 sekolah dengan seramai 30,000 budak sekolah terpaksa ditutup. Seramai 500 penduduk berhampiran dengan Sungai Kim Kim itu terpaksa menerima rawatan perubatan dan seramai hampir 100 orang telah ditahan dalam hospital. Insiden ini Tuan Yang di-Pertua, menggambarkan satu cara hidup dan sikap rakyat Malaysia yang sukar dan

sering membuang segala sampah sarap di sungai, belukar dan kawasan lapang tanpa mengambil kira bahawa perbuatan mereka ini akan mencemarkan keindahan dan kebersihan alam sekitar. Kita juga dapati bahawa hampir semua tandas awam di bangunan kerajaan, lapangan terbang, bangunan awam dan kompleks membeli belah di seluruh negara dalam keadaan yang kurang memuaskan dan kurang bersih.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua saya ingin merayu kepada kerajaan mengadakan satu kempen secara besar-besaran di seluruh negara untuk memberi kesedaran pada semua rakyat Malaysia akan utamakan dan amalkan kebersihan sebagai satu sikap dan satu cara hidup baharu. Kempen ini harus dimulakan dengan semua kakitangan kerajaan termasuk semua pasukan keselamatan termasuk PDRM dan ATM dan juga semua hospital kerajaan, semua sekolah-sekolah dan universiti-universiti dan juga institusi-institusi pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana disentuh dalam Titah Diraja bahawa perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini harus diperkukuhkan. Kita sudah melihat dan menyaksikan bahawa negara Syria telah hancur dan musnah dan rakyatnya mengalami kesengsaraan yang begitu teruk kerana peperangan saudara. Ini akan terjadi di negara ini sekiranya rakyat berbilang kaum dan agama tidak bersatu dan bertolak ansur dan menghormati satu dengan yang lain dan berpecah memperjuangkan agenda politik masing-masing.

Kita dapati baru-baru ini terdapat dua parti politik telah menggunakan isu perkauman dan agama untuk kepentingan mereka dan untuk menarik penyokong. Saya ingin merayu kepada pemimpin-pemimpin parti politik ini janganlah membakar kelambu kerana seekor nyamuk. Ini kerana akhirnya kita semua akan menjadi mangsa. Maka saya ingin merayu kepada semua pihak yang berkenaan untuk mengambil berat dan patuhi Titah Tuanku itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir. Pada masa ini- tentang keselamatan di negeri Sabah.

Pada masa ini keselamatan di negeri Sabah terkawal khususnya di pantai timur dalam kawasan ESSCOM. Bagaimanapun oleh kerana terdapat keadaan tertentu yang boleh mengancam keselamatan di sini pada bila-bila masa, maka kerajaan harus memperkukuhkan tahap keselamatan dan kesigapan untuk menghadapi apa-apa juga ancaman keselamatan di Sabah secara lebih berkesan khususnya di sempadan perairan antara Sabah dan negara Filipina.

■1220

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, satu pertiga penduduk Sabah terdiri daripada pendatang luar, khususnya dari negara Indonesia dan Filipina. Oleh kerana mereka begitu ramai,

banyak telah diberikan kad pengenalan Malaysia oleh Kerajaan BN dahulu supaya menjadi pengundi BN dalam pilihan raya. Maka, ini akan menjadi ancaman keselamatan yang paling serius. Keadaan ini boleh dan akan menggugatkan keselamatan dan masa depan penduduk asal Sabah. Menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk mengambil langkah-langkah dan tindakan yang sesuai seperti menarik semula kad pengenalan dan mengeluarkan nama-nama mereka dari Daftar Pemilih untuk menghapuskan ancaman ini dan menjamin masa depan penduduk asal Sabah.

Seperti yang saya telah utarakan dalam perbahasan saya dalam sesi yang lepas, kita mempunyai sebanyak 500 ribu orang penduduk di Sabah yang tidak memiliki kewarganegaraan atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *this people are stateless*. Mereka ini kesian kerana kebanyakan dari budak-budak, mereka tidak boleh pergi sekolah, mereka sakit pun susah, *because* mereka tiada IC.

Jadi, kerajaan mesti atas perikemanusiaan, atas kepentingan orang Sabah dan negeri Sabah, mesti ambil satu tindakan yang sewajarnya. Di dalam perbahasan saya, saya telah mencadangkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui kerajaan negeri mengambil satu tindakan yang komprehensif untuk menyelesaikan masalah ini supaya perkara ini tidak akan mengancam keselamatan Sabah pada masa sekarang dan pada masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengakhiri perbahasan ini dengan mengucapkan terima kasih kepada semua anggota-anggota dan pegawai pasukan keselamatan daripada PDRM dan ATM.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang 500 ribu *stateless person* ini, kejadian itu berlaku bagaimana?

Datuk Theodore Douglas Lind: Bagaimana, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana kita ada 500 ribu orang *stateless*?

Datuk Theodore Douglas Lind: Ini statistik daripada Kementerian Dalam Negeri, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kebanyakan terdiri daripada mereka yang budak-budak yang lahir di mana ayah mereka bukan orang Malaysia atau- Ayah orang Malaysia tetapi ibu bukan orang Malaysia. Jadi, dia tidak dapat IC.

Kedua, kebanyakan pendatang dari Indonesia dan Filipina yang kedudukan mereka pun tidak diberikan kewarganegaraan. Jadi, anak dia pun ikut seperti ini. Jadi, mereka ini *stateless*, jadi sudah- ini menjadi masalah yang bahaya betul, Tuan Yang di-Pertua. Bukan untuk keselamatan tetapi atas perikemanusiaan. Jadi, ini akan jadi bahaya kerana masa depan mereka tidak terjamin. Mereka pun tidak boleh pergi sekolah, tidak dapat kerja kerana mereka tidak ada

IC. Jadi, ini satu masalah yang besar yang kita harus, dengan izin, *take the bull by the horn*, Tuan Yang di-Pertua dan selesaikan untuk masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Theodore Douglas Lind: Jadi, khususnya saya ucapkan terima kasih kepada mereka PDRM dan ATM yang datang dari luar Sabah. Oleh kerana atas usaha, pengorbanan dan jasa mereka, maka keselamatan Sabah, khususnya di kawasan ESSCOM, terkawal dengan baik. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul menjunjung kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin.

12.25 tgh.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta berucap menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang Keenam Belas, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Shah kerana telah sudi berangkat menyampaikan Titah di Istiadat Pembukaan Persidangan Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas pada 11 Mac 2019 yang baru lalu.

Saya mendoakan agar Tuanku Yang Dipertuan Agong dianugerahkan kekuatan yang berterusan untuk menaungi dan memayungi negara tercinta serta meneruskan pemerintahan dengan adil dan saksama serta mengutamakan kesejahteraan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam titah ucapan Baginda, Tuanku telah menyatakan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V sepanjang pemerintahan Baginda sebagai Yang Dipertuan Agong Kelima Belas. Di kesempatan itu juga Baginda turut melahirkan rasa kesyukuran dan kesejahteraan serta pencapaian secara keseluruhan dari segi tadbir urus negara yang baik, kedudukan ekonomi serta kewangan Malaysia kekal kukuh dan berdaya saing, meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi, termasuk kesan dan ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik China.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh mengenai pelbagai inisiatif. Antaranya pelarasan gaji minimum, pemberian bantuan sara hidup, subsidi bersasar, program *food bank* serta peningkatan kualiti sistem penyampaian kerajaan. Selain itu, Baginda

turut menyentuh berkenaan kejatuhan harga komoditi sejak kebelakangan ini yang memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil di seluruh negara. Baginda telah meminta kerajaan untuk terus melaksanakan langkah-langkah bagi meringankan beban mereka yang terlibat, termasuk mempergiatkan lagi penyelidikan dan pemasaran industri PERHILITAN, agro komoditi, penggunaan bio bahan api, penerokaan pasaran-pasaran baru dan kerjasama dengan negara-negara pengeluar lain bagi menstabilkan harga komoditi berkenaan di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya bersyukur dilahirkan di bumi Malaysia ini. Oleh kerana rakyat kita walaupun berbilang kaum, agama, budaya dan juga latar belakang tetapi hidup dengan penuh harmoni dan menghormati antara satu sama lain. Namun begitu, sejak kebelakangan ini, terdapat segelintir masyarakat yang tidak menjaga sensitiviti kaum. Penggunaan media sosial yang melampaui batas sehinggakan mereka menghina agama serta institusi Diraja merupakan perkara yang serius. Kerajaan menerusi Kementerian Komunikasi dan Multimedia perlu memantau dan bertindak lebih tegas dalam memastikan individu yang terlibat dikenakan hukuman yang lebih berat dalam memastikan perkara tersebut menjadi pengajaran kepada masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian tentang isu berkaitan jurang perbezaan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak perlu disemak bagi mengatasi pembangunan tidak seimbang yang berlaku. Seperti lautan yang memisahkan Malaysia Barat dan juga Malaysia Timur, begitulah juga jurang perbezaan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan juga Sarawak. Kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial masih belum seimbang.

■1230

Apa juga isu yang timbul, ia harus disemak semula supaya kita semua dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi sebagai sebuah negara. Semua pihak perlu kekalkan semangat tolak ansur dan sikap saling memahami selain berpegang kepada prinsip bahawa setiap perkara boleh dicapai melalui rundingan.

Setiap daripada kita juga mempunyai tanggungjawab yang perlu dipikul untuk mengembalikan semula Malaysia ke tahap yang boleh kita banggakan. Dalam konteks kerajaan baharu ini, kita harus belajar daripada kesilapan masa lalu dan memperbaikinya demi untuk manfaat dan kemakmuran rakyat seluruhnya.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh, seperti rakan-rakan saya dari Sabah dan juga Sarawak, tentang cadangan pindaan Perkara 1(2), Perlembagaan Persekutuan mengenai Perjanjian Malaysia yang mana gagal mendapat sokongan dua pertiga anggota Ahli Dewan Rakyat di Parlimen baru-baru ini.

Namun, dalam masa yang sama, dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 18 April yang lalu telah sebulat suara meluluskan usul tergepang menyokong pindaan Perkara 1(2), Perlembagaan Persekutuan yang mana telah dibentangkan di Dewan Rakyat sebelum ini. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Karanaan, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Masidi Manjun telah membentangkan usul berkenaan dan usul tersebut juga bertujuan bagi memastikan Ahli-ahli Parlimen khususnya dari Sabah untuk meneruskan usaha bagi melaksanakan pindaan itu di Parlimen pada persidangan yang akan datang.

Usul ini sesuatu yang simbolik bagi negeri Sabah. Pada 9 April 2019 yang lalu, usul ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi mengembalikan peruntukan asal yang digubal pada tahun 1963 dan dipinda pada tahun 1976. Maka cadangan pindaan tahun 2019 ini bertujuan untuk mengembalikan peruntukan asal Perkara 1(2), Perlembagaan Persekutuan berkenaan yang mengiktiraf rakan kongsi dalam pembentukan negara Malaysia. Ia bukan sekadar kata yang diungkapkan untuk bebas daripada kolonial Inggeris, malahan ia bukti tertulis kepada semangat kebersamaan wilayah dengan latar belakang yang berbeza namun mempunyai satu matlamat yang sama.

Oleh itu, saya juga ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa saya menyokong penuh cadangan pindaan ini. Bagi saya secara peribadi, pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak masih mempunyai peluang untuk mengubah keadaan demi mengembalikan status kedua-dua negeri ini sebagai rakan kongsi sama tara dengan Semenanjung. Wakil-wakil rakyat Sabah dan Sarawak di Parlimen perlu berpendirian teguh dalam memperjuangkan untuk mengembalikan hak-hak kedua negeri ini tanpa mengira fahaman dan juga blok politik kerana setiap keputusan yang dibuat akan mempengaruhi masa depan negeri yang akan menerima akibatnya dan tentu sekali generasi yang akan datang.

Pada masa yang sama, pindaan yang dibuat itu juga harus lebih jelas dan juga terperinci agar mendapat sokongan semua pihak di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu berkenaan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik, air bersih dan sistem jalan raya luar bandar termasuk projek-projek Lebuhraya *Pan Borneo* di Sabah perlu diberi perhatian segera bagi memastikan proses pembangunan di negeri ini terus berjalan lancar sekali gus membawa kemakmuran kepada rakyat Sabah. Ketiga-tiga aspek berkenaan perlu diberi perhatian segera selaras dengan komitmen Kerajaan Persekutuan di bawah Pakatan Harapan untuk membawa kesaksamaan pembangunan kepada semua negeri di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak.

Antara isu utama seperti yang dinyatakan oleh rakan saya daripada Sabah tadi yang turut perlu diberi perhatian segera di Sabah ialah soal keselamatan. Saya memandang daripada aspek ia berkait secara langsung dengan pembangunan ekonomi Sabah terutama sekali sektor pelancongan. Saya menyeru kepada pihak kerajaan agar dapat memberi perhatian secara menyeluruh dan juga kerjasama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sabah perlu bagi memastikan hak rakyat Sabah terbela dan pembangunan di negeri ini dapat diteruskan demi kemakmuran Sabah dan rakyat Sabah seluruhnya.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada pihak kerajaan terutama di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi di dalam pengumuman pada 20 Mac 2019 lepas yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM338 juta untuk pelaksanaan program pembangunan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) tahun ini yang akan memberi manfaat kepada 552,543 pekebun kecil di seluruh negara. Peruntukan ini sekali gus memberi kebaikan dan manfaat kepada seluruh pekebun kecil di negara ini kerana ia merangkumi program tanam semula getah, prasarana asas pertanian, aktiviti ekonomi tambahan dan keusahawanan, skim insentif produktiviti getah, khidmat pengembangan dan latihan pekebun kecil.

Namun, saya meminta agar pihak kementerian mengambil maklum serta menyegerakan tindakan kerana antara masalah yang dihadapi pekebun kecil masalah birokrasi tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG).

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, Tuanku menyatakan bahawa semua pihak perlu menjamin dan mengekalkan keselamatan dan kedaulatan negara. Tuanku juga menyeru kepada pihak berwajib untuk memainkan peranan agar rakyat mematuhi ajaran agama dan nilai-nilai murni serta meningkatkan integriti tadbir urus dan kedaulatan.

Akhir kalam, rakyat harus menyedari bahawa pentadbiran kerajaan pada hari ini memerlukan masa untuk menambah baik sistem yang sedia ada ini dan juga perkara ini bukan semudah yang disangka. Tempoh masa satu tahun jangka masa yang sangat singkat. *Insyallah*, dengan izin Allah SWT, rakyat akan memperoleh kemakmuran dan kesenangan dengan pentadbiran kerajaan pada hari ini. Saya pasti kerajaan dengan sedaya upaya memastikan amanah yang diberikan rakyat akan dilaksanakan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

12.38 tgh.

Dr. Yaakob bin Sapari: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk berucap pada pagi ini.

Saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat dan keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar semua pihak menyanjung prinsip demokrasi berparlimen dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan tanpa kompromi.

Demokrasi telah menjadi teras amalan di Malaysia. Ekoran daripada itu, Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*] telah menetapkan supaya pilihan raya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri hendaklah dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.

Dalam sistem demokrasi, parti politik menjadi asas untuk menyertai pilihan raya. Sehubungan itu, parti politik hendaklah didanai oleh sistem kerajaan. Realitinya, parti politik memerlukan dana untuk menguruskan parti, membuat kerja-kerja penyelidikan dan latihan politik. Oleh yang demikian, saya berpendapat wajar untuk kerajaan mendanai parti-parti politik agar sistem demokrasi ini berjalan dengan baik.

■ **1240**

Saya juga difahamkan di negara-negara lain seperti di Jerman, di Turki bahkan di Indonesia, parti politik mereka mendapat dana daripada kerajaan mengikut jumlah undi yang diperoleh dalam pilihan raya. Sebagai contoh, jika jumlah pengundi di negara ini ialah sekitar 20 juta, setiap undi diperoleh RM5. Maknanya kerajaan perlu menyalurkan dana mencukupi untuk semua parti yang berada di negara ini.

Pada waktu ini perbelanjaan politik saya lihat disorok-sorok dan tidak jelas. Padahal mereka membelanjakan banyak untuk menaungi parti-parti politik. Hal ini menjadikan amalan rasuah berleluasa, dan bagi orang-orang politik dan akhirnya membarah dalam masyarakat, menjadikan orang politik menjadi orang yang bermuka-muka. Dalam masa yang sama menurut ketelusan, dalam masa yang sama juga mereka terlibat dalam amalan rasuah untuk menaja parti-parti politik masing-masing. Saya mencadangkan supaya parti politik akta dibenarkan- akta pilihan raya membenarkan parti-parti politik di dana oleh pemerintah. Begitu juga pemberian sumbangan untuk parti politik hendaklah jelas melalui yayasan ataupun hendaklah diaudit.

Tuan Yang di-Pertua, jika Malaysia benar-benar ingin menjadi negara maju, perkara pertama yang perlu diperangi habis-habisan ialah amalan rasuah yang akan menjadikan negara bankrap dan kerana amalan rasuahlah, GLC besar seperti FELDA, Tabung Haji serta syarikat lain mengalami kerugian. Malah amalan rasuah juga banyak berlaku pelanggaran undang-undang. Sebahagian daripada sistem peraturan undang-undang tidak dapat dilaksanakan kerana amalan rasuah. Saya dengar ada pegawai bawahan, *IO officer* yang mendapat telefon daripada orang atas untuk tidak meneruskan siasatan. Saya juga dengar bahagian pelesenan di pihak berkuasa tempatan bahkan di DBKL ada pegawai-pegawai yang minta supaya diberikan habuan di atas kelulusan.

Untuk menyelesaikan masalah ini, saya rasa yang paling penting ialah orang politik hendaklah terhindar daripada amalan rasuah. Di Indonesia disebut korupsi ini umpama kentut, baunya terasa tidak tahu dari mana. Realiti, kita kena ikhlas dalam hal ini sebab itulah saya rasa bahawa ini hendaklah dibanteras secara besar-besaran dan kita Ahli Yang Berhormat Senator ini kena bersungguh-sungguh bahawa inilah punca yang menjadikan negara ini akan mundur. Negara-negara ketiga mundur kerana mereka tidak dapat membanteras amalan rasuah. Negara-negara maju, mereka ke hadapan kerana indeks rasuahnya sangat rendah sekali.

Seterusnya saya hendak berkongsi pengalaman saya ke Indonesia, melihat kempen pilihan raya di Indonesia dan sistem pilihan raya di Indonesia. Bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, 190 juta orang pengundi di Indonesia boleh selesai mengundi dalam masa tiga jam iaitu dari sembilan pagi hingga 12 tengah hari. Selesai tempoh mengundi tanpa sebarang huru-hara. Kita PRK kecil pun bagai hendak gaduh sebab sistem demokrasinya difahami dengan betul, kempen pilihan rayanya jelas.

Tiga hari sebelum pilihan raya, semua poster pilihan raya diturunkan. Saya minta supaya SPR membuat reformasi sistem pilihan raya yang ada di negara ini. Di sana, umur 17 tahun boleh mengundi. Di sini dicadangkan supaya umur ini juga diturunkan. Saya rasa kalau sistem pilihan raya ini telus, saya rasa kita akan mencapai kematangan dalam politik. Akhirnya, rakyat akan mendapat yang terbaik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, *point* saya yang kedua ialah berkaitan sekuriti makanan. Setiap tahun, negara mengimport hampir 47 bilion makanan untuk keperluan 32.4 juta rakyat Malaysia. Kita rasa bertuah, Malaysia berada di garisan Khatulistiwa yang mendapat hujan yang mencukupi dan cahaya yang cukup. Akan tetapi malangnya kita masih mengimport makanan, sedangkan masih banyak tanah terbiar di seluruh negara. Antara barang yang diimport ialah kelapa. Saya

rasa kelapa ini tanaman yang paling senang di dalam negara ini. Oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya usaha dibuat untuk menambahkan tanaman kelapa.

Saya pergi ke Sabah baru-baru ini, Yang Berhormat Senator daripada Sabah, ke Pulau Bum Bum di Semporna yang rata-rata penduduknya bekerja sebagai nelayan. Saya kata, "Kenapa menjadi nelayan sahaja tetapi tidak diusahakan tanahnya?" Saya rasa Pulau Bum Bum ini sesuai untuk tanaman kelapa dan masih banyak tanah yang kosong di situ.

Keduanya ialah kita mengimport ternakan, daging lembu, kambing dan tenusu. Saya lihat kawasan di Pahang, Terengganu dan di Kelantan, kawasannya masih luas, sesuai untuk ternakan lembu dan kambing. Memang projek NFC gagal. Bukannya salah projek kerana kita serahkan amanah itu kepada orang yang tidak bertanggungjawab.

Sebab itulah saya mencadangkan untuk dua industri ini, untuk kelapa hari ini tidak ada satu lembaga yang khusus untuk memajukan industri kelapa. Nanas ada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Kenaf dan tembakau ada Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara tetapi getah tidak ada lembaga. Saya mencadangkan supaya lembaga kelapa dan nanas disatukan untuk memajukan industri kelapa. Bahkan pendapatan daripada kelapa, menyamai daripada kelapa sawit dan saya rasa ini boleh dimajukan.

Keduanya, supaya lembaga ternakan ruminan ditubuhkan. Tidak ada lembaga yang boleh memajukan industri ruminan di negara ini. Sebab itu saya mencadangkan supaya disegerakan. Saya difahamkan *paper* sudah siap. Kena ada lembaga ternakan ruminan negara untuk memastikan bahawa untuk kita tidak bergantung pada import. Pada hari ini, kita hanya mengeluarkan sekitar lima peratus keperluan daging di negara ini. Bahkan pada musim hari raya korban, kita hampir mengimport sebahagian besar lembu daripada luar negara untuk keperluan korban di negara ini kerana itu fardu kifayah bagi umat Islam ialah sekurang-kurangnya cukup lembu untuk korban di negara ini.

Saya tertarik dengan *White Paper* di Parlimen berkaitan dengan FELDA. Saya melihat penyelesaian masalah FELDA hendaklah dilihat penyelesaian menyeluruh, bukan sekadar penyelesaian *personal* FELDA. Oleh itu penyelesaian FELDA hendaklah dilihat juga sekali dengan penyelesaian FGV. Dalam *White Paper* itu tidak menjelaskan apakah penyelesaian kepada FGV. Seawal- saya anggap kritikal bila mana FELDA diapungkan. Ini disebabkan saya berpendapat mengapungkan FELDA ini, akan menjatuhkan pasaran FELDA sebab mengapungkan FELDA, FELDA terdedah kepada pihak swasta yang boleh menguasai FELDA. Oleh sebab itu saya melihat *White Paper* ini tidak menjelaskan soal FGV secara keseluruhannya.

Oleh sebab itulah pada industri kelapa sawit ini tidak hanya boleh dilihat kepada industri pengeluaran kelapa sawit. Ia hendaklah dilihat secara keseluruhannya. Saya rasa modal FELDA yang asal yang diasaskan oleh Raja Tan Sri Alias ini sangat baik tetapi modalnya telah dirubah menjadi modal yang baru, modal FGV, yang akhirnya FELDA bermasalah.

Oleh sebab itulah kerana masalah FELDA ini berkaitan dengan masalah tadi yang kita bahaskan iaitu masalah penanaman kelapa sawit. Hampir 80 peratus petani di negara ini mengeluarkan kelapa sawit. Bagi keseluruhan tanah petani di negara ini, 80 peratus pengeluar kelapa sawit. Apabila kelapa sawit terjejas, FELDA terjejas, makna keseluruhan petani akan terjejas. Dalam keadaan jumlah hasil yang merudum, harga yang jatuh, keseluruhan pekebun-pekebun sawit akan menjadi susah sebab harga sangat rendah.

Antara masalah kelapa sawit saya lihat ialah persaingan dengan negara pengeluar di mana kitalah yang mengajar Indonesia untuk menanam kelapa sawit. Sebahagian besar syarikat-syarikat Malaysia berada di Indonesia- yang membakar ladang-ladang di Indonesia, menjadikan *haze*, menjadi jerebu sampai ke sini, menjadikan pihak antarabangsa marah kerana jerebu dan hari ini kita kena jawab kerana pembakaran hutan itulah menjadikan jerebu sampai ke sini. Jadi, isu ini juga kena ditangani di mana kerana negara-negara pembeli seperti India dan China membeli sawit dengan harga yang lebih rendah daripada Indonesia. Ini kerana kos pengeluaran mereka jauh lebih rendah berbanding di Malaysia kerana sektor pertanian Malaysia ini mengharap kepada pekerja-pekerja luar negara. Itulah supaya serius ditangani masalah ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan ialah di Selangor. Selangor negeri penyumbang terbesar KDNK di negara ini. Sekitar 25 peratus KDNK negara, dikeluarkan daripada negeri Selangor tetapi di negeri Selangor tidak ada satu pun Wisma Persekutuan di negeri Selangor.

■1250

Saya menyeru kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang juga mantan Menteri Besar Selangor supaya sediakan bajet khas untuk Selangor untuk dibangunkan bangunan Persekutuan. Hari ini, kalau kita pergi ke negeri Selangor, jabatan-jabatannya bertaburan. Jabatan Pendidikan di tempat lain, ICU di tempat lain, kesihatan di tempat lain, tidak seperti di sebahagian negeri-negeri lain. Oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya ada peruntukan khas, sekurang-kurangnya sebanyak RM400 juta di negara ini untuk membangunkan sebuah kompleks Wisma Persekutuan di negeri Selangor.

Saya juga setuju supaya ada dasar untuk menangani anak-anak yang lahir di negara ini yang *stateless*. Ada di Semenanjung, ada juga di Sabah dan Sarawak. Saya lihat ramai di Sabah

dan juga di Semenanjung, mereka ini lahir di negara ini, tetapi tidak tahu mahu ke mana. Mereka yang membesar di sini ada yang tidak mahu balik ke negara masing-masing. Kalau di Semenanjung, kita berhadapan dengan anak-anak Rohingya yang berkeliaran di tengah-tengah bandar. Mereka di bawah *United Nations*, tetapi bertaburan di negara ini dan mereka lahir di sini dan tidak ada pergi ke negara lain.

Kedua, saya lihat apabila saya pergi ke Sabah, betul, jumlahnya terlalu ramai. Saya jumpa anak-anak Sabah yang lahir di Sabah, saya tanya dia, “Kenapa tidak pergi ke Semenanjung?”, “Tidak boleh ke Semenanjung sebab tidak ada dokumen yang sah untuk ke Semenanjung”. Mereka tidak mempunyai pendidikan yang jelas. Mereka membesar di Sabah, menjadi orang Sabah tetapi tidak ada statusnya.

Saya mencadangkan supaya kerajaan membuat IC baharu, kita ada IC biru untuk warganegara, ada IC merah untuk penduduk tetap, IC kelabu saya difahamkan untuk *serious convicts*. Kalau boleh satu IC baharu, IC hijau, sudah ada IC hijau?...

Beberapa Ahli: Ada, ada, ada.

Dr. Yaakob bin Sapari: Ada? Warna lain apa yang belum ada untuk mendaftarkan mereka yang lahir di negara ini, yang kita tidak tahu berapa ramai jumlahnya supaya boleh dikesan. Sebahagian daripada mereka kahwin campur. Di Sabah, ibunya orang Sabah, ayahnya orang *Philippines* atau ibunya orang Sabah, ayahnya orang Indonesia.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah sikit Yang Berhormat Senator? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa soal sebelum masa habis pukul satu tengah hari, takut saya terlupa petang. Saya tertarik hati dengan pemerhatian Yang Berhormat Senator tentang *election* yang berlaku di Indonesia pada hari ini.

Saya rasa memang saya rasa cukup terbaik. Apatah lagi, saya memikirkan mereka boleh menamatkan proses ini dalam masa tiga hari tanpa masalah dan segala poster semuanya mesti diturunkan lebih awal. Satu proses yang cukup *clean*, cantik dan ini juga dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak baik seperti yang berlaku, yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan BERSIH sebelum *election*. Jadi, saya ingin bertanya, apakah pandangan Yang Berhormat Senator, pengalaman di Indonesia itu sewajarnya dijadikan satu bentuk langkah reformasi dalam proses kita memperbaiki proses *election* kita akan datang? Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri. Saya lihat, ketika saya berucap, Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri tengok muka saya. Nampak serius sangat. Akan tetapi, Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri, bukan

tiga hari tetapi tiga jam- 190 juta orang rakyat Indonesia, 17 ribu pulau-pulau, pilihan raya hanya tiga jam dari pukul 9 sehingga pukul 12.

Satu pusat mengundi, Tempat Pemungutan Suara (TPS) jumlahnya hanya 250 orang ke 350 orang sahaja. Tidak payah buat dewan besar-besar, hanya di khemah-khemah dan proses mengundi sangat *subtle*, saya lihat sendiri. Saya rasa di pulau-pulau lain juga begitu. Tiga jam selesai dan pengiraan dibuat di publik, orang kampung boleh tengok. Saya lihat, selepas reformasi, demokrasinya sangat teratur. Media bebas digunakan. Soal tukar kerajaan, itu biasa. Apa yang penting rakyat dapat yang terbaik bagi mereka.

Jadi, inilah saya rasa reformasi SPR yang perlu dibuat. Keseluruhannya *reform the system* SPR itu. Akta Pilihan Raya harus digubal dengan segera. Ketika saya di *row* kerajaan, saya perjuangkan yang ini. Oleh sebab itu, kerajaan pada hari ini kena buat. Kalau boleh pada tahun ini juga Akta Pilihan Raya baru harus digubal, media bebas digunakan. Parti politik boleh gunakan media sebebas-bebasnya. Saya rasa media di Malaysia boleh bebas digunakan.

Kemudian, tarikh pilihan raya *fixed* bukan rahsia lagi. Ini lah demokrasi, hak rakyat kena tahu bila tarikh pilihan raya. Hari Malaysia, pilihan raya hanya di tangan Perdana Menteri yang tahu. Oleh sebab itu *fixed*. Kita tahu lima tahun pilihan raya, bila pilihan raya. Enam bulan sebelum pilihan raya, pasang gambar, sudah tahu siapa yang hendak bertanding. Jadi, ini yang boleh kita belajar.

Saya rasa banyak sistem lain, saya lihat di Jerman, di Turki, di Singapura, di Kanada, kalau boleh daftar pilihan raya itu automatik dihantar ke Jabatan Pendaftaran dengan SPR. Saya pernah tanya kepada pengerusi pilihan raya dulu, dia kata minta maaf Yang Berhormat kerana akta tidak membenarkan untuk membuat automatik. Data kita hanya 20 juta, data mereka 150 juta, di India sebanyak satu bilion data, dia boleh kendalikan.

Jadi, kita melihat supaya proses demokrasi ini perlu terbuka dan rakyat kena tahu ini hak mereka yang perlu dilindungi dari segi undang-undang. Tempoh bertenang, tiga hari sebelum pilihan raya semua poster diturunkan. Hari mengundi tidak ada pondok panas. Jadi, ini antara cadangan-cadangan yang saya rasa SPR boleh melihat juga model-model baharu. Bahkan, dana pilihan raya jelas. Kita sorok-sorok, padahal dananya mahal. Apabila menjadi Ahli Parlimen mereka ada yang "punya", tauke-tauke di belakang yang menjana pilihan raya. Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri supaya sistem pilihan raya ini dibetulkan dan kena dilakukan segera. Inilah apa yang kita perjuangkan dahulu.

Kemudian, layanan kepada ahli-ahli politik. Saya lihat pada ahli politik, Ahli Parlimen baik pembangkang ataupun kerajaan mereka Ahli Parlimen, perlu mendapatkan dana yang sama.

Saya berjumpa dengan seorang Yang Berhormat Senator daripada *Philippines*, di Qatar baru-baru ini. Saya menghadiri IPU di Qatar, Senator di *Philippines* punya *researcher*. Senator di Malaysia hanya dapat elaun sahaja. Akan tetapi saya cadangkan, Senator di Malaysia juga ada peruntukan untuk membuat *research* sebab kita hendak mengkaji hal undang-undang, membahaskan polisi-polisi. Akan tetapi, kita tidak mempunyai peruntukan untuk membuat *research*. Jadi saya seganlah, Senator dari *Philippines* ada *Research Officer*. Kita di sini, tidak ada apa-apa pun.

Jadi, inilah Dewan tertinggi yang saya rasa perlu di-*upgrade* cara berfikirnya. Berbahas dengan cara yang baik dan disediakan dana untuk membuat *research*. Oleh sebab, kalau kita hendak bahaskan di sini kena lihat keadaan di luar. Kita hendak tengok balik *legal research*. Hendak buat *legal research* kena ada *assistant research*. Jadi, dana juga disediakan pada Senator-senator di Malaysia. Saya bahaskan tadi ialah supaya ada data berkaitan dengan mereka yang lahir di negara ini. Oleh sebab mereka membesar di sini dan tidak mahu balik ke negara lain. Sebab mereka tidak ada negara lain, inilah tempat lahir mereka.

Dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, masa mengundi tiga jam, yang tiga hari itu keluarkan poster?

Dr. Yaakob bin Sapari: Bertenang, tempoh bertenang. Dalam tempoh bertenang, tiga hari sebelum pilihan raya, semua poster diturunkan. Jadi, tiga hari tenang. Kita di sini, hari mengundi pun huru-hara. Jadi, kena bagi tempoh yang panjang untuk berkempen sehingga enam bulan, tidak akanlah malam mahu pilihan raya mahu kempen lagi? Jadi, ini yang kita kena ubah sistem pilihan raya kita. Tempoh bertenang, tempoh bertenang tiada kempen. Jadi ini yang kita mahu ubah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator panjang lagi tidak?

Dr. Yaakob bin Sapari: Dua minit saya mahu habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, okey.

Dr. Yaakob bin Sapari: Satu lagi poin terbaru ialah, saya hendak kongsi, saya mewakili negara untuk ke IPU di Qatar. Qatar penduduknya 2.7 juta orang, warganegara Qatar 300 ribu orang- 300 ribu orang boleh mengawal 2.4 juta orang asing. Di Malaysia, penduduknya 32.4 juta dan warga asing tiga juta orang, kita tidak boleh kawal. Bahkan mereka yang menentukan kita. Bagaimana di negara orang hanya 10 peratus, boleh mengawal 90 peratus warga asing? Kita tidak boleh mengawal tidak sampai pun lima peratus warga asing. Saya banyak berkongsi, bila saya tanya kepada pihak imigresen kenapa tidak boleh menahan mereka? Dia kata, "Kos

menahan sangat mahal". Di Kuwait rupanya siapa-siapa yang ditahan akan diiklankan perlu tidak ada majikan baharu hendak ambil mereka?

Jadi, ada majikan yang perlukan mereka akan bayar kepada pihak imigresen untuk mengeluarkan warga asing daripada tahanan. Jadi, tidak ada kos untuk menahan warga asing. Saya rasa di Malaysia ini, saya kalau pergi Chow Kit tidak rasa yang saya berada di Kuala Lumpur. Saya rasa saya di negara lain. Pergi Chow Kit ini macam kita di mana? Dhaka atau di Surabaya? Orang luar menguasai bandar kita.

Jadi, inilah saya rasa pihak imigresen boleh mengambil model-model negara lain macam mana mereka berhadapan dengan warga asing. Fenomena warga asing ini bukan baharu. Di negara-negara lain juga berhadapan dengan fenomena yang sama, memastikan bahawa ada kawalan di dalam negara.

Saya setuju dengan Yang Berhormat semalam, ini masalah cinta, kita tidak boleh kawal. Ramai gadis-gadis Melayu terpicat dengan pekerja-pekerja asing, daripada Lombok umpamanya, dari Bangladesh, dari Pakistan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, masa sudah pukul satu...

Dr. Yaakob bin Sapari: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya mengakhiri ucapan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak sambung balik sebelah petang?

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya setakat ini sahaja. Terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan, mudah-mudahan pada pihak kerajaan untuk respons kepada semua cadangan-cadangan yang saya bawa. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 petang, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

2.32 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan sidang Parlimen Keempat Belas. Titah Seri Paduka Baginda merangkumi pelbagai aspek kehidupan rakyat Baginda. Ini termasuk kos sara hidup, harga komoditi utama, kesejahteraan penduduk luar bandar dan juga penduduk di bandar.

Menyebut tentang penduduk luar bandar, saya tertarik dengan penekanan yang diberikan oleh baginda terhadap Orang Asal Sabah dan Sarawak dan Orang Asli. Saya yakin Baginda turut prihatin terhadap masyarakat peribumi yang lain termasuk masyarakat Siam yang majoritinya penduduk luar bandar yang bergantung pada pertanian sebagai hasil utama untuk menyara hidup mereka. Menyentuh masyarakat Siam, saya selaku wakil tunggal mereka di sini ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan memohon tindakan beberapa kementerian ke atas perkara-perkara yang menyentuh dan mempengaruhi kehidupan mereka seharian.

Saya mohon maaf sekiranya perkara-perkara yang saya bangkitkan ini berulang kali tetapi selagi ia tidak diambil tindakan sewajarnya, ulangan itu saya akan buat setiap kali Dewan bersidang. Kali ini saya ingin menyentuh lapan kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Air, Tenaga dan Sumber Asli dan Kementerian Pendidikan.

Kita pergi ke kementerian yang pertama. Isu yang saya ingin bangkitkan ialah isu perkara tentang kursus pra-perkahwinan. Saya yakin semua Yang Berhormat di sini bersetuju dengan saya bahawa ilmu tentang perkahwinan, ilmu berkeluarga itu tidak ada diperolehi secara formal daripada ibu bapa kita. Semua orang teka, ibu bapa kita pun teka, kita pun teka. Kahwin lepas itu belajarlah sendiri. Akan tetapi, itu jalan panjang untuk kita tahu ilmu berkeluarga, ilmu menjadi ibu bapa. Kita patut kurangkan kesilapan dengan memberikan kursus kepada bakal-bakal pengantin. Jadi ini akan mengurangkan tempoh mereka belajar dan juga mengurangkan insiden-insiden pertikaian, pertelingkahan dalam rumah tangga dan sekali gus mengurangkan kadar penceraian.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan yang telah diambil untuk membolehkan bakal-bakal pengantin bukan Islam untuk diwajibkan mengambil kursus pra-perkahwinan ini sebelum mereka dibenarkan berkahwin. Ini kerana saya pernah bangkitkan janji Yang Berhormat Menteri bahawa benda ini akan dikaji, akan dilihat tetapi saya ingin mendapat jawapan, sejauh manakah tindakan telah diambil untuk memastikan bahawa kursus ini diwajibkan kepada bakal-bakal pengantin bukan Islam.

Perkara kedua ialah tentang modul SMARTSTART. Di bawah LPPKN, ada modul SMARTSTART iaitu kursus pra-perkahwinan untuk mereka yang berminat. Jadi kursus ini tidak wajib. Mereka yang hendak boleh, mereka tak hendak pun tak apa. Saya tidak pasti sama ada kursus ini popular atau tidak di kalangan pengantin bukan Islam tetapi itu sahaja yang ada. Orang kata, *the poor cant be choosy* tetapi adakah kita hendak kekalkan dengan SMARTSTART yang secara tidak wajib ini kerana kursus ini sangat penting untuk pastikan bahawa ibu bapa yang baru ini dapat mengendalikan keluarga dengan baik, mendidik anak dengan baik. Jadi saya ingin memohon, ingin mengulangi cadangan saya bahawa kita wajibkan modul SMARTSTART ini kepada semua bakal-bakal pengantin bukan Islam.

Saya pernah membangkitkan perkara ini di sesi Dewan yang lepas dan juga saya telah menghantar, menyusul perkara ini melalui surat kepada Yang Berhormat Menteri tetapi sehingga kini saya belum mendapat apa-apa respons daripada kementerian. Jadi saya harap dengan jawapan Yang Berhormat Menteri nanti, dapatlah kita ketahui apakah kedudukan cadangan saya itu.

Perkara seterusnya tentang saringan HIV. Ini bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga. Saya pernah juga cadangkan agar saringan HIV ini diwajibkan kepada bakal-bakal pengantin bukan Islam sebagaimana yang diwajibkan ke atas pengantin-pengantin Islam sebelum mereka boleh bernikah dan berkahwin. Jadi dengan ada saringan ini, saya jangkakan sebilangan daripada mereka yang cara hidupnya berbeza-beza dapat dikurangkan. Jadi ibu mertua atau bapa mertua pun saya rasa lebih lega kerana masa hari kahwin itu ada dapatlah sijil *HIV Free* daripada bakal menantu mereka.

Saya juga menyusuli perkara ini dengan Yang Berhormat Menteri tetapi saya juga masih menunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang cadangan tersebut. Saya dapati bahawa kosnya tidak tinggi, jadi kos tidak sepatutnya menjadi halangan untuk melaksanakan cadangan ini. Pesakit ataupun bakal pengantin hanya perlu pergi ke klinik, mendaftar sebagai pesakit luar dan memohon supaya saringan dibuat.

Kementerian seterusnya ialah Kementerian Dalam Negeri. Ini tentang permohonan kewarganegaraan. Apa yang saya sebut ini semua menjadi isu sensitif juga. Sebagaimana diketahui umum, pada 14 Ogos 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa mengumumkan kelulusan permohonan kewarganegaraan kepada 3,407 orang keturunan India, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ada menyebut mereka tidak terhad kepada orang India yang berumur lebih daripada 60 tahun akan terus diberi kad pengenalan biru.

■1440

Jadi, dalam konteks ini masyarakat Siam, ramai juga yang masih lagi berkad pengenalan merah. Jadi, apakah tindakan yang telah dibuat oleh kementerian dan juga Jabatan Pendaftaran Negara untuk merealisasikan apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu? Apakah nasib orang Siam akan sama dengan rakan-rakan India yang mereka 3,400 orang itu ataupun adakah mereka perlu menunggu lebih lama? Ini kerana ramai orang tua di sekitar kampung saya ada sudah 80 tahun masih lagi menunggu kerana mereka dah *cemuih* untuk memohon kerana berkali-kali mohon belum dapat, tidak dapat, tidak ada jawapan dan sebagainya.

Jadi, soalan saya seterusnya, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan kaedah yang telus untuk memohon kewarganegaraan kerana selama ini sistem yang ada ialah apabila dihantar kementerian ia terus jadi gelap. Tidak ada siapa yang tahu apa yang berlaku dalam itu sehingga suatu hari nanti tidak tahu bila akan timbul satu surat, permohonan anda ditolak dan tidak ada sebab. Kemudian, terpaksa kita mohon lagi, tunggu lagi dan benda itu akan berulang ada sampai lima ke enam kali. Itu yang menjadikan saya kata apa proses ada di dalam KDN itu, bila dah masuk, ia terus gelap dan tidak nampak apa dah.

Saya harap ada kaedah yang telus, ada SOP nya, ada piagam pelanggannya. Seperti macam kita mohon lesen, kita tahu apa proses selanjutnya. Pergi kaunter mohon, bayar bayaran sepatutnya, tunggu dua ke tiga jam terpulang, dua hari pun terpulang dan tempoh masa yang ditetapkan itu, lepas tempoh itu, kita akan dapat apa yang kita pohon.

Satu perkara lagi yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga iaitu bahawa bagi mereka yang kurang daripada 60 tahun umurnya, bahawa jika lahir di Malaysia dan salah seorang warganegara, mereka berhak menjadi warganegara. Jadi, saya juga ingin bertanya apakah tindakan kementerian dan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengotakan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

Jadi, saya tidak mahu berlaku di mana apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lain dikatanya, lain pula dibuat oleh kementerian. Jadi, orang kata dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *it doesn't look good* kepada kedua-dua pihak. Kepada PM dan juga kepada kementerian. So, kalau benda sama- satu orang kata putih, satu orang kata hitam mesti salah seorang daripada yang kata itu berbohong. Kita tidak hendak berlaku macam itu. Jadi kena ada *synchronization*, dengan izin, tindakan dan juga keputusan dasar yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Satu perkara lagi, ini untuk Jabatan Menteri. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di JPM yang menjaga Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang telah sudi meluangkan masa untuk hadir ke perayaan Songkran di Kampung Tasek, Perak dan juga Jejawi, Perlis. Saya yakin Menteri dapat menghayati sendiri apa yang berlaku di perayaan tersebut iaitu Songkran atau dengan nama mudahnya perayaan Tahun Baharu Siam. Dia lebih kurang sama dengan perayaan tahun baharu oleh kaum lain iaitu Tamil yang dipanggil Tamil Puthandu dan Vaisakhi oleh rakan-rakan Sikh.

Jadi, saya pernah berbisik kepada Menteri agar boleh menyampaikan hasrat kira-kira 1,000 orang penjawat awam keturunan Siam untuk mendapat cuti tanpa rekod untuk perayaan Songkran pada 13 April setiap tahun. Pada mereka ini pengiktirafan yang sangat bernilai kerana mereka melihat rakan mereka keturunan Sikh dapat cuti tanpa rekod untuk Vaisakhi, itu sejak 2013.

Terbaru pada tahun 2017, rakan-rakan mereka di Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung mendapat cuti tanpa rekod untuk perayaan sambutan Kaamatan dan juga Gawai. Jadi, logik mereka ialah mengapa tidak perayaan Songkran diberikan juga kepada mereka, inilah perayaan tahun baharu, satu tahun sekali untuk mereka. Sebagai wakil kepada mereka, saya ingin menyeru kepada Menteri supaya dapat berbincang balik dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana saya pernah dan saya telah menghantar satu surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memohon supaya cuti tanpa rekod ini diberikan kepada penjawat awam keturunan Siam.

Saya juga ingin mencadangkan agar sambutan perayaan Songkran ini dimasukkan dalam 'kalendar kuda' yang ada semua perayaan, cuti sekolah pun ada, lumba kuda di KL ada, lumba kuda di *Singapore* ada- itu dipanggil "kalendar kuda" lah. Jadi, masukkan. Itulah rujukan yang senang. Jadi bukan apa, sebagai satu tanda bahawa perayaan ini wujud di negara ini. Kita ada *Good Friday* pun ada dalam kalendar itu, semua perayaan kita ada. Cuti, tidak cuti itu lain kiralah.

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Senator, boleh mencelah sikit?

Tuan Aknan a/l Ehtook: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Negara kita mempunyai banyak etnik yang boleh membawa kepada kemajuan ataupun pendapatan tambahan dalam sektor pelancongan sebagai contoh. Soalan saya baru-baru ini ada sedikit pertikaian soalan tentang perayaan ataupun Festival Songkran dan saya rasa Yang Berhormat Senator membuat kenyataan juga yang agak panas.

Jadi, saya minta supaya dapat memberi penjelasan apa dia sebenarnya perayaan Songkran yang dikatakan terbabit dengan pesta liar yang saya rasa tidak munasabah kenyataan tersebut dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin tempatan dalam negara kita. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Menyentuh tentang apa yang dibangkitkan tadi sebagai latar belakang. Perayaan Songkran perayaan tahun baharu untuk orang-orang Siam di Malaysia. Jadi, pada hari tersebut apa yang kita buat ialah kita akan berjumpa dengan ibu bapa dan datuk nenek kita dan kita mohon maaf dengan menyiram air ke atas tapak tangan, kadang-kadang ada yang membasuh kaki mereka sebagai tanda setahun sekali kita memohon maaf apa yang telah berlaku, sebagai tanda penghormatan dan tanda terima kasih kepada jasa mereka.

Jadi, selepas itu apa yang berlaku ialah di kalangan anak-anak mereka akan berseronok dengan simbah-menyimbah sebab itu kita ada setengah orang panggil itu pesta air. Sebenarnya itu orang kata, *part of the fun*, dengan izin, perayaan tersebut. Apa yang berlaku, untuk jadi lebih spesifik apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali ialah di Pulau Pinang ada satu pihak mengatakan bahawa pesta ini seolah-olah macam pesta liar. Pesta yang mengorak kepada maksiat dan sebagainya.

Dia merujuk kepada satu poster yang dikeluarkan oleh satu entiti perniagaan untuk menganjurkan pesta Songkran di tempat perniagaan tersebut untuk menarik pelanggan. Jadi, gambar yang digunakan untuk poster tersebut tidak melambangkan apa yang berlaku di kampung-kampung orang Siam. Okey, dia menggunakan gambar *deejay*, yang pakainya terkurang kain, kan [*Ketawa*]

Jadi, dia memberi implikasi negatif kepada orang Siam yang *all this while*, dengan izin, kita menyambut di perkarangan wat yang tidak akan berlaku pakaian sedemikian. Jadi, gambar itu telah memberi gambaran negatif. Saya tidak menuduh pihak tersebut tentang dia punya *concern*, dengan izin, apa yang berlaku di tempat dia. Di Batu Kawan ada satu tempat perniagaan, jadi benda itu akan berlaku di situ. Pihak yang *complain* itu pun daripada Batu Kawan. Jadi, dia ada hak lah untuk menyatakan ketidaksenangan mereka tentang apa yang berlaku.

■1450

Jadi saranan saya kepada mereka ialah mereka harus mengemukakan bantahan mereka dengan pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen dan juga permit. Jadi apa yang saya nyatakan juga ialah jangan campur adukkan Songkran Siam dengan apa yang mereka gunakan poster dan

sebagainya untuk perniagaan itu diadukkan memberi gambaran negatif kepada masyarakat Siam yang benda itu tidak berlaku pun macam itu.

Jadi saya tidak pastilah apa sebenar berlaku di tempat Batu Kawan tersebut, adakah sama ada masa hari itu, deejay yang digambarkan itu memakai pakaian yang digambarkan atau tidak, itu saya tidak tahu. Akan tetapi yang saya keluarkan kenyataan bahawa sekiranya pihak tersebut tidak suka apa yang berlaku di tempat mereka, kompelinlah dengan pihak berkuasa yang mengeluarkan lesen dan sebagainya, tidak menuduh bahawa Songkran orang Siam ini sama seperti dalam poster berkenaan. Itu tidak betul, okey.

Menyentuh soal Songkran ini juga saya akan terus pergi ke kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Terima kasih kepada MOTAC iaitu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya kerana memperbaiki sistem penyaluran peruntukan untuk perayaan Songkran ini. Persatuan Siam Malaysia telah mendapat sedikit peruntukan daripada MOTAC untuk mengadakan program perayaan Songkran.

Saya tidak pasti sama ada Menteri Pelancongan pernah menghadiri perayaan Songkran ini atau tidak, tetapi kita pernah jemput tetapi sayangnya mungkin atas kesibukan beliau, beliau tidak dapat hadir ke perayaan Songkran di Kelantan pada 13 April tempoh hari. Jadi sekiranya boleh, perayaan Songkran ini yang menjadi sambutan utama di belah Utara, kalau kawan-kawan di Kedah, di Pulau Pinang dan juga di Kelantan memang mengetahuinya tetapi kawan-kawan di Selatan mungkin kurang sedikit.

Jadi ada baiknya sekiranya Kementerian Pelancongan dapat memasukkan acara ini dalam kalendar pelancongan. Di negeri Perak mereka telah masukkan perayaan Songkran di Tasek itu dalam kalendar pelancongan di Perak. Jadi saya rasa tidak salah malah menguntungkan sekiranya di peringkat pusat Kementerian Pelancongan dapat memasukkan acara Songkran ini dalam kalendar pelancongan untuk negara kita.

Menyentuh tentang Kementerian Pelancongan juga, saya ingin membangkitkan tentang aset budaya masyarakat Siam. Masyarakat Siam ada dia punya seni dan budaya sendiri, jadi sekiranya kita gunakan dengan baik, ia akan menjadi aset kepada negara. Jadi antaranya ialah tarian Menora, seni bina tempat ibadat dan juga perubatan tradisional.

Jadi soalan saya kepada kementerian, apakah perancangan kementerian untuk memulihara kesenian dan kebudayaan masyarakat Siam agar dapat dijadikan sebahagian daripada aset budaya negara. Sejauh manakah kementerian telah mengadakan proses pengumpulan inventori ke atas aset-aset yang saya sebutkan tadi memandangkan mereka yang tahu dan juga pakar tentang ini contohnya menora dan sebagainya, ramai sudah tua, ramai sudah

bawa seni tarinya ke alam satu lagi. Jadi kalau kita tidak simpan, tidak kumpul, tidak turunkan kepada generasi muda, ia akan hilang begitu sahaja.

Seterusnya saya ingin menyentuh Jabatan Perdana Menteri tentang Siam sebagai bumiputera. Ini pun banyak kali disebut. Kawan-kawan saya yang lepas-lepas pun pernah sebut tetapi yang terbaru ialah apabila masyarakat Siam diterima sebagai ahli Parti Peribumi Bersatu Malaysia. Jadi bersama dengan kaum Peribumi yang lain, orang asal, orang Sabah dan Sarawak dan juga orang Melayu.

Jadi rakan-rakan yang lain diiktiraf sebagai Bumiputera. Jadi seharusnya *by deduction*, dengan izin, masyarakat Siam seharusnya dikategorikan sebagai Bumiputera. Memang diakui semua orang cakap Siam, Bumiputera tetapi hakikatnya tidak ada benda yang saya boleh tunjuk bahawa inilah pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan bahawa orang Siam ini bumiputera.

Jadi saya ingin mencadangkan dan ingin bertanya kepada kementerian, daripada kerajaan, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengotakan pengiktirafan tersebut. Adakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan pekeliling dan sekiranya itu caranya, bilakah pekeliling itu dikeluarkan. Oleh kerana dengan adanya pekeliling tersebut memudahkan orang Siam untuk berurusan. Contohnya untuk membeli rumah yang ditawarkan kepada bumiputera dan juga permohonan lesen-lesen di Kementerian Kewangan untuk yang diberikan kepada bumiputera.

Jadi apabila kita mohon orang Siam tidak adapun dikategorikan sebagai bumiputera. Bila kita kata ya, dia minta buktinya. Jadi bukti yang paling senang, paling mudah dan tidak memberi kos kepada kerajaan ialah mengeluarkan pekeliling kepada semua kementerian, semua jabatan dan agensi menyatakan bahawa orang Siam bumiputera, semua masalah selesai. Tidak perlu pertikai lagi kerana pegawai saling bertukar. Mungkin orang pertama sudah faham tetapi bila bertukar orang lain pula polisinya. Jadi interpretasi yang berbeza, dengan adanya pekeliling tersebut kita boleh hilangkan masalah kesamaran tersebut.

Seperkara lagi untuk Jabatan Perdana Menteri iaitu perlindungan untuk agama lain dari dihina. Jadi tempoh hari kita ada isu penghinaan agama dan juga kerajaan telah menubuhkan yang dipanggil Unit Pemantauan Isu Hina Agama Islam. Jadi saya ingin bertanya kerana *as time goes by*, dengan izin, banyak berlaku pertikaian, pertelingkahan antara penganut-penganut dan mulalah menghina satu sama lain.

Jadi untuk mengekalkan keharmonian, saya rasa elok kita adakan tindakan yang bersesuaian, menghalang daripada ini terus berlaku. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, kepada kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan unit yang sama bagi menghalang daripada berlakunya penghinaan agama-agama yang ada di negara kita.

Apakah hukuman yang bakal dikenakan kepada mereka sekiranya mereka ditangkap dan terbukti bersalah.

Kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, ini tentang peluang untuk usahawan Siam mendapat insentif. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga pegawai kanan kementerian yang telah meluangkan masa untuk berjumpa dan berdialog dengan usahawan Siam di Kelantan pada 8 Mac tempoh hari. Saya berharap ramai usahawan Siam akan mengoptimumkan hasil perjumpaan tersebut.

Apa yang saya hendak tanya kepada kementerian, adakah kementerian menyediakan peruntukan dan apakah syarat-syarat yang dikenakan sekiranya NGO ingin mendapat peruntukan bagi mengadakan seminar ataupun kursus bagi meningkatkan kualiti, berkongsi pengalaman dengan bakal-bakal usahawan di tempat masing-masing.

Kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, terima kasih kerana telah melantik MPKK di pelbagai tempat. Saya tidak pasti MPKK kampung-kampung Siam di Kelantan, saya difahamkan belum lagi dilantik, masih lagi dicari-cari. Di Perlis sudah, di Kedah sudah. Saya yakin walaupun mereka ini baru, sekiranya dengan kursus yang sesuai, mereka mampu untuk menjalankan tugas. Jadi tahniah kepada KPLB kerana mengembalikan jentera pembangunan di peringkat kampung.

Itulah penting kerana kalau di peringkat kampung tidak ada jentera yang boleh bergerak secara kecilan, sukar untuk orang kampung menyampaikan hasrat mereka, masalah mereka kepada peringkat kementerian.

■1500

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian. Apakah langkah pemantauan yang akan dilakukan oleh kementerian bagi memastikan MPKK yang baru ini, ramai yang baru, dapat melaksanakan tugas dan mencapai KPI yang ditetapkan? Apakah yang dilakukan oleh kementerian untuk menangani isu ketidakpuasan hati MPKK mengenai kadar elaun yang diberikan? Juga isu setempat yang saya pernah dengar, di mana ramai yang menyerahkan tugas ini kepada pengerusi dan setiausaha sahaja. Oleh kerana mereka kata setiausaha dan pengerusi yang dapat gaji, mereka dapat elaun mesyuarat sahaja, biarlah pengerusi dan setiausaha sahaja yang buat kerja. Jadi, bila dia orang sahaja yang buat kerja, bertungkus lumuslah mereka. Ada yang gagal untuk menjalankan tugas.

Saya pernah- kalau model ini berterusan, saya pernah berurusan dengan JKK yang dahulu. Itu juga cerita yang sama, bila minta sesuatu, mereka tak ada. Mereka kata, saya dengan-pengerusi kata, saya dengan setiausaha sahaja yang bertugas di kampung ini, yang lain itu tak

ada pun. Panggil mesyuarat tak datang. Jadi, kalau itu yang telah kita lalui, saya harap kementerian dapat mempelajari daripada kesilapan yang lepas dan perbaikilah apa yang sesuai. Oleh kerana kalau kita pakai model yang sama, saya rasa kita akan mendapat kegagalan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Tuan Aknan a/l Ehtook: Ada dua kementerian, pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit?

Tuan Aknan a/l Ehtook: Dua kementerian, dalam *less than five minutes*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih. Kepada kementerian yang kedua terakhir, Kementerian Air, Tenaga dan Sumber Asli.

Saya pernah bertanya kepada kementerian tentang Projek Tebatan Banjir di Sungai Golok yang melibatkan kampung-kampung orang Siam seperti Kampung Mentua dan Kampung Teresek. Saya difahamkan rintihan mereka telah diambil kira dalam mereka bentuk baru dalam membuat, melaksanakan projek tebatan ini. Akan tetapi saya ingin bertanya, apakah kedudukan semasa hasil daripada perbincangan antara Jabatan Pengairan dan Saliran dengan penduduk kampung? Adakah reka bentuk baru ini telah mengambil kira rintihan mereka dan masalah mereka telah diselesaikan?

Terakhir, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan. Kita tahu bahawa setiap murid ada tahap pencapaian yang berbeza. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi memberi maklumat tentang laluan pendidikan atau kerjaya kepada pelajar-pelajar ini mengikut potensi masing-masing? Adakah pemberian maklumat tersebut telah dijadikan sebagai sebahagian daripada tugas pihak sekolah?

Oleh kerana saya dapati bahawa ada sekolah yang buat, ada setengah sekolah itu secara *ad-hoc*, mereka akan panggil ibu bapa, menceritakan laluan akademik untuk anak-anak mereka. Jadi, saya hendak bertanya, adakah itu sudah menjadi sebahagian daripada SOP ataupun tugas kepada sekolah untuk menceritakan laluan akademik untuk setiap pelajar? Oleh kerana ada yang boleh belajar, boleh pergi ke universiti, yang tidak boleh, mungkin ada laluan yang lain.

Terakhir, kita dapati bahawa calon SPM pada tahun 2018 seramai 412,000 orang kira-kiranya, 2017 – 433,000 orang dan 2016 - 434,000 orang. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah bilangan calon yang berketurunan Siam bagi tahun-tahun 2016, 2017

dan 2018 bagi peperiksaan SPM dan STPM? Akhir sekali, berapakah bilangan calon-calon Siam ini yang memperoleh sekurang-kurangnya 1 A bagi ketiga-tiga tahun tersebut?

Jadi, dengan soalan-soalan tersebut, itulah sumbangan saya dalam membahaskan Titah Seri Paduka Baginda. Diharapkan apa yang akan dijawab oleh kementerian nanti dapat digunakan untuk membangunkan masyarakat di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang seterusnya akan berbahas 20 minit seorang.

Silakan Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

3.04 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi ruang kepada saya di dalam Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Perasmian Sidang Parlimen Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan yang pertama saya kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Peguam Negara yang mewakili Kerajaan Persekutuan yang telah memfailkan saman terhadap Kerajaan Negeri Kelantan kerana menceroboh Tanah Adat Temiar di Pos Simpoh, Gua Musang, Kelantan.

Kerajaan negeri telah memberikan kepada pemaju untuk mengusahakan pertanian dan menjalankan pembalakan di atas Tanah Adat Orang Asli Temiar yang menyebabkan kehidupan mereka terancam. Kemusnahan dan pencemaran yang teruk terhadap ekosistem sumber utama kehidupan mereka iaitu hutan. Soalan saya kepada JPM, apakah status saman ini dan bilakah perbicaraan akan bermula?

Kedua, kepada JPM juga iaitu saya mahu pihak JPM menyediakan kenderaan pacuan empat roda di kampung-kampung dan juga di pos-pos pedalaman di perkampungan Orang Asli. Jalan yang tidak baik yang hanya boleh dilalui oleh kenderaan 4x4, dengan izin, dan motosikal sahaja. Bila musim hujan, mereka terputus hubungan dan mengambil masa yang lama untuk sampai ke pekan dan ke kedai-kedai yang berhampiran untuk membeli barangan keperluan mereka. Masalah ini lebih parah dan serius berlaku apabila sampai musim tengkujuh. Mereka sangat memerlukan kenderaan 4x4 ini apabila berlaku kecemasan seperti menghantar pesakit, ada orang yang bersalin dan memberi barangan keperluan. Mengikut rekod yang diberikan oleh Jabatan Perdana Menteri, di Pahang ada sebanyak 25 buah kenderaan pacuan empat roda ini, di Pahang ada 23, Kelantan ada 13 dan negeri-negeri lain ada juga empat dan lima buah.

Saya mendapat banyak aduan dan juga rungutan daripada masyarakat Orang Asli, khususnya di pedalaman. Mereka tidak boleh keluar ke bandar dan juga ke pekan untuk membeli barangan keperluan, lebih-lebih lagi bila musim hujan dan musim banjir ini. Jadi, apa yang saya cadangkan kepada pihak kementerian melalui JAKOA untuk memberi kenderaan ini, khususnya di pedalaman seperti di Pahang, Perak dan Kelantan untuk digunakan oleh penduduk kampung tersebut. Mereka boleh beri kepada aktivis di kampung tersebut ataupun NGO-NGO yang berada di kampung tersebut untuk menghantar pesakit ataupun membeli barangan keperluan mereka.

Soalan saya juga kepada kementerian, apakah langkah-langkah persiapan menghadapi musim tengkujuh, khususnya di Pantai Timur supaya mereka dapat membeli barangan keperluan makanan yang secukupnya? Kalau orang yang mempunyai wang yang mencukupi, mereka boleh membeli dalam jumlah yang banyak untuk disimpan dan semasa musim tengkujuh. Tambahan pula pendapatan mereka terjejas di sebabkan musim hujan.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan menyelenggarakan semula Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Syarikat yang mendapat kontrak ini Losington Consolidated Sdn. Berhad. Walaupun syarikat ini bermasalah seperti yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara 2010 tetapi kita tidak mahu masyarakat Orang Asli yang menjadi mangsa daripada kontraktor yang tidak bertanggungjawab ini.

Syarikat ini menggunakan dana awam berjumlah RM155.2 juta untuk membina sistem dan menyalurkan air bersih ke sekolah-sekolah luar bandar dan perkampungan Orang Asli. Mereka mendapat peruntukan sebanyak RM113.8 juta iaitu untuk Projek Pembinaan Sistem Rawatan Air Pelbagai Sumber di perkampungan Orang Asli Negeri Pahang iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

■1510

Mereka juga telah mendapat dana RM38 juta cadangan membekal sistem pembekalan air bersih untuk sekolah-sekolah luar bandar di Semenanjung iaitu di Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang, Perak dan Kedah. Mereka juga membina dan menyiapkan projek bekalan air luar bandar, sistem alternatif di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Runchang Mukim Bebar, Pekan berjumlah RM1.42 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon SPRM untuk menyiasat adakah unsur-unsur rasuah di dalam Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ini kerana kebanyakannya tidak beroperasi langsung, yang beroperasi hanya dalam beberapa bulan sahaja. Pada masa kini, semua projek BALB ini tidak beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pam yang digunakan juga menggunakan enjin diesel, minyak diesel yang boleh ditukar kepada pam yang menggunakan elektrik. Maka itu kalau kita selenggarakan pam-pam ini, tangki-tangki air ini, kita boleh menjimatkan kos. Ini kerana ada juga kampung-kampung yang sudah ada kemudahan elektrik yang pada awalnya tidak ada kemudahan elektrik. Maka itu mereka menggunakan enjin diesel ini. Dengan pengiraan semula dapat menjimatkan kos kerana tangki air paip dan rumah pam air sudah sedia ada. Pada musim kemarau baru-baru ini, ramai yang menggunakan air sungai untuk mandi, membasuh dan masak dan ada juga yang menggunakan air perigi tetapi air perigi pun kering.

Jadi dengan kita selenggarakan semula pam-pam ini, saya yakin masyarakat Orang Asli yang mendapat projek daripada yang dibuat oleh Rossington ini, mereka akan mendapat air bersih semula kerana air ini diberi percuma kepada penduduk masyarakat Orang Asli.

Saya juga merakamkan kepada Jabatan Perdana Menteri penghargaan dan terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy yang telah mengadakan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan iaitu semalam 22 April 2019 di Pusat Konvensyen Putrajaya yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dengan tema Memartabatkan Hak Orang Asli. Konvensyen ini memberi tumpuan kepada tujuh fokus utama iaitu: kesihatan; ekonomi; kepimpinan; tanah; pendidikan; infrastruktur; dan kebudayaan.

Di dalam ucapan perasmian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi komitmen dan komited untuk menunaikan Janji 38 di dalam Manifesto Pakatan Harapan pada PRU Ke-14 yang lepas. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga akan mengambil pendekatan melalui prinsip berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT) supaya program yang dirancang benar-benar memberi manfaat kepada Orang Asli. Ini kerana sebelum ini banyak projek ataupun program yang dirancang oleh kerajaan bermula daripada atas ke bawah. Akan tetapi bukan daripada bawah ke atas.

Maka itu banyak projek-projek yang terbengkalai ataupun yang kurang memberi manfaat kepada Orang Asli dan juga masyarakat Orang Asli menolak suatu projek itu kerana tidak mengadakan perbincangan lebih awal kepada mereka seperti yang berlaku projek bekalan elektrik Rossington ini. Saya juga berkeyakinan masyarakat Orang Asli akan terus menyokong dasar-dasar kerajaan untuk pembangunan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli di dalam Malaysia baharu ini. Ini kerana sudah sekian lama hak-hak kami yang paling asas pun masih gagal ditangani dan diselesaikan. Seperti hak pengiktirafan tanah adat melalui pewartaan sumber ekonomi dan infrastruktur yang jauh ketinggalan daripada arus perdana.

Kita tidak mahu seperti kerajaan terdahulu yang banyak manis di mulut tetapi realitinya tidak seperti yang digambarkan. Mereka membuat dan membina projek-projek segera yang kualitinya tidak diambil peduli, janji siap. Maka itu, banyak projek-projek di perkampungan Orang Asli ini yang melibatkan berjuta-juta dana awam tetapi hanya bertahan setahun, dua tahun sahaja seperti jalan dan juga projek air bersih ini. Projek-projek segera ini sering dibuat apabila dekat dengan pilihan raya ataupun pilihan raya kecil. Mereka menyekat dan menyalurkan maklumat yang tidak tepat kepada masyarakat Orang Asli. Seolah-olah mereka mahu Orang Asli ini seperti katak di bawah tempurung yang tidak tahu apa yang berlaku di luar sana.

Kita mahu JAKOA seperti agensi Kerajaan Pusat yang membantu dan melindungi kepentingan masyarakat Orang Asli dan hendaklah bekerja dengan baik secara profesional, jujur dan ikhlas. Roh dan semangat JAKOA ini kita harus bangkitkan semula sebagaimana penubuhannya pada tahun 1939 iaitu yang dipanggil Jabatan Orang Asli, pada tahun 1963 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan tahun 2011 di panggil Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di era baharu ini saya yakin tidak seperti kerajaan yang dahulu menyalahgunakan JAKOA semasa PRK ataupun PRU. Memang saya tidak bersetuju, kerajaan sekarang ini pun sekiranya mereka menggunakan JAKOA semasa kempen pilihan raya dan sebagainya.

JAKOA menggunakan kenderaan pada masa itu untuk berkempen semasa pilihan raya. JAKOA membuka bilik-bilik gerakan dari hari penamaan calon sehingga hari mengundi. Mengadakan program seperti karaoke dan pelbagai hiburan dari pagi sehingga lewat malam. Maka itu saya mahu masyarakat Orang Asli pada masa ini mesti berubah dari jiwa dan minda yang dikongkong selama ini, menjadi masyarakat yang merdeka jiwa dan kebebasan untuk menilai yang mana baik dan yang mana buruk, yang mana rasuah dan yang mana bukan rasuah. Tanggungjawab kerajaan membela, mempedulikan nasib rakyat yang miskin dan terpinggir.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membangunkan masyarakat Orang Asli juga pihak kerajaan harus mereformasi dan menstrukturkan semula JAKOA supaya ia selari dengan agenda kerajaan pada masa kini. Maka saya mahu bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, apakah langkah-langkah awal kerajaan untuk menstrukturkan semula JAKOA ini? Berapakah peruntukan yang diberikan kepada JAKOA untuk kerja-kerja pengukuran tanah-tanah adat masyarakat Orang Asli?

Saya mohon juga kepada pihak kerajaan untuk menambah peruntukan sekiranya tidak mencukupi. Pengukuran tanah ini sangat penting untuk mengekalkan keluasan tanah tersebut dari pencerobohan dari individu-individu dan pihak-pihak tertentu. Pelan-pelan yang telah siap

diukur harus juga dipamerkan di pejabat-pejabat JAKOA, di balai-balai raya dan diberi kepada batin-batin dan juga kepada Pengerusi MPKOA.

■1520

Ini bertujuan untuk penyelarasan dan pemakluman penduduk kampung tersebut kerana selama ini, JAKOA hanya membuat pengukuran dan peta tersebut disimpan oleh mereka tanpa pengetahuan orang kampung. Maka itu banyak tanah yang telah diukur dan akhirnya dibatalkan dan ada juga tanah yang telah diluluskan untuk diwartakan tetapi akhirnya telah dibatalkan kelulusan tersebut oleh kerajaan negeri tanpa pengetahuan masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan pelajar-pelajar tajaan JAKOA ini. Saya mendapat rungutan daripada pelajar-pelajar yang belajar di IPTA di mana mereka mendapat biasiswa ini lambat dibayar. Sampai dua atau tiga bulan pelajar-pelajar Orang Asli ini tidak mendapat biasiswa yang sepatutnya mereka peroleh setiap bulan masuk dalam akaun mereka. Jadi kita tahu apabila yuran ini dibayar, apa-apa boleh berlaku dan ini boleh mengganggu pembelajaran mereka. Ibu bapa bukannya kaya dan bila duit ini tidak ada, mereka sukar untuk belajar dan juga untuk makan.

Perkara ini berlaku sejak tahun lepas lagi iaitu selepas PRU Ke-14. Ini bagi saya memberi imej yang tidak baik kepada pelajar-pelajar dan ibu bapa kerana mereka kata ini bila Pakatan Harapan menang, mereka tidak mendapat biasiswa. Akan tetapi selama ini, mereka mendapat biasiswa setiap bulan, tidak ada kelewatan. Jadi saya minta supaya Jabatan Perdana Menteri melihat perkara ini dengan serius kerana berlaku sejak daripada tahun lepas. Saya minta supaya isu pendidikan ini harus kerajaan tangani dengan segera untuk pelajar-pelajar ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tiga minit lagi.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon mencelah hendak tanya soalan sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Yang Berhormat.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Bolehkah Yang Berhormat Senator?

Tuan Manolan bin Mohamad: Tiga minit saja. Lima minit boleh Tuan Yang di-Pertua? Okey, seminit boleh, boleh.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Manolan. Setuju ataupun tidak kalau saya nyatakan tadi kerana Yang Berhormat Senator sebut dengan panjang lebar bahawa JAKOA perlu diperkasakan, perlu diperbaiki soal mungkin *delivery system*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi setuju ataupun tidak kalau saya nyatakan bahawa pemimpin politik juga mempunyai tanggungjawab untuk bersama-sama dengan kakitangan awam membantu golongan komuniti masyarakat Orang Asli terutama sikap sesetengah pemimpin politik yang suka mengugut, mengugut mengatakan kalau tidak sokong kerajaan maka ini akan ditarik balik peruntukannya ataupun ada sikap-sikap yang cuba *undermined* kepimpinan masyarakat Orang Asli? Maka pemimpin politik sebegini, apa yang perlu kita buat terhadap mereka? Apakah mereka ini kita perlu bagi *warning* atau sebaliknya? Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya memang setuju supaya JAKOA ini kita strukturkan semula kerana *delivery system* itu, dengan izin, tidak sampai kepada masyarakat Orang Asli. Kita mahu pihak JAKOA ini dia lebih mesra dengan Orang Asli dan mereka kena turun ke padang. Bukannya Orang Asli pergi ke JAKOA, hendak beritahu masalah mereka tetapi JAKOA ini, pegawai-pegawai di peringkat negeri dan juga peringkat daerah ini kena turun ke bawah, cuba dapatkan maklumat ataupun apa masalah-masalah Orang Asli ini yang banyak sebenarnya di bawah ini berlaku.

Saya setuju yang itu. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada...

Tuan Khairul Azwan bin Harun: [*Ketawa*] Saya tanya soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Okey, okey.

Tuan Manolan bin Mohamad: Kehidupan masyarakat luar bandar dan bandar semakin melebar. Tambahan pula pada masa kini harga getah dan kelapa sawit merosot RM3.10 satu kilo dan kelapa sawit RM3.90 satu tan. Jurang ini semakin membesar dan membimbangkan kita barangan keperluan harian lebih mahal di bandar kalau dibandingkan dengan luar bandar. Walaupun banyak barangan yang menunjukkan penurunan harga tetapi dengan kejatuhan harga komoditi ini, langkah-langkah untuk merapatkan jurang pendapatan di antara luar bandar dan bandar akan terbantut. Maka itu, ia memerlukan pendekatan baru yang lebih realistik dan juga holistik.

Saya mahu bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk penduduk desa terutamanya masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan jumlah pendapatan boleh guna mereka? Sebagai contoh, ada ketua isi rumah yang berpendapatan RM60 sebulan. Perkara ini kalau tidak diambil langkah segera, ia semakin sukar untuk dipulihkan. Tambahan lagi, harga barangan semakin meningkat.

Sebenarnya masyarakat Orang Asli di pedalaman dan pinggir-pinggir bandar dan desa seperti, 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Maka saya mohon sangat kepada

Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui MARA untuk membina lot-lot kedai di perkampungan Orang Asli yang memerlukannya supaya ramai juga anak-anak muda yang keluar kolej dan juga universiti untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Saya boleh cadangkan di sini seperti di Kampung Permatang Keledang iaitu di Pekan, ramai penduduk di situ yang saya tengok berkelayakan. Kalau kita bina lot-lot kedai ini, mereka boleh berniaga sekurang-kurangnya.

Akan tetapi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu memang tiada di perkampungan Orang Asli ini dibina lot-lot kedai dan sumber ekonomi mereka pertanian, kelapa sawit ataupun getah ataupun daripada TSK atau Tanam Semula Berkelompok dan juga hasil-hasil daripada hutan. Maka itu kalau lot-lot kedai ini dibina, saya yakin mereka boleh menceburi bidang-bidang baharu dalam perniagaan. Sehubungan dengan itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukup.

Tuan Manolan bin Mohamad: Pendidikan, boleh Tuan Yang di-Pertua, dua minit? Ini penting.

Tuan Yang di-Pertua: Rumuskan Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey, akhir sekali Kementerian Pendidikan Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah yang daif. Saya baru-baru ini pergi ke Sekolah Kebangsaan Kampung Senta di Bidor. Sekolah itu terbakar Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya minta Kementerian Pendidikan untuk mengambil maklum perkara ini. Sekolah tersebut terbakar pada bulan Ogos tahun lepas tetapi sehingga hari ini, sekolah tersebut tidak dibina semula di mana mereka terpaksa bersesak-sesak di dalam bangunan yang terhad dan rumah guru pun saya tengok mereka buat di kantin sekolah dan ada juga mereka buat satu tambahan unit iaitu buat daripada buluh.

Jadi saya minta Kementerian Pendidikan melihat perkara ini. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

3.28 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk memberi ucapan ulung sempena pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara dan memberi peluang untuk menyertai perbahasan usul menjunjung kasih Titah Diraja pada kali ini. Baginda amat prihatin kepada kehidupan kebajikan rakyat jelata. Dengan ini,

saya menumpukan ucapan kepada isu-isu keamanan, kesejahteraan ekonomi, peningkatan kos sara hidup dan perpaduan rakyat. Sebelum saya bermula Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan sebuah pantun.

*Harum sungguh bunga melati;
Hiasan sanggul amat memikat;
Pelbagai kaum hormat-menghormati;
Mengukuhkan perpaduan ikatan muafakat.*

Negara kita sudah pun mencapai kemerdekaan selama 61 tahun. Selama ini, rakyat negara ini telah pun hidup aman damai tanpa isu-isu besar yang boleh meruntuhkan persefahaman antara kaum yang kita telah kecapai. Tarikh 9 Mei 2018 telah mencipta sejarah di negara kita apabila sebuah kerajaan baharu ditubuhkan.

■1530

Usaha-usaha murni untuk menumpukan perpaduan kaum tidak diabaikan oleh kerajaan baharu. Malahan, dianggap sangat penting dan dipergiatkan lagi usaha-usaha untuk mencapai matlamat ini. Harus diingat, tanpa perpaduan kaum yang jitu negara mana-mana sekalipun tidak akan mencapai kemajuan dan kemakmuran. Perkara ini harus dipandang serius oleh rakyat negara ini.

Akhir-akhir ini, ada pihak-pihak yang cuba mengadu domba untuk mengeruhkan suasana kedamaian kaum dengan membangkitkan isu-isu kaum dan agama. Usaha sebegini semata-mata untuk tujuan politik. Perbuatan ini harus dibendung oleh masyarakat yang cintakan keharmonian.

Perpaduan nasional di negara kita yang berbilang kaum dan agama satu proses murni untuk menyatukan pelbagai kumpulan rakyat yang mempunyai latar belakang agama, sosial dan budaya yang berlainan ke dalam satu entiti fizikal dan rohani untuk mewujudkan bangsa Malaysia. Usaha-usaha haruslah dilakukan untuk menyatukan semua kaum di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia untuk menjadikan negara ini sebuah Persekutuan yang mantap di mana rakyat tidak kira agama dan latar belakang dapat hidup bersama dan membentuk sebuah negara yang aman dan maju. Justeru, dihormati dunia luar.

Usaha-usaha harus dilakukan untuk menyatupadukan kumpulan-kumpulan yang mempunyai latar belakang yang berbeza di negara ini ke dalam satu entiti berpadu yang terikat dengan norma, nilai dan kepentingan umum. Apabila integrasi negara berlaku, maka akan ada lah rasa kepunyaan dan ikatan perasaan antara rakyat pelbagai kaum. Apakah tindakan kerajaan

khasnya Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan perpaduan di negara ini tidak akan merosot dan juga memastikan tindakan sewajarnya akan diambil tidak kira mana-mana politik atau ahli yang berpangkat yang turut serta.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan harus dilakukan menerusi imbalan ekonomi. Masalah ekonomi sering menjadi rintangan dalam mewujudkan keharmonian kaum. Perbezaan ekonomi yang dapat dilihat di kalangan kaum dapat menimbulkan perasaan tidak puas hati atau iri hari yang boleh mencetuskan konflik dalam kalangan kaum. Usaha ke arah mengatasi perkara ini harus diambil supaya jurang ekonomi di kalangan mereka dapat dirapatkan.

Antara pelan lima tahun dan dasar pembangunan kerajaan bertujuan untuk memiliki ekuiti ekonomi yang adil dalam kalangan semua kaum dan untuk mengurangkan pengenalpastian bangsa berasaskan aktiviti ekonomi. Ini usaha ke arah mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan kumpulan etnik. Soalan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan kumpulan etnik dan apakah langkah-langkah diambil atau akan diambil untuk berbuat demikian?

Jurang ekonomi di kalangan kaum pada masa-masa yang lalu telah membawa ketidakharmonian. Cadangan saya ialah dasar baru harus diperkenalkan untuk mengurangkan kesenjangan ekonomi dalam kalangan kumpulan etnik yang berbeza. Rakyat yang miskin di negara ini terdiri daripada semua kaum, Melayu, Cina, India dan etnik-etnik bumiputera, orang Sabah, Sarawak dan lain-lain.

Mereka yang miskin tanpa mengira etnik harus dibantu untuk meningkatkan daya upaya mereka untuk mencapai pendapatan yang agak setara dengan mereka yang sudah pun bernasib baik. Harus disediakan lebih banyak peluang kepada golongan etnik yang kurang bernasib baik ini tanpa mengira latar belakang dan keturunan mereka untuk menceburi aktiviti perniagaan dengan menyediakan pinjaman mudah melalui skim kredit mikro bagi meningkatkan status ekonomi mereka.

Peluang-peluang pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta harus disediakan kepada mereka dari golongan miskin. Jurang ekonomi antara yang kaya dan yang miskin tanpa mengira kaum di kawasan pedalaman dan di bandar harus dirapatkan dan ini akan dapat mengurangkan kadar kemiskinan rakyat.

Kaum bumiputera di negara ini terdiri daripada 40 peratus daripada kumpulan B40 iaitu mereka yang memiliki pendapatan kurang RM3,860 sebulan dan kerajaan mengadakan pelbagai skim pelaburan dan pinjaman bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Terdapat juga peruntukan sebanyak RM1.5 bilion saham untuk kumpulan B40 India di bawah Skim Amanah Saham

1Malaysia. Terdapat kira-kira 100,000 ribu keluarga India daripada kategori B40. Terdapat juga kaum Cina dalam kategori ini dan mereka harus dibantu.

Kerajaan harus menangani masalah bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak. Memang masih terdapat ketidakseimbangan pengagihan kekayaan antara kaum di seluruh Malaysia. Mereka yang tinggal di bandar lebih banyak kekayaan ekonomi berbanding dengan kaum di kawasan luar bandar. Negeri di Pantai Timur dan rakyat Sabah dan Sarawak di mana kadar kemiskinan lebih meluas dalam kalangan mereka. Kerajaan harus berusaha untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan dengan semua warga tanpa melihat kaum.

Mereka yang menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan memadamkan pengenalan bangsa melalui fungsi ekonomi dan lokasi penempatan. Pertubuhan ekonomi harus memainkan peranan penting untuk mengurangkan perbezaan ekonomi di kalangan rakyat, ini pertumbuhan ekonomi melalui pengagihan semula kekayaan yang saksama dengan mengambil kira aspirasi kaum-kaum yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan harus dipupuk menerusi sistem pendidikan. Kerajaan harus membuat usaha untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama untuk semua rakyat Malaysia. Kerajaan harus menggalakkan kanak-kanak dari semua kaum belajar di sekolah kebangsaan. Maka, usaha haruslah dilakukan untuk meneutralkan sekolah-sekolah ini supaya rakyat tidak melihat sekolah kebangsaan sebagai sekolah hanya untuk satu kaum sahaja. Kanak-kanak dari pelbagai kaum dan agama yang pergi ke pelbagai bentuk sekolah boleh menyebabkan polarisasi atau *polarization*, dengan izin, dan ini tidak memudahkan untuk memupuk keharmonian kaum dalam jangka masa panjang.

Usaha harus dibuat untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan untuk semua rakyat Malaysia. Dengan kemudahan yang lebih baik, guru terdiri daripada pelbagai kaum, pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, *Dual Language Program*, dengan izin, memperkasakan pembelajaran bahasa Inggeris dan pengajaran bahasa ibunda di sekolah kebangsaan akan membuat ibu bapa berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan. Justeru itu, membawa kepada perpaduan kaum dalam kalangan pelajar di bangku sekolah lagi.

1540

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan juga harus dipupuk melalui usaha politik. Usaha-usaha politik boleh dibuat untuk menangani masalah-masalah kelemahan dalam perpaduan. Ini boleh dilakukan melalui sistem perundangan. Kerajaan harus tegas dalam menangani usaha-usaha

pihak berkepentingan yang tidak bertanggungjawab dan boleh merosakkan hubungan kaum. Perlembagaan harus mengandungi beberapa fasal untuk melindungi masyarakat pelbagai kaum. Akta-akta yang diubahsuai harus diadakan bertujuan untuk menghalang sesiapa sahaja daripada menimbulkan isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan keharmonian kaum. Perkongsian kuasa antara semua kaum dalam politik langkah terbaik untuk menyatukan parti-parti politik menjadi satu organisasi berbilang kaum yang lebih besar dan ini telah berlaku sejak kemerdekaan negara pada tahun 1957 dan harus dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan harus juga dipupuk melalui aktiviti sosial dan budaya. Rakyat harus merayakan perbezaan. Perbezaan budaya tentu boleh menimbulkan prasangka perkauman yang boleh mengancam integrasi nasional. Kerajaan harus lebih giat berusaha untuk memupuk Dasar Kebudayaan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk mewujudkan perpaduan nasional, kesejahteraan sosial dan integrasi nasional. Melalui langkah ini rakyat digalakkan berkongsi nilai-nilai sejagat dalam kalangan mereka. Mana-mana unsur sejagat dan positif dari budaya pelbagai kaum yang sesuai boleh menyumbang dan perpaduan harus diterima pakai dalam usaha ini.

Media arus perdana harus memainkan peranan positif dan memupuk perpaduan kaum dengan menyertai aktiviti-aktiviti sosial dan campuran budaya di mana semua kaum terlibat. Nilai-nilai agama yang murni dan sejagat harus diterima semua kaum untuk mewujudkan teras budaya Bangsa Malaysia. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tidak harus diabaikan dan mewujudkan identiti kebangsaan bagi masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Jelas negara kita harus berada di tahap kompromi budaya di mana rakyat bersedia menerima kepelbagaian budaya dan ini sumber kekuatan kepada negara. Pembinaan dan pembangunan negara tidak boleh berlaku jika rakyat berbelah bahagi dengan sentimen perkauman dan keagamaan.

Rakyat harus mengutamakan kepentingan politik, peribadi dan kaum masing-masing dan melihat negara ini sebagai sebuah entiti yang inklusif di mana semua kaum dapat hidup bersama tanpa curiga antara sama lain. Tanpa perpaduan kaum yang jitu, kita sebagai rakyat Malaysia tidak akan mengecapi kedamaian dan pembangunan. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Untuk menutupkan bab ini saya juga akhiri dengan satu pantun.

*Beras segantang sudah disukai;
Lalu disimpan di atas para;
Jurang dikurangkan warga Malaysia muafakat;
Negara damai, rakyat sejahtera... [Tepuk]*

Terima kasih. Lagi satu isu yang dekat dengan hati saya ialah tentang FELDA. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak satu isu FELDA walaupun saya bukan dari golongan FELDA tetapi dibesarkan di ladang di...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, singkatkan masa sudah.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, ya, *10 minutes*. 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Masa 10 minit tidak dapat.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Secepat mungkin Yang Berhormat.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Okey, ya Tuan Yang di-Pertua. FELDA dan kemelut dihadapi badan ini dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Usaha diarah memulihkan kembali FELDA. Difahamkan bahawa kerajaan bersedia menyuntik dana sebanyak RM6.23 bilion untuk memulihkan FELDA yang tenat angkara pengurusan tak betul kerajaan sebelum ini. Harap FELDA dapat manfaat bantuan RM6.23 bilion ini untuk terus bertahan bagi menolong FELDA menangani masalah kerugian dan hutang yang terkumpul dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Diharap kerajaan dapat memulihkan kembali FELDA dan suntikan wang ini tidak dibelanjakan hanya untuk membayar hutang. Harap kerajaan dan agensi pembangunan tanah FELDA telus dalam penggunaan wang sebanyak RM6.23 bilion ini.

Just short it down. Pelbagai sumber hasil. Untuk mengatasi kemelut yang dihadapi, peneroka FELDA sekarang yang lebih penting- kerajaan harus membantu peneroka menerokai bidang-bidang sampingan seperti penternakan berkelompok dan tanaman komoditi lain secara komersial kerana dengan hanya bergantung kepada minyak sawit sebagai punca pendapatan akan menghadapi risiko tinggi pada masa depan apabila harga pasaran merudum. Tambah lagi negara mengalami persaingan dengan negara-negara pengeluar sawit yang lain dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sebentar. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kertas Putih akan dibentangkan di Dewan ini?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia letak sajalah. Okey, silakan Yang Berhormat.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih. Kerajaan harus berusaha menjadikan FELDA satu kejayaan dengan membangkitkan kesedaran dalam kalangan peneroka tentang tata kelola ladang mereka, setanding dengan ladang-ladang milik swasta yang lain.

FELDA harus mempunyai kepakaran dan rancangan teratur untuk memaksimumkan hasil pengeluaran supaya boleh elak berlaku kerugian kepada pemilik ladang kelapa sawit apabila harga komoditi itu merosot.

Pengurusan FELDA. Kerajaan harus menangani isu pengurusan yang lemah dan memastikan hanya mereka yang berintegriti diberi peranan menguruskan FELDA. Kerajaan harus komited untuk mendedahkan dan membawa ke muka pengadilan, mereka yang bertanggungjawab terhadap kerugian besar. Harap kerajaan ini tidak akan melantik ahli-ahli politik untuk memegang jawatan tertinggi di FELDA. Pada hal ada ramai di antara kaum bumiputera yang lain layak untuk memegang jawatan-jawatan tertinggi di FELDA.

Ramai pakar pengurusan ladang bumiputera dan bukan bumiputera berkhidmat di Indonesia, Afrika Utara, Amerika Selatan dan di ladang-ladang kelapa sawit di luar Malaysia. Mereka boleh dibawa balik untuk menguruskan ladang-ladang FELDA dan menaik balik taraf sesama dengan ladang-ladang swasta di Malaysia.

Isu yang ketiga pendek, ialah ingin memberi beberapa pandangan tentang kitaran kemiskinan dalam kalangan kaum India yang masih terpinggir.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Sila duduk. Masa sudah cukup.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *You* nanti kalau bila Menteri menjawab, Yang Berhormat boleh celah.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang.

3.39 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *kopibosian*. Salam damai dan terima kasih sekali lagi kerana memberi laluan saya kerana untuk memberi, untuk terlibat dalam perbahasan Titah Diraja ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat orang asal negeri Sabah dan juga masalah terkini berkenaan dengan apakah keadaan di kawasan luar bandar. Untuk memulakan perbahasan saya pada petang ini, saya ingin membawa sedikit berkenaan dengan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda menyebut khusus berkenaan dengan

meningkatkan kesejahteraan rakyat luar bandar khususnya orang asal di Sabah dan Sarawak serta masyarakat Orang Asli.

■1550

Ini amat penting kerana ia sangat relevan dengan keadaan masyarakat terkini dan juga keadaan semasa di Sabah dan Sarawak. Untuk merealisasikan hasrat Baginda ini, saya rasa paling penting sekali untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai satu rakan kongsi dalam penubuhan federasi ataupun negara ini dan baru-baru ini usaha untuk membuat pindaan terhadap Perkara 1(2), Perlembagaan itu satu usaha yang disambut baik oleh masyarakat Sabah dan Sarawak.

Malangnya ia tidak dapat diteruskan kerana tidak mendapat sokongan daripada Dewan Rakyat kerana tidak dapat 2/3. Namun begitu, saya berharap bahawa usaha ini akan diteruskan kerana jangan sampai kerana satu kegagalan itu, usaha-usaha untuk mencapai untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak itu ditinggalkan begitu sahaja kerana perkara ini sangat penting bagi kita di Sabah dan Sarawak. Ini kerana untuk memastikan kita merapatkan jurang pembangunan di antara dua kawasan ini kita perlu ada satu status yang khas untuk membolehkan perkara Perjanjian Malaysia 1963 itu dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Saya juga ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri, apakah status tiga jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk mengkaji MA63 ini? Apakah jangka masa yang telah ditentukan untuk mengeluarkan laporan itu dan memberikan hasil daripada perbincangan-perbincangan jawatankuasa ini, sebab masa yang diperuntukkan janganlah terlalu lama kerana kalau terlalu lama proses ini akan tergugat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada MA63 ini, saya juga melihat bahawa isu Orang Asal ini haruslah dilihat dalam konteks kebangsaan. Buat masa ini, kebanyakan daripada isu apabila kita membahaskan Orang Asal selalu kita hanya tertumpu kepada masyarakat Orang Asli tetapi dari segi konteks undang-undang antarabangsa ada satu deklarasi yang dipanggil Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jadi apabila kita sebagai sebuah negara kita harus melihat konteks Orang Asal ini dalam konteks kebangsaan. Memang sudah tentu ada beberapa perbezaan mengikut wilayah, bagi Orang Asli di Semenanjung kita ada Jabatan Kemajuan Orang Asli yang melihat khususnya untuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Akan tetapi dalam konteks ini di Sabah dan Sarawak kita juga ada kerangka undang-undang. Jadi untuk memastikan tidak ada segregasi dari segi polisi, saya menyeru kepada pihak kerajaan khususnya di Jabatan Perdana Menteri untuk mula melihat bahawa isu Orang Asli ini ditangani secara holistik, secara kebangsaan. Melihat bahawa satu

tindakan khas ataupun *affirmative action*, dengan izin, untuk membolehkan isu-isu yang dihadapi oleh Orang Asal ini dapat ditangani secara *policy level* dari peringkat kebangsaan.

Oleh itu saya mencadangkan satu suruhanjaya kebangsaan tentang Orang Asal ditubuhkan sebab ini membolehkan *cross-cutting law* ataupun bidang kuasa di antara Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung dan ini selaras dengan kalau ada status Sabah dan Sarawak itu sebagai satu entiti yang sedikit istimewa di negara ini. Jadi perkara-perkara ini sudah kita boleh pelajari daripada negara-negara jiran seperti contohnya di Filipina yang mana di Filipina terdapat satu suruhanjaya ataupun *National Commission on Indigenous Peoples*, dengan izin.

Jadi ini boleh kita juga dapat jadikan model untuk menjadikan apabila kita membahaskan ataupun membincangkan polisi berkenaan dengan Orang Asal kita boleh melihat dalam konteks kebangsaan dan bukan dalam konteks hanya di peringkat wilayah.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat sedikit Yang Berhormat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan daripada Akademi Audit Negara Sri Lanka.

We would like to express our welcome to all of you from The Audit Academy from Sri Lanka... [Tepuk] And on the same token, we would like to express our condolence. The whole Senate Hall of Malaysia would like to express our condolence to the victims those who in the, how to say Tuan Yang di-Pertua ya, in the series...

Beberapa Ahli: *Perish.*

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *In perish in Sri Lanka. So, on behalf of Dewan Negara Malaysia we express our condolence to our brothers and sisters in Sri Lanka. Thank you Tuan Yang di-Pertua.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi dan kita juga masih terkejut dengan perkara yang telah berlaku di Sri Lanka.

Menyambung dengan perbahasan saya ini, saya menyentuh seterusnya kepada pembangunan luar bandar khususnya untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebab sampai sekarang walaupun kita telah membelanjakan ratusan juta malahan bilion Ringgit untuk menangani masalah asas seperti elektrik dan juga bekalan air tidak termasuk jalan raya. Namun isu ini masih timbul, jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tindakan untuk memastikan bahawa satu program tiga dalam satu boleh diadakan? Selain melihat satu persatu perkara ini seperti bekalan elektrik, air dan jalan raya sebagai satu perkara yang berbeza

sedangkan kita boleh selaraskan untuk membawa tiga perkara ini sekali gus kerana untuk membawa bekalan elektrik itu sudah tentu kita memerlukan jalan raya, sama juga dengan bekalan elektrik dan air.

Jadi adakah pihak KPLB mencadangkan untuk membuat satu program komprehensif yang boleh membawa tiga perkara ini dalam sekali gus. Ini untuk mempercepatkan lagilah pembangunan dan juga memberikan kemudahan-kemudahan asas ini lebih cepat. Selain itu juga, kita perlu mencadangkan program-program alternatif sebab kalau kita sudah lihat banyak program yang telah dijalankan sebelum ini tetapi kebanyakannya gagal kerana ketidaksesuaian teknologi yang diambil ataupun pendekatan yang diambil oleh kementerian untuk membawa kemudahan-kemudahan asas ini kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Seterusnya kepada Jabatan Kerja Raya sebab untuk memangkin pembangunan di luar bandar sudah tentu kita mahu perhubungan kualiti jalan raya yang baik. Malangnya kalau di Sabah dan Sarawak kita masih melihat bahawa kebanyakan jalan raya yang ada di sini tidak mencapai kualiti ataupun piawaian yang kita mahu. Apa yang kita ceritakan sekarang setiap kali kita berbicara tentang jalan raya kita hanya cerita fasal *Pan Borneo*. Sungguh pun begitu *Pan Borneo* di Sabah juga ada masalah.

Jadi saya mahu melihat, saya mahu minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kementerian dapat memastikan bahawa *Pan Borneo* yang bermasalah di Sabah ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin supaya kadar *delivery project* ini, dengan izin, dapat dipercepatkan. Kita juga mahu melihat bahawa penyelenggaraan jalan-jalan yang sedia ada, jalan-jalan Persekutuan di negeri Sabah ini tidak diabaikan hanya kerana kita mempunyai projek mega seperti *Pan Borneo*.

Saya melihat bahawa perkara ini harus diambil kira khasnya untuk jalan-jalan yang berbahaya. Banyak kes kemalangan maut berlaku khasnya kebanyakannya berlaku semasa di kawasan jalan-jalan raya selain *Pan Borneo*. Jadi ini membimbangkan kita. Kita mahu melihat supaya satu tindakan yang lebih drastik diambil oleh Jabatan Kerja Raya.

Seterusnya kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Capaian internet ini sangat penting malangnya kebanyakan daripada kawasan-kawasan luar bandar ini masih belum mempunyai capaian internet yang berkelajuan tinggi. Sungguh pun begitu banyak usaha yang dibuat oleh pihak kementerian tetapi saya rasa belum cukup memadai dengan keadaan yang ada sekarang. Jadi kita mahu melihat bagaimana kementerian dapat memanfaatkan jaringan *fiber optic* yang sudah ada sekarang ini supaya memastikan bahawa mutu perkhidmatan internet ini dan kualiti perkhidmatan itu dapat dipertingkatkan.

■1600

Apakah tindakan Kementerian untuk memastikan pemain, *the big players* contohnya *telco's* ini dapat memastikan bahawa semua infrastruktur yang dipasang di luar bandar ini diselenggarakan dengan baik. Oleh sebab saya sendiri selalu pergi ke luar bandar dan mendapati bahawa apabila kita sampai ke kampung, kita tanya kenapa tidak ada internet? Sebab tidak ada diesel, sebab kebanyakan daripada pemancar ini masih menggunakan jana kuasa diesel.

Jadi, ada kita kata internet timbul tenggelam. Jadi kita tidak mahu ini. Kita mahu satu kualiti perkhidmatan yang berterusan dan memastikan bahawa kontraktor-kontraktor yang telah dilantik ini dapat memastikan kualiti yang baik.

Seterusnya pembangunan ini Tuan Yang di-Pertua sangat penting tetapi pembangunan ini tidak seharusnya mengorbankan alam sekitar. Oleh sebab apabila kita mahu mengejar pembangunan ekonomi ini, selalu kita dapati bahawa alam sekitar kita terjejas. Apa yang telah berlaku di Johor baru-baru ini sangat mengejutkan sebab ini melibatkan satu industri yang di bandar dapat membuat pencemaran yang sangat teruk. Saya minta supaya proses...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf Yang Berhormat. Sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, dalam perbahasan saya ini, saya ingin menyentuh tentang isu-isu alam sekitar. Apa yang saya minta kita mahu melihat satu perundangan yang lebih ketat terhadap pesalah-pesalah ataupun mereka yang telah melanggar kualiti alam sekitar. Saya rasa sudah tiba masanya semua undang-undang yang berkaitan dengan alam sekitar ini diperketat.

Kita juga mahu melihat bahawa Malaysia haruslah komited terhadap *UN Sustainable Development Goals*, dengan izin. Oleh sebab pembangunan mapan ini sangat penting bagi kita sebab kalau kita tidak mengambil iktibar dari sekarang, alam sekitar kita akan jadi korban. Jadi, kita tidak mahu anak-anak kita ini mewarisi alam sekitar yang sudah rosak.

Jadi, kita harus bermula dari sekarang bahawa *sustainable development* ataupun pembangunan mapan ini haruslah diterapkan bukan sahaja oleh satu Kementerian tetapi semua Kementerian di dalam negara ini. So, saya ingin bertanya kepada Kementerian, apakah usaha supaya semua Kementerian mengadaptasi konsep pembangunan mapan dalam polisi-polisi dan juga operasi mereka?

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Kementerian Pendidikan sebab masalah utama di Sabah ini masih juga berkenaan dengan pendidikan. Saya baru-baru ini telah pergi ke beberapa sekolah, dijemput oleh PIBG untuk merasmikan mesyuarat agung tahunan mereka. Setiap kali saya datang ke sana, mereka ambil kesempatan untuk menunjukkan kepada saya sendiri keadaan sekolah yang daif. Saya sendiri nampak bangunan-bangunan yang sudah lama, sudah reput tetapi masih digunakan sebagai kelas Tuan Yang di-Pertua.

Ini mengejutkan saya sebab bukan sahaja pelajar-pelajar itu dalam keadaan bahaya tetapi mereka juga tidak selesa. Oleh sebab kebanyakan daripada bangunan-bangunan yang sudah daif ini tidak ada bekalan elektrik, sudahlah jendelanya tidak ada. Jadi kalau musim hujan, kena tempas air hujan itu.

Jadi saya mintalah kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan ada satu pemantauan yang lebih efektif dan juga tindakan cepat. Saya difahamkan oleh pihak guru besar dan juga pengetua, mereka sudah berkali-kali menyatakan ini kepada PPD. Namun tidak ada tindakan diambil. Banyaklah pegawai yang datang untuk meninjau. Contohnya di SMK Apin-Apin, di SMK Sook, mereka sendiri telah membawa beberapa kali PPD dan melihat keadaan sekolah itu. Akan tetapi sampai sekarang tidak ada tindakan. Sekolah dan bangunan ini saya rasa sudah tidak selamat. Malah JKR juga sudah menyatakan bangunan ini tidak selamat.

Kemudian, isu keciciran dan juga keputusan akademik yang rendah di antara kalangan pelajar-pelajar, murid-murid di luar bandar. Saya pergi kepada sekolah-sekolah ini dan bercerita dengan guru-guru apa masalah. Masalah keciciran ini kebanyakan datang daripada keluarga-keluarga yang datang daripada kampung jauh. Jadi asrama ini satu kemudahan yang sangat penting bagi pelajar-pelajar.

Malangnya keadaan asrama ini seakan-akan bukan tempat tinggal manusia. Jadi, apakah kita mahu meneruskan bahawa kita punya budak-budak ataupun anak-anak kita ini duduk di tempat yang seakan-akan hanya *fit* atau sesuai untuk tempat tinggal haiwan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat, boleh tanya sedikit? Minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua sebab terpanggil pasal pendidikan. Oleh sebab ketika kita berkunjung ke Sarawak. Ketika itu Ketua Menteri Sarawak telah mengatakan bahawa terdapat satu pendekatan baru Kerajaan Negeri Sarawak dengan Kementerian Pendidikan ketika itu, siapa yang ada ketika itu kita ke Sarawak yang mengatakan bahawa hutang kerajaan negeri ketika itu yang hendak dibayar kemudian boleh di *set off* sekiranya kerajaan negeri membangunkan sekolah untuk Kementerian Pendidikan.

Ketika kita hadir ketika itu Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru sahaja datang ke Sarawak. Itu ketika taklimat diberikan. Ketika itu dikatakan atas sebab keputusan itu, *I think* mungkin Yang Berhormat pun ada di situ. Katanya sekolah itu dapat dibantu dengan secara cepat. Saya tidak tahu sejauh mana perkara itu betul. Kalau sekiranya betul, saya rasa perkara yang sama perlu dipertimbangkan oleh Kementerian Pendidikan kerana masalah yang dibahaskan ini masalah hak asasi, *access to education*. Saya rasa itu sangat- saya sendiri rasa malulah sebab ini cerita pelajar. Cuma hendak minta penjelasan, adakah perkara itu berlaku seperti dikatakan?

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *I think what you said just know was quite true regarding the contract of expenditure for the sekolah yang daif, dengan izin. Akan tetapi malangnya, seminggu lalu kontrak ini telah dibatalkan, tarik balik. Yes, I'm so disappointed. Tomorrow I want to put it in my bahas.* Terima kasih.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa ini sudah *stir the hornet's nest but anyway*, perkara ini yang saya bawakan di sini konteks di Sabah. Saya memang bersama dengan beberapa Senator datang ke Sarawak dan mendengar bahawa sebenarnya satu pendekatan yang bagus memandangkan isu dana menjadi masalah, kekangan untuk membuat ini.

Akan tetapi bagi saya, saya ingin timbulkan satu perkara ini sebab dalam soal jawab ataupun persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri pada sesi yang lalu, saya mendapat jawapan bahawa Sabah hanya mendapat RM10 juta peruntukan untuk pembaikan sekolah-sekolah daif berbanding Sarawak RM100 juta. Jadi ini saya rasa memang tidak mencukupi, jauh sedikit berbanding apa yang harus diperlukan oleh negeri Sabah untuk memastikan bahawa tahap infrastruktur pendidikan itu sampai satu piawaian yang kita boleh terima sebagai memuaskan. Jadi, ini saya rasa perlu kita *follow up* lagi untuk memastikan bahawa mutu pendidikan ini dapat dipertingkatkan.

Saya juga ingin meneruskan perbincangan saya ini Tuan Yang di-Pertua, selain bangunan yang daif, satu lagi inisiatif yang saya rasa boleh dikembangkan di Sabah dan juga khasnya di kawasan-kawasan pedalaman Sekolah Komprehensif Sembilan atau K9. Ini satu perkara yang saya rasa usaha baik sebab ia membolehkan kanak-kanak bersekolah sampai tahap Tingkatan 3, sekolah rendah tetapi sampai kepada Tingkatan 3.

Jadi ini menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya kanak-kanak di luar bandar ini tidak perlu ke pusat ataupun asrama di sekolah yang besar sehingga umur untuk Tingkatan 4 dan seterusnya. Malangnya ada beberapa buah sekolah yang saya lawat dan salah satu daripadanya

Sekolah Komprehensif K9 di Sekolah Kebangsaan Pensiangan. Sungguhpun usaha ini bagus tetapi malangnya oleh kerana sekolah ini sekolah rendah, dijadikan mengajar *syllabus* Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Kebanyakan sekolah ini tidak mempunyai makmal sains, tidak mempunyai makmal komputer dan sebagainya.

■1610

Ini membantutkan pembelajaran pelajar-pelajar yang mengambil subjek Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dan apatah lagi untuk menduduki peperiksaan PT3. Jadi, saya harap usaha untuk mereplikasikan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) ini dapat dikembangkan dengan termasuklah peruntukan untuk membina makmal-makmal dan juga pusat-pusat yang digunakan untuk pengajaran subjek-subjek yang lazimnya tidak diajar di sekolah rendah.

Jadi seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu belia. Isu paling besar dalam kita punya belia ini *rural urban migration*, dengan izin. Kalau kita lihat di rumah-rumah panjang, di kampung-kampung jauh di sana, yang tinggal hanya orang-orang tua dengan budak-budak kecil. Belia semua tidak tahu pergi mana. Kebanyakan daripada belia-belia ini *end up*, berkesudahan bekerja di kilang-kilang, tidak tahu di mana. Kadang-kadang ada juga kes di mana saya jumpa mereka duduk di bawah jambatan di Kuala Lumpur. Oleh sebab mereka tidak ada pilihan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan, apakah program pembudayaan belia di kawasan luar bandar ini supaya mereka tidak perlu pergi ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Sedangkan banyak sumber-sumber ada di kampung, cuma mereka tidak ada akses. Satu, mungkin untuk kemahiran, akses untuk *market* dan sebagainya. Oleh itu, saya menyerulah kepada pihak kementerian untuk melihat perkara ini.

Selain itu juga, kemudahan-kemudahan sukan di kampung-kampung, malah di pekan-pekan kecil ini, tidak ada. Jadi, apabila mereka tidak ada *basic amenities*, dengan izin, mereka terpaksa pergi ke bandar-bandar untuk mencari kehidupan yang baru dan sebagainya. Ini satu perkara yang sukar bagi belia yang datang daripada kampung, yang mempunyai taraf pendidikan yang ala kadar. Jadi, memang amat sukar untuk mereka bersaing di *urban set up* lah.

Jadi, saya ingin juga bertanya untuk sukan. Oleh sebab kompleks sukan ini sangat penting untuk mencungkil bakat-bakat daripada kampung-kampung. Akan tetapi malangnya kebanyakan daripada pekan-pekan kecil, saya ambil contoh Pekan Sook di Keningau. Ini memang banyak *talent* tetapi tidak ada kemudahan sukan.

Jadi, saya mintalah supaya kementerian mempertimbangkan untuk membina sebuah kompleks sukan mini, sekurang-kurangnya supaya *talents* ataupun bakat-bakat belia sukan ini dapat dikembangkan. Bukan sahaja begitu, ia juga kemudahan untuk sekolah-sekolah. Oleh

sebab buat masa ini, kebanyakan daripada sekolah-sekolah di sekitar pekan dan Daerah Sook ini perlu ke pekan-pekan yang jauh. Ini menambahkan kos lagi untuk menganjurkan temasya sukan untuk mereka.

Kemudian kita masuk kepada isu ekonomi. Baru-baru ini banyak ekonomi ini datang daripada komoditi dan kita sudah tahu kadar harga komoditi telah jatuh secara mendadak. Akan tetapi malangnya, ada beberapa insentif-insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan iaitu, contohnya bantuan musim tengkujuh, penggalak industri getah dan sebagainya. Malangnya, *delivery* ataupun pembayaran bantuan ini lambat. Jadi, khasnya kepada mereka yang duduk di kawasan luar bandar ini, menunggu-menunggu dengan harapan mereka dapat bantuan ini.

Jadi, baru-baru ini saya dapat aduan daripada beberapa pihak komuniti, khasnya di luar bandar Sabah, pembayaran ini diselaraskan oleh RISDA dan LIGS, namun pembayaran ini ada sedikit lambat. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerianlah, macam mana untuk memastikan kelewatan pembayaran dividen dan juga pembayaran bantuan ini dapat dipercepatkan dan tidak ada kelewatan yang berlaku?

Kemudian seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang warisan dan budaya. Oleh sebab perkara ini penting bagi masyarakat orang asal. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian sebab kita akan mengadakan Kempen Melawat Malaysia. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk mempromosi kita punya seni-seni ataupun artis-artis Orang Asli untuk mempamerkan hasil-hasil karya, khasnya di galeri-galeri yang ada di negara ini? Kita juga akan merayakan Hari Orang Asal Sedunia pada bulan Ogos, jadi apakah tindakan kementerian untuk memberi ruang kepada artis-artis Orang Asli ini untuk mempamerkan karya mereka?

Saya juga ingin menyentuh tentang Muzium Negara. Oleh sebab Muzium Negara ini satu *landmark* yang penting untuk Kuala Lumpur dan juga satu tarikan pelancong yang utama di Kuala Lumpur. Apatah lagi kedudukannya yang sangat strategik, di mana sekarang ini ia dekat dengan KL Sentral dan dapat dihubungi dengan senang. Namun, baru-baru ini saya sendiri ke Muzium Negara dan mendapati bahawa keadaan Muzium Negara ini agak tidak menyerlah. Kebetulan masa itu kuat hujan. Saya dapati ada baldi-baldi yang digunakan untuk menadah air hujan yang bocor.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, kenapa Muzium Negara boleh jadi macam ini? Adakah kerana kita potong peruntukan sehingga penyelenggaraan Muzium Negara ini kita tidak dapat? Kita ada bangunan yang gah, besar di KL Sentral dan sepatutnya satu Muzium Negara yang cukup canggih tetapi kita ada Muzium Negara yang bocor. Jadi, malulah kita kan?

Kita mesti tunjukkan bahawa kita serius dalam memastikan warisan dan budaya, khususnya kita punya sejarah itu dapat di jaga dengan baik.

Jadi, saya mintalah kepada kementerian untuk menambahlah sikit peruntukan untuk penyelenggaraan Muzium Negara ini supaya kita harus berbangga kepada satu *landmark* yang sangat penting di Kuala Lumpur.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sikit tentang Kementerian Dalam Negeri. Tadi banyak rakan telah berbahas tentang keselamatan. Akan tetapi bagi saya, isu kanak-kanak tanpa dokumen ini satu isu keselamatan yang bakal meletup, *it's a time bomb*. Oleh sebab saya rasakan kumpulan *under committed children* ini *vulnerable group*, dengan izin, ataupun kumpulan yang berisiko. Jadi, bayangkan kalau mereka ini direkrut oleh golongan-golongan pelampau, golongan-golongan ekstremis untuk membuat sesuatu.

Jadi, kita harus melihat perkara ini sebagai satu perkara yang harus diambil dan ditangani dengan baik. Kita bukan sahaja melihat dari segi kewarganegaraan. Akan tetapi apabila mereka tidak mendapat akses kepada pendidikan, tidak dapat akses kepada pembinaan kenegarawan itu, kita dapati bahawa mereka ini boleh digunakan, diambil kesempatan oleh pihak-pihak untuk rekrut dalam perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan. Di Sabah ini terlalu ramai mereka dan kita sendiri sebagai Sabahan, kita sentiasa tidak rasa aman. Bukan sahaja tidak gembira melihat mereka, sedih melihat keadaan mereka tetapi ini boleh jadikan satu masalah isu keselamatan yang akan datang.

Jadi, saya mintalah kepada kementerian-kementerian, khususnya Kementerian Dalam Negeri untuk mencari penyelesaian menang-menang. Bagaimana kita mahu memastikan bahawa mereka ini dapat diberikan kewarganegaraan atau apa-apa dokumen yang membolehkan mereka masuk ke sekolah dan hidup dengan lebih aman.

Saya ambil kesempatan ini juga untuk membawa isu tentang penempatan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Sedikit lagi. Isu tentang penempatan haram. Oleh sebab ini juga satu isu besar di Sabah. Oleh sebab banyak antara penempatan-penempatan haram ini juga ada pendatang. Jadi, memang selalu isu ini ada golongan-golongan yang kita tidak dapat periksa mereka. Jadi, kita mahu memastikan pelan tindakan untuk memastikan. Mungkin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga boleh terlibat dengan ini.

■1620

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan dan saya harap perkara ini dapat diambil perhatian oleh

kementerian-kementerian yang saya telah sebutkan sudah. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Ada lagi lima, enam orang nak bercakap. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang bijaksana, kita boleh tepat 20 minit. Beri kerjasama ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan Somasundaram. Dipersilakan.

4.21 ptg.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam hormat kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas. Perbahasan saya akan menyentuh beberapa perkara mengenai pendidikan, integriti dan nilai-nilai murni, perpaduan rakyat dan menangani kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Kerajaan Pakatan Harapan mendapat mandat daripada rakyat untuk mentadbir negara, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menumpukan tadbir urus negara dan bergerak secara proaktif untuk mengalas tanggungjawab dalam membangunkan negara.

Pertama sekali, berilah masa untuk menunaikan janji kami; kedua, baru 11 bulan kami mentadbir negara; ketiga, jentera kerajaan masih berpihak kepada kerajaan lama; keempat, ekonomi negara akan mantap dalam tiga tahun lagi; kelima, hutang yang ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu amat tinggi; keenam, barisan Kabinet kurang kompeten; dan ketujuh, kami tidak menjangkakan kemenangan dalam PRU Ke-14.

Inilah rangkaian kata dan alasan yang sering kali dituturkan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan yang sedang mentadbir negara ini. Jemu dan muak. Itulah reaksi yang ditunjukkan oleh anggota masyarakat yang telah menunaikan tanggungjawab pada PRU-14. Sehubungan dengan itu, saya menyeru supaya Kerajaan Pakatan Harapan memberikan fokus untuk membina negara dan bukannya menghukum rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan negara kita merupakan tunjang pembangunan negara dalam aspek pembinaan modal insan dan pencapaian ekonomi. Maka, menjadi

tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan peluang pendidikan yang saksama dalam usaha untuk memperkembangkan potensi individu supaya mereka dapat bersaing dalam pasaran kerja dan seterusnya memberikan sumbangan terhadap kemakmuran dan kemajuan negara.

Perkara ini jelas dinyatakan dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Akan tetapi, apa yang berlaku baru-baru ini ialah Kerajaan Pakatan Harapan tidak mengambil kira langsung dasar yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini.

Pelajar-pelajar serta waris masyarakat India di seluruh negara amat kecewa terhadap keputusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menawarkan tempat bagi melanjutkan pengajian pra-universiti di pusat matrikulasi seluruh negara.

Pelajar dan waris, dengan harapan yang menggunung tinggi, telah bertungkus-lumus membuat persediaan yang rapi bagi menghadapi peperiksaan SPM dan telah menghadiri kelas-kelas tuisyen dengan perbelanjaan sendiri. Saya difahamkan setiap keluarga membelanjakan ratusan Ringgit setiap bulan untuk menghantar anak-anak mereka menghadiri kelas tuisyen dengan harapan bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang yang boleh menjamin masa depan yang gilang-gemilang. Akan tetapi, yang tinggal hanyalah jawapan dukacita daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menafikan pelajar cemerlang SPM 2018 untuk mengikuti pengajian di pusat matrikulasi.

Di sini saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Dr. Maszlee, Menteri Pendidikan supaya jangan membinasakan masa depan pelajar-pelajar cemerlang ini. Jangan lunturkan semangat mereka dan jangan hampakan harapan para ibu bapa mereka.

Kalau sebelum ini kita sering terdengar wujudnya “Menteri *U-turn*” dalam Kerajaan Pakatan Harapan tetapi kini sudah ada Menteri yang bergelar “Menteri *one-off*”. Bukan semua Menteri. “Menteri *one-off*” ini Menteri Pendidikan.

Jangan buat sebarang kenyataan tanpa memeriksa secara mendalam terhadap dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang sebelum ini sememangnya membela masyarakat India. Saya tak salahkan Kerajaan Pakatan Harapan, tetapi meneliti dengan bersungguh-sungguh sebelum buat kenyataan yang rasmi.

Jawapan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa tawaran Matrikulasi untuk 2,200 pelajar sebagai tawaran *one-off* merupakan jawapan yang tidak bertanggungjawab dan bertujuan untuk menutup kelemahan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan isu ini berulang di masa akan datang, saya pohon Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mewartakan bilangan pelajar India yang akan ditawarkan program matrikulasi. Saya juga ingin memohon statistik tawaran program matrikulasi untuk pengambilan tahun 2019 mengikut kategori B40, M40 dan T20. Saya pohon Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan untuk soalan dan cadangan ini semasa membuat penggulungan nanti.

Satu lagi isu yang masih belum diselesaikan lagi di negeri Kedah ialah pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Kuala Muda, Bahagian Home, Sungai Petani. Atas usaha MIC, Barisan Nasional negeri Kedah, usaha Persatuan Ibu Bapa dan Guru, usaha daripada LPS, pemaju perumahan OSK telah meluluskan tanah seluas tiga ekar untuk pembinaan sekolah ini.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Barisan Nasional pada ketika itu telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM4 juta di bawah projek relokasi sekolah. Akan tetapi, sehingga sekarang, status pembinaan masih menjadi tanda tanya. Saya telah pun membangkitkan soalan ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini tetapi tidak mendapat sebarang jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya khuatir sama ada pegawai-pegawai yang bertugas di Parlimen tidak mengambil maklum dan melaporkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentang soalan yang dibangkitkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan- yang baik kita ucapkan syabaslah, kan? Untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada SPRM yang telah pun membuat tangkapan secara beramai-ramai terhadap anggota dan pegawai JPJ di negeri Pulau Pinang. Terima kasih juga diucapkan kepada individu yang melaporkan salah laku anggota dan pegawai ini kepada SPRM. Saya percaya jika SPRM tidak menerima sebarang laporan seumpama ini, sudah tentu kejadian ini akan terus berleluasa bukan sahaja di JPJ Negeri Pulau Pinang, malah di seluruh negara.

Justeru, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi memantau anggota JPJ yang terlibat dalam tugas penguatkuasaan undang-undang. Ini kerana saya nampak penguatkuasaan JPJ lebih berminat untuk menahan pesalah-pesalah trafik kenderaan ringan berbanding dengan kenderaan berat.

Baru-baru ini berlaku satu kejadian di mana anggota JPJ menahan sebuah kereta jenazah yang membawa jenazah ke tanah perkuburan.

■1630

Saya amat kecewa dan sedih dengan tindakan anggota-anggota JPJ yang bertindak menahan kereta jenazah ini. Mereka sepatutnya lebih sensitif dengan keadaan semasa dan boleh menggunakan kuasa budi bicara untuk menyelesaikan sebarang isu yang ditimbulkan. Untuk rujukan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, kenderaan yang dinaiki oleh anggota-anggota JPJ ini didaftarkan dengan nombor pendaftaran- / bagi nombor pendaftaran, JPJ 287. Saya pohon Yang Berhormat Menteri siasat kejadian ini supaya ia tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini terdapat kemalangan-kemalangan yang melibatkan kenderaan berat di lebuhraya. Sebagai contoh, pada 27 Mac 2019 sebuah lori treler telah terbabas dari arah bertentangan dan melanggar sebuah kenderaan MPV yang mengakibatkan empat orang penumpang terkorban di Johor.

Soalan saya di sini ialah bagaimanakah pihak JPJ membuat pemantauan terhadap kenderaan berat yang bergerak laju di lebuhraya? Setahu saya, kenderaan berat ini hanya dibenarkan untuk bergerak dengan kelajuan di bawah 90 kilometer sejam dan tidak dibenarkan untuk menggunakan laluan lorong kanan yang dikhususkan untuk tujuan memotong. Adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan semula peranti amaran kelajuan yang dipasang pada kenderaan berat untuk menangani masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertimbangkan kemungkinan menukar sistem percukaian di negara ini dalam usaha menggalakkan penggunaan produk tempatan. Akan tetapi saya kurang bersetuju dengan komen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa rakyat Malaysia memandang rendah dengan produk tempatan dan sanggup membeli produk import dari negara luar.

Sebenarnya rakyat Malaysia menolak untuk membeli produk tempatan bukan kerana kualitinya akan tetapi produk tempatan dijual dengan harga yang sangat mahal. Sebagai contoh, buah-buahan tempatan yang dijual dengan harga yang sangat tinggi berbanding dengan buah-buahan yang diimport. Trend pembelian produk zaman sekarang berdasarkan harganya dan bukannya kualiti. Majoriti rakyat menggunakan pendekatan beli, pakai dan buang. Saya percaya jika produk tempatan dikurangkan cukai, sudah tentu penjualannya akan meningkat dan menguntungkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, budaya mengeji dan mencaci semakin menjadi di media sosial kebelakangan ini. Kerajaan harus memandang serius terhadap perkara ini kerana ia berpotensi untuk mewujudkan ketegangan di antara kaum yang akhirnya boleh mengancam keharmonian dan perpaduan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan

Multimedia. Adakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mempunyai sebarang bidang kuasa untuk mengambil sebarang tindakan terhadap pemilik akaun yang menimbulkan kekecohan di media sosial ataupun kena tunggu orang awam membuat aduan dan kemudian mengambil tindakan?

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mengambil langkah drastik sekiranya berlaku ketegangan yang melampau di media sosial. Sekat sahaja akaun individu-individu yang terlibat dalam kekecohan ini dan bawa mereka ke muka pengadilan demi menjaga dan memupuk keharmonian negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan serangkap pantun.

Seorang Ahli: *Dua, tiga kucing berlari...*

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: *[Ketawa]*

*UMNO PAS berkahwin sudah;
Giliran MIC menyusul pula;
Gandingan mantap bersedia sudah;
Penggag hadapan mentadbir semula.*

Saya dengan ini menyokong Titah Diraja. Sekian, terima kasih... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram ya. Pantun itu saya faham. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi pun faham ya. Baik, terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Dipersilakan.

4.35 ptg.

Datuk Rabiyah binti Ali: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas pada 11 Mac 2019.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah di pada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah kerana dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong, Ketua Utama Persekutuan Malaysia. Semoga dengan pelantikan Yang di-Pertuan Agong Keenam Belas, Baginda akan memayungi semua rakyat dan memastikan prinsip Demokrasi Berparlimen terus terpelihara.

Saya juga ingin menzahirkan ucapan menjunjung kasih dan penghargaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V merangkap bekas Yang di-Pertuan Agong Kelima Belas kerana jasa bakti dan perkhidmatan Tuanku selama tempoh sebagai Ketua Utama Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan ekonomi negara dan pengurangan kuasa beli rakyat kerana kenaikan kos sara hidup memerlukan langkah agresif dan inovatif kerajaan menangani secara efisien. Kecenderungan anggota-anggota Jemaah Kabinet menyalahkan pentadbiran kerajaan lepas yang tidak dapat diterima rakyat memandangkan dasar-dasar pengurusan fiskal kerajaan merencatkan ekonomi setempat.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sehingga April 2019, bagaimana prestasi pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi setempat dan memastikan daya saing pasaran modal asing dan tempatan diperkukuhkan? Apakah unjuran pendapatan Kerajaan Persekutuan pada 2019 disemak semula agar sandaran pendapatan kerajaan dari hasil percukaian petroleum dan sumbangan PETRONAS dan juga NTJDA tidak mengalami pengecutan ketara ekoran turun naik harga minyak mentah dunia yang berada di sekitar USD60 ke USD70 satu tong.

Tuan Yang di-Pertua, peralihan rejim percukaian GST kepada SST telah meningkatkan banyak harga barang pengguna di pasaran tempatan. Ramai amat resah dan sentimen ini telah menyebabkan kuasa beli pengguna menurun dengan amat ketara. Kebanyakan peniaga menaikkan harga barangan kerana mereka memberi alasan pengukuhan nilai USD berbanding Ringgit Malaysia menyebabkan banyak barangan pengguna yang diimport mengalami kenaikan. Justeru soalan saya, sejauh mana peraturan-peraturan kawalan dan antipencatutan atau mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi barangan?

Tahun 2016 membantu kerajaan menangani eksploitasi peniaga menaikkan harga barang pengguna tidak munasabah dalam keadaan ekonomi yang mencabar kini. Berapakah bilangan penguatkuasaan dan tindakan undang-undang yang diambil oleh Unit Antipencatutan, penguat kuasa KPDNHEP yang direkodkan sehingga April 2019? Saya ingin mendapatkan juga penjelasan terperinci KPDNHEP, bagaimana model inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) dapat membantu rakyat mendapatkan barangan pengguna pada kadar yang lebih murah dan setakat manakah pelaksanaan kini?

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertumbuhan ekonomi pelancongan memerlukan sokongan yang lebih bermakna dan dipacu secara efektif bagi memastikan sektor ini menyumbang kepada penokokan pertumbuhan ekonomi setempat. Negeri saya Melaka, amat bergantung kepada sektor pelancongan bagi menjana hasil bagi ekonomi setempat dan hasil kerajaan negeri.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Yang Berhormat Menteri Pelancongan. Apakah langkah strategik bagi memasyhurkan kalendar pelancongan Melaka 2019 dan langkah intervensi Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan momentum pertumbuhan sektor pelancongan di Melaka? Bagaimana Kerajaan Persekutuan memperuntukkan dana bantuan dan perbelanjaan pembangunan dalam tahun 2019 agar infrastruktur pelancongan di Melaka diselenggarakan dengan baik dan aktiviti kebudayaan dan kesenian diperkukuhkan lagi untuk memanfaatkan ekonomi setempat?

■1640

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyatakan komitmen untuk memastikan bebanan guru dalam tugas perkeranian dan akan dihapuskan bermula tahun 2019. Justeru, saya ingin mendapatkan kepastian dan maklum balas Yang Berhormat Menteri tentang sejauh mana intensif dan pelaksanaan yang sedang dan akan dilakukan bagi mengurangkan bebanan guru sekolah ini.

Kerajaan Persekutuan mengumumkan beberapa negeri akan mengalami peningkatan kadar tarif air bagi pengguna domestik bermula tahun ini. Kenaikan tarif ini akan menyebabkan kos sara hidup rakyat terus meningkat dan pastinya ia menyebabkan *public outcry*.

Soalan saya, dengan izin, kepada Yang Berhormat Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, bagaimana kerajaan dapat mengimbangi kenaikan tarif dengan memperkenalkan harga syiling air terawat bagi kumpulan B40 agar mereka ini tidak terkesan dengan kenaikan tarif air?

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana peranan yang dapat dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad agar beban syarikat-syarikat pembekal air terawat dapat diminimumkan dengan melaksanakan lebih banyak projek NRW agar tahap NRW mencapai bawah 25 peratus menjelang tahun 2020?

Tuan Yang di-Pertua pada minggu lepas kerajaan dapat memuktamadkan rundingan semula projek ECRL dengan China. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pengangkutan tentang sejauh mana unjuran pengangkutan rel akan memanfaatkan skim pengangkutan ECRL dan apakah perlu infrastruktur Pelabuhan Kuantan di tingkatkan kapasitinya dan melengkapkan Pelabuhan Kuantan dengan aset dan sumber tenaga manusia yang mencukupi.

Kemajuan teknologi digital dalam urusan perbankan dan kewangan di Malaysia perlu digandingkan sama dengan kemantapan dan keupayaan Bank Negara Malaysia di dalam menghadapi risiko jenayah komersial dan risiko jenayah *scams financial technology* kewangan Malaysia. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Sejauh mana penubuhan *Financial Technology Enabler Group* (FTEG) oleh Bank Negara Malaysia memanfaatkan penggunaan teknologi *financial* dalam persekitaran perbankan Malaysia? Adakah ketetapan perundangan dan kerangka kawal selia *financial* ini cukup selaras dengan kemajuan teknologi digital perkhidmatan kewangan ini? Bagaimanakah kawalan *cyber security* yang aplikasikan dalam persekitaran perkhidmatan digital kini?

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes melibat kan *scams* dan *fraud* perkhidmatan perbankan internet menjadi keresahan rakyat di negara kita. Penyamaran sebagai institusi pengutip hutang tertunggak telah mendominasi persekitaran perkhidmatan telekomunikasi digital yang menyebabkan ramai mangsa mengalami kerugian. Soalan saya kepada Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, apakah langkah *affirmative* dan yang boleh dilakukan agar kes-kes penyamaran dan penyelewengan *scam* ini dapat dihapuskan segera? Bagaimana langkah yang paling baik agar rakyat diberi kesedaran agar tidak terpengaruh masalah kes-kes penyamaran dan penipuan ini?

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan awal kanak-kanak dapat perkhidmatan taska bantuan kerajaan amat penting dalam memastikan aset bagi kedua-dua perkhidmatan ini dinikmati oleh kumpulan B40. Pada masa ini pertumbuhan penduduk dan pertambahan kawasan komuniti baru menyebabkan permintaan lebih banyak pusat pendidikan awal kanak-kanak dan taska.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, berapakah bilangan unjuran kelas-kelas pra sekolah dan taska pada tahun 2020? Sejauh manakah kerajaan komited untuk memastikan bahawa anak-anak kumpulan B40 menikmati perkhidmatan kelas prasekolah dan juga taska secara percuma demi untuk menangani masalah kos sara hidup kumpulan B40?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengumumkan pada tahun lepas, tahun 2019 ini tidak ada lagi kuota khas untuk menunaikan haji bagi anggota Kabinet dan Ahli Parlimen. Isu ini dipolemikkan umpama jumlah ahli politik yang menunaikan haji ini di monopoli oleh orang politik serta menafikan hak rakyat. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berapakah kuota haji pada tahun 2019? Berapakah bilangan sebenar ahli politik yang diberikan kuota sejak tahun 2015 hingga tahun 2018, sehingga ia dijadikan polemik politik kerajaan kini?

Di Malaysia menjadi negara import terbesar sisa plastik dari hampir 19 buah negara luar seperti USA, UK dan Australia. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan

Perubahan Iklim, berapakah permit import sisa plastik yang dikeluarkan sehingga April 2019? Berapa jumlah kilang kitar semula plastik yang dilesenkan beroperasi dengan pematuhan maksimum undang-undang Akta Kualiti Alam Sekitar 1974? Sejauh mana keupayaan penguatkuasaan KPKT dan Jabatan Alam Sekitar agar kilang-kilang haram kitar semula sisa plastik import ini ditangani dengan berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, jentera perkhidmatan merupakan tunggak utama dalam memastikan penyampaian kerajaan lebih cekap dan segala dasar dan rancangan bagi memajukan perkhidmatan awam perlu diselenggarakan hanya oleh satu kementerian sahaja. Sejak akhir-akhir ini, saya lihat perkhidmatan awam seolah-olah ditadbirkan oleh banyak kementerian, sehinggakan kenyataan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri memegang *portfolio* Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga menyentuh perkhidmatan awam. Ini membuktikan kacau ganggu terhadap integriti perkhidmatan awam telah berlaku.

Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri, manakah yang sebenarnya mempunyai hak dan ketetapan *statutory* untuk menjaga Jabatan Perkhidmatan Awam, SPA, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan badan kuasa melantik perjawatan awam? Bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memastikan bahawa komen-komen dan kenyataan dari anggota Kabinet yang bukan menjaga perkhidmatan awam kini akan di tangani tidak berlakunya penindihan kuasa dan haru biru dalam perkhidmatan awam Persekutuan selaras dengan prinsip Perlembagaan Malaysia.

Saya menjunjung kasih Titah dan saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya mohon setiap saranan dan aspirasi Tuanku diikuti dan diteladani dengan penuh iltizam dan berintegriti. Semoga Kerajaan Pakatan Harapan dapat mentadbir Malaysia dengan lebih cemerlang seiring dengan keluhuran prinsip Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Saya mohon menyokong usul menjunjung kasih Titah Tuanku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti Ali yang telah menyampaikan *point* baik, tidak sampai pun 20 minit. Terima kasih banyak ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

4.48 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama berucap bagi menyokong usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 11 Mac 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menzahirkan rasa syukur dan amat gembira kerana Kerajaan Pakatan Harapan memuktamadkan semula projek ECRL dan perjanjian tambahan ini, semestinya akan memberikan impak ekonomi kepada rakyat Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 7 Mac 2019, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi mengumumkan lima projek utama yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan dan sejumlah RM1.9 bilion diperuntukkan bagi tujuan pembangunan di Kelantan.

Kita amat mengalu-alukan pengumuman projek ini, saya ingin mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi, sejauh manakah perancangan dan proses tender bagi pembinaan LPT3 dari Gemuruh ke Tumpat? Berapakah anggaran limpahan ekonomi dan peluang pekerjaan yang bakal dijana dalam projek ini? Apakah perancangan kerajaan dalam meningkatkan keupayaan pelabuhan Tok Bali agar industri perikanan dan maritim dapat ditingkatkan bagi mengujudkan peluang pekerjaan kepada belia-belia di negeri Kelantan?

■1650

Tuan Yang di-Pertua, pada Januari 2019 dalam pertemuan antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Persekutuan memaklumkan bahawa Kabinet telah meluluskan pembayaran royalti secara tunai. Bayaran tersebut dibuat kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada bulan ini iaitu bulan April. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, berapakah unjuran bayaran royalti yang dimuktamadkan berdasarkan fakta-fakta dan data yang di kumpul oleh Kerajaan Persekutuan dan berharap agar jumlah ini adil untuk rakyat negeri Kelantan.

Bagaimanakah kerajaan dapat merangka agar koridor di negeri Kelantan memanfaatkan industri hulu dan hiliran minyak dan gas agar pertumbuhan ekonomi negeri dirancarkan seiring dengan kerancangan pertumbuhan koridor di negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan sektor pengangkutan dengan gandingan erat sektor pelancongan akan memacu pertumbuhan ekonomi Kelantan. Pada masa kini, Kelantan dihubungkan melalui Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan mungkin selepas siap *Central Spine Road* (CSR), kapasiti penggunaan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak semakin meningkat. Tambahan pula pembatalan laluan ECRL Gombak-Karak akan meningkatkan penggunaan laluan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ini yang menjadi pintu masuk utama ke negeri-negeri Pantai Timur. Oleh itu, semestinya lebuh raya ini memerlukan pertambahan lorong bagi merungkaikan masalah kesesakan lebuh raya semasa waktu puncak.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, sejauh manakah kajian dilakukan agar pertambahan kenderaan yang menggunakan laluan Lebuhraya Kuala Lumpur-

Karak diberi perhatian dan rancangan pembesaran kapasiti laluan ini diberikan keutamaan khusus. Apakah perancangan kerajaan dalam memastikan kesesakan di Tol Gombak pada setiap hujung minggu kerana kenaikan mendadak pengguna lebuh raya dari timur dapat diatasi demi kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jaringan pengangkutan rel KTMB dari Gemas ke Tumpat perlu ditingkatkan seiring dengan pertumbuhan koridor baharu di Pantai Timur. Selain itu, saya berpendapat kerajaan juga perlu mengkaji untuk mengaktifkan semula perkhidmatan kereta api laluan Pasir Mas ke Sungai Golok iaitu di selatan Thailand agar pertumbuhan sektor pengangkutan rel di perkasa semula dan pertumbuhan koridor ini memanfaatkan rakyat setempat. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, apakah ada dalam perancangan KTMB, laluan Pasir Mas-Sungai Golok ini dibuka semula untuk operasi rel.

Semenjak banjir besar 2014, perkhidmatan rel antara bandar sektor Kuala Lumpur-Tumpat telah dihentikan. Ketiadaan perkhidmatan ini sedikit sebanyak menjejaskan pertumbuhan *eco-tourism* di kawasan pedalaman Kelantan Selatan dan tentunya pertumbuhan desa akan terencat. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, bilakah KTMB akan memulakan semula perkhidmatan rel sektor Kuala Lumpur-Tumpat? Bagaimanakah status penerimaan *multiple-unit train* yang dipesan pada tahun 2017 dapat memulakan operasi di sektor Pantai Timur?

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Jun tahun lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggantung operasi NAFAS susulan masalah serius tadbir urus agensi berkenaan terutama aspek kompetensi, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam barisan kepimpinannya. Kementerian juga menyatakan akan menyusun semula Lembaga Pertubuhan Peladang agar ia seiring dengan agenda pertanian negara. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, sejauh manakah usaha penyusunan semula NAFAS dan Lembaga Pertubuhan Peladang ini dilakukan dan apakah status terkini? Bagaimana pula hala tuju baharu Kerajaan Pakatan Harapan agar sektor perladangan dan pertanian ini akan memberi rangsangan terhadap ekonomi semasa negara?

Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah terbesar yang dihadapi kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan di Kelantan, masalah pelupusan sisa pepejal dan pembersihan di pasar-pasar awam di Kelantan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada KPKT, bagaimanakah langkah terbaik KPKT membantu PBT-PBT di Kelantan agar selenggaraan sisa pepejal dan pembersihan awam di pasar-pasar awam setiap jajahan di Kelantan dapat dipertingkatkan

melalui bantuan geran peruntukan tahunan? Apakah kaedah dan pendekatan holistik yang boleh dimainkan SWCorp agar penguatkuasaan pelupusan sisa-sisa pepejal dan kebersihan kawasan awam dipatuhi oleh orang awam supaya kos selenggaraan yang perlu ditanggung PBT dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan membantu membiayai penggantian paip usang ataupun uzur di seluruh Skim Bekalan Air Kelantan pada tahun 2018 dan 2019. Program ini selaras dengan persetujuan Program Migrasi Aset Air pada tahun 2016 agar negeri Kelantan mendapat skim bekalan yang berdaya upaya dan berkesan. Masalah air di Kelantan ini Tuan Yang di-Pertua tidak pernah selesai sejak dari dahulu. Kadang-kadang air yang keluar itu macam air kopi. Air paip yang keluar itu macam warna air kopi. Itu yang sebenarnya, tidak adakah Ahli-ahli Yang Berhormat Senator daripada Kelantan? Sudah keluar semua.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Saya, saya...

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Betul Yang Berhormat Senator Tuan Aknan? Macam air kopi, tidak tahulah apa masalahnya. Agaknya paip usang kah, paip berkarat kah, itulah masalah yang kami hadapi di Kelantan. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, sehingga April 2019 berapakah peruntukan penggantian paip-paip uzur di seluruh jajahan di negeri Kelantan? Bagaimanakah PAAB membantu Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) dalam memastikan kadar *non-revenue water* (NRW) berada pada sasaran 30 peratus?

Tuan Yang di-Pertua, jaringan kemudahan jalan luar bandar di negeri Kelantan amat membantu dalam memperkasakan ekonomi desa. Namun demikian, kerosakan yang dialami memerlukan perhatian serius Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar kos selenggaraan kemudahan ini dapat disalurkan segera.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, berapakah peruntukan bagi selenggaraan jalan luar bandar sedia ada yang diperuntukkan kepada Kelantan pada tahun 2019? Berapa bilangan projek-projek baharu jalan luar bandar di Kelantan yang diluluskan pada tahun 2019?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Kerajaan Pakatan Harapan telah melakukan pelbagai penjenamaan semula program-program kerajaan terdahulu kepada nama baharu. Sebagai contoh, Klinik 1Malaysia ditukarkan kepada Klinik Komuniti, 1M4U kepada IMPACT, BR1M kepada BSH, Permata Negara kepada GENIUS. Jadi soalan saya, berapakah kos yang terlibat dalam program penjenamaan semula ini?

Tuan Yang di-Pertua, Prinsip Rukun Negara perlu diamalkan dan dipatuhi oleh setiap rakyat jelata terutamanya penjawat awam. Prinsip Kesopanan dan Kesusilaan amat penting

dalam memelihara keharmonian kaum dan hubungan baik Kerajaan Persekutuan dan negeri menerusi Perlembagaan Persekutuan.

■1700

Baru-baru ini rakyat Kelantan dikejutkan dgn kenyataan jelik Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Azhar Azizan Harun ke atas rakyat Kelantan yang berada di Kuala Lumpur dengan melabelkan mereka kaki kelab malam. Walaupun beliau telah memohon maaf ke atas kekhilafan ini, ia merupakan suatu kesalahan serius bagi penjawat awam. Begitu juga dengan tata kelakuan jenayah yang dilakukan oleh seorang Timbalan Menteri yang menyalahgunakan aset Jabatan Perhutanan Negeri Pahang semasa PRK Cameron Highlands dan menyerang orang awam. Ini berlaku di Cameron Highlands waktu itu saya berada di sana dalam kempen Pilihanraya Kecil Cameron Highlands.

Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tentang apakah bentuk tindakan tatatertib yang boleh diambil ke atas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya mengikut Perlembagaan Malaysia, Akta SPR dan tata kelola penjawat awam yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan. Setakat April 2019 apakah tindakan siasatan oleh PDRM dan status pendakwaan ke atas kes Yang Berhormat Timbalan Menteri di Cameron Highlands dan bagaimanakah kerajaan menangani kes-kes anggota kerajaan yang mempunyai sijil-sijil palsu kelayakan akademik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Titah Tuanku yang menekankan isu integriti di kalangan penjawat awam dan usaha perlu dilakukan segera untuk memerangi rasuah. Bersesuaian dengan pelan anti rasuah, saya mahukan kerajaan mendukung dan mempraktikkan integriti di kalangan anggota Kabinet dan jentera kerajaan.

Akhirnya saya menjunjung kasih dan tahniah ke atas Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Al-Haj di atas pelantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16. Ucapan menjunjung kasih juga ke atas Tuanku Sultan Muhammad Ke V yang menamatkan perkhidmatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15. Semoga Allah memberkati dan merahmati kedua-duanya. Sekian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang telah berucap dengan baik.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

5.03 ptg.

Datuk Lee Tian Sing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini. Saya menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia.

Baginda memandang berat terhadap pemeraksanaan sistem pendidikan negara terutamanya pendidikan teknikal dan latihan vokasional demi membangunkan bidang-bidang strategik termasuk robotik dan kecerdasan buatan. Ini menunjukkan Baginda amat berprihatin kepada penjanaan modal insan yang berkualiti bagi memacu industri negara agar lebih berdaya saing. Dengan ini saya akan menumpukan ucapan saya kepada dua aspek yang utama iaitu pendidikan teknikal dan latihan vokasional dan satu lagi ialah pelaksanaan pilihan raya pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kelemahan yang perlu diperbaiki taraf dan perkembangan latihan vokasional di negara ini, di mana ramai masih menganggap latihan vokasional atau TVET itu rendah taraf daripada kelulusan akademik. Maka ini memandang ringan betapa pentingnya TVET kepada sesebuah negara yang sedang membangun. Sebagai contoh, Jerman salah sebuah negara yang amat berjaya dalam sektor pendidikan TVET. Kira-kira 50 peratus lepasan sekolah di Jerman telah menjalani latihan vokasional yang disediakan oleh para majikan syarikat. Dengan melaksanakan skim *dual* latihan, sistem pendidikan TVET Jerman menggabungkan kemahiran praktikal dan teori bagi menghasilkan tenaga kerja berkemahiran yang memenuhi permintaan pasaran. Dengan itu Jerman telah mencapai kadar pengangguran golongan muda yang rendah dan mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

Di Malaysia pula, menurut statistik, jumlah keseluruhan pengambilan pelajar-pelajar ke pusat latihan TVET awam bagi tahun 2007 seramai 67 dan 99 orang. Manakala jumlah keseluruhan pengambilan pelajar sekolah menengah awam 2,133,323 orang. Ini bermakna hanya terdapat tiga orang pelajar sahaja yang menerima pendidikan TVET dalam setiap 100 orang pelajar yang berperingkat pendidikan sekolah menengah. Boleh dikatakan terdapat hanya 3.15 peratus lepasan sekolah menengah di Malaysia yang menjalani latihan vokasional, angka ini berbanding dengan 50 peratus di negara Jerman, ini satu jurang yang agak besar.

Satu lagi contoh negara asing yang berjaya dalam pendidikan TVET adalah Finland. Lebih daripada 50 peratus pemuda pemudi Finland memohon program TVET masa kini. Memangnya lebih berdaya saing daripada pendidikan akademik yang umum. Kejayaan Finland berhubungan dengan penggubalan perundangan sejak tahun 2000 bagi membenarkan pelajar TVET

melanjutkan pelajaran di universiti. Kerajaan Finland menstrukturkan semula kurikulum sekolah bagi memperkasakan latihan sambil bekerja dan komponen pembelajaran sepanjang hayat. Sekolah TVET di seluruh Finland juga menyediakan lawatan bagi ibu bapa untuk mempromosikan perkhidmatan pendidikan TVET.

Di Malaysia pula, oleh sebab sistem pendidikan negara yang memberi penekanan akademik dan persepsi orang ramai terhadap latihan vokasional, negara kita ini mengalami masalah kekurangan tenaga kerja berkemahiran dalam pelbagai sektor seperti binaan, perladangan, pertanian, perabot dan sebagainya. Hanya 28 peratus dari keseluruhan tenaga kerja di negara kita sekarang pekerja mahir dan ini jauh di bawah penanda aras untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi iaitu sekurang-kurangnya 40 peratus. Ini mengakibatkan majikan terpaksa menggaji warga asing sebagai pekerja dan seterusnya mendatangkan masalah kebanjiran pendatang haram tanpa izin.

Pendidikan TVET memberi kebaikan kepada pembangunan negara terutama menurunkan kadar pengangguran golongan muda dan mengurangkan kebergantungan ekonomi terhadap tenaga kerja warga asing. Maka kerajaan telah memberikan berbilion-bilion wang peruntukan tahun demi tahun kepada institusi-institusi TVET dan lain-lain lagi bagi memperkasakan kapasiti pendidikan TVET.

■1710

Namun peratusan pengambilan pelajar ke pusat latihan TVET awam masih berada pada tahap yang amat rendah. Persoalan saya yang pertama ialah bagaimanakah kerajaan hendak meningkatkan kefahaman atau tahap penerimaan masyarakat terhadap pendidikan TVET? Anggapan negatif sesetengah pihak terhadap sektor pendidikan teknik dan vokasional memang perlu diubah. Melalui Rancangan Malaysia Kesebelas, pihak kerajaan dijangka mempergiat usaha bagi menangkis persepsi negatif masyarakat terhadap sektor pendidikan TVET. Apakah inisiatif-inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kualiti pembangunan serta pengukuhan bidang teknik dan vokasional supaya khalayak masyarakat lebih berminat terhadap TVET ini?

Persoalan kedua ialah, apakah status terkini bagi sistem yang bertujuan untuk penyelarasan dan pemantauan TVET? Menurut Jawapan Lisan Parlimen pada tahun 2016, Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia akan bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia di bawah Kementerian Pengajian Tinggi bagi menubuhkan sistem akreditasi tunggal yang lebih kukuh. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan masih berhasrat untuk melaksanakan sistem tersebut?

Pada pendapat saya, kerajaan haruslah memastikan standard MQA sistem ini dapat mematuhi standard antarabangsa dan bukan hanya standard tempatan Malaysia sahaja. Ini merupakan satu inisiatif bagi memastikan pelajar TVET dapat memberi sumbangan yang sepenuhnya kepada pasaran tenaga kerja mahir dan separuh mahir bukan sahaja dalam negara kita malah juga mempunyai daya saing yang kuat dalam pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu terlalu banyak Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal TVET seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Pendidikan Malaysia. Maka saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk mendirikan satu lembaga bagi menyelaraskan dan memudahkan semua pentadbiran dan urusan TVET. Lembaga TVET ini hendaklah berdiri sendiri dengan izin dan diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia. Saya berharap cadangan ini akan melicinkan urusan TVET supaya dapat melahirkan modal insan yang mahir dan cekap dalam bidang teknik serta vokasional. Cadangan-cadangan lain untuk memajukan pendidikan TVET di Malaysia seperti berikut:

- (i) kerajaan wajiblah menggubal undang-undang baru seperti Akta Latihan Vokasional supaya pelajar TVET boleh melanjutkan pelajaran lebih tinggi tetapi bukannya menghadapi ke jalan mati;
- (ii) kerajaan harus mengintegrasikan latihan sambil bekerja dan pembelajaran sepanjang hayat ke dalam kurikulum TVET bagi memastikan lepasan sekolah telah bersiap sedia untuk menghadapi keperluan pertukaran kemahiran;
- (iii) kerajaan perlu menggalakkan syarikat dan pihak berkepentingan yang lain bekerjasama dalam perancangan dan pemprosesan TVET termasuk model, kurikulum dan latihan industri; dan
- (iv) kerajaan wajib meningkatkan kualiti pengajaran dengan menaikkan tahap kelayakan bagi semua guru TVET.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin bangkitkan di sini berkaitan dengan pilihan raya pihak berkuasa tempatan. Walaupun pelaksanaan pilihan raya PBT tidak ternyata dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, namun saya amat mengalu-alukan kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengadakan pilihan raya PBT dalam tempoh tiga tahun yang akan datang. Saya amat bersetuju untuk menghidupkan semula pilihan raya PBT kerana ini boleh membawa negara kita ke arah negara maju.

Pertama, pelaksanaan pilihan raya PBT dapat mencipta peluang pekerjaan, desentralisasi dapat mengundang pembangunan di kawasan bukan pusat bandar yang kurang maju. Ini disebabkan sumber kewangan dan tenaga manusia akan disalurkan ke majlis-majlis tempatan dan bukan tertumpu di kawasan pusat bandar yang maju sahaja.

Kini, kadar pengangguran remaja juga agak membimbangkan. Ramai pemuda dan graduan terpaksa mencari rezeki di bandar-bandar besar kerana peluang pekerjaan di kawasan bandar kecil dan pekan amat terhad. Pelaksanaan pilihan raya PBT akan menggalakkan pembangunan di kawasan luar bandar dengan meningkatkan tahap kemudahan tempatan dan membantu memajukan tahap urbanisasi. Pembangunan luar bandar tidak akan terpinggir dan pada masa yang sama, lebih banyak peluang pekerjaan akan tercipta.

Kedua, peranan dan bebanan Ahli Parlimen dapat diringankan. Di negara-negara demokrasi lain, peranan Ahli Parlimen hanya mengutamakan perbincangan isu perundangan dan membawa suara rakyat kepada kerajaan manakala peranan Ahli Majlis Tempatan pula ialah mengutamakan pembangunan dan pembaikpulihan di kawasan tempatan. Namun Ahli Parlimen kita kena memikul kesemua tanggungjawab tersebut.

Menerusi pelaksanaan pilihan raya PBT, Ahli Majlis Tempatan yang terpilih akan memikul tanggungjawab perkhidmatan kawasan tempatan manakala Ahli Parlimen boleh menumpukan tenaga terhadap perbincangan perundangan pada tahap nasional. Di samping itu, ini juga memberi peluang kepada pemuda-pemudi yang berminat dalam politik dengan memupuk kepimpinan mereka dalam pentadbiran pihak berkuasa tempatan.

Ketiga, pelaksanaan pilihan raya PBT dapat mengurangkan tahap rasuah dengan implementasi semak dan imbangan daripada Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat sendiri. Ini akan meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam majlis tempatan. Di samping itu, ini tidak akan melemahkan kuasa kerajaan negeri sebaliknya akan memperkasakan kuasa kerajaan negeri kerana pembangunan tempatan boleh mendatangkan populasi yang semakin meningkat dan mendatangkan hasil pendapatan kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Maka, syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana dengan penuh yakin menetapkan tempoh masa tiga tahun melaksanakan pilihan raya PBT tetapi tiga tahun itu agak lama juga.

Saya mencadangkan kepada kementerian untuk menjalankan sesi penglibatan awam atau *townhall meeting*, dengan izin, demi mengumpul pandangan rakyat supaya dimasukkan ke dalam Laporan Kajian Pelaksanaan Pilihan Raya PBT. Walau bagaimanapun, terdapat

kekeliruan tertimbul di kalangan rakyat di mana pendirian pemimpin-pemimpin parti Pakatan Harapan terhadap pelaksanaan pilihan raya PBT seakan bertentangan.

- (i) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menolak pelaksanaan pilihan raya PBT di atas sebab boleh mengundang masalah antara kaum kerana kebanyakan penduduk bandar ialah orang Cina dan ini akan memecahkan negara kita kepada dua pihak iaitu bandar dan luar bandar;
- (ii) Menteri Wilayah Persekutuan berkata tidak ada tempoh masa untuk mengadakan semua pilihan raya PBT; dan
- (iii) Menteri Kewangan berkata pilihan raya PBT tidak dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan.

■1720

Ini menunjukkan pemimpin Pakatan Harapan tidak berhasrat untuk merealisasikan pilihan raya PBT pada masa akan datang. Maka, saya ingin meminta penjelasan daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan terikat dengan komitmen yang sepenuhnya terhadap pelaksanaan pilihan raya PBT ataupun Pakatan Harapan hanya bermain wayang atas isu ini untuk mengait undi?

Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dan juga berharap agar huraian dan pencerahan yang saya kemukakan boleh dipertimbangkan semula oleh kerajaan secara mendalam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing, saya sampaikan ucapan sekali terima kasih lagi.

Sekarang akhirnya, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Dipersilakan.

5.22 ptg.

Tuan Ismail bin Yusop: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi Tuan Yang di-Pertua sebut sebagai pemimpin ini kita kena bersedia *[Ketawa]* Jadi, bila diminta, saya bersedia, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Ismail bin Yusop: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Malaysia baharu.

Terima kasih kerana memberikan peluang untuk turut sama berucap bagi membahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa

Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Patik merakamkan menjunjung kasih di atas Titah Ke Bawah Duli Tuanku sewaktu merasmikan sidang Parlimen Keempat Belas.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2018 telah pun lama melabuhkan tirainya dan kini tahun 2019 sudah hampir di pertengahan tahun. Tarikh 9 Mei 2018 walaupun telah berlalu hampir setahun, akan tetap menjadi lakaran sejarah Malaysia yang akan diingati sebagai mercu tanda kuasa rakyat dalam menentukan corak demokrasi yang lebih matang di Malaysia, *insya-Allah*. Keberanian dan kebijaksanaan rakyat seharusnya disulam bersama suasana kematangan politik perpaduan yang utuh serta bersatu padu dalam membina negara bangsa yang bermaruah.

Oleh kerana itu, saya mengambil peluang dalam ucapan di Dewan yang mulia ini untuk mengingatkan diri saya dan juga seluruh kepimpinan kerajaan yang ada hari ini, termasuk kita semua yang berada di Dewan yang mulia ini bahawa harapan rakyat yang mahukan perubahan politik sudah pun terlaksana. Akan tetapi sewajarnya tanggungjawab ini kita pikul bersama dalam satu muafakat untuk merealisasikan perubahan Malaysia baharu yang lebih bermakna dengan disemai nilai-nilai yang murni.

Tuan Yang di-Pertua, kini sudah hampir satu tahun proses pembentukan Malaysia Baharu. Namun, sejujurnya secara peribadi, bagi saya hala tuju Malaysia baharu ini masih pudar dan suram. Realitinya seluruh rakyat masih belum dapat merasai nikmat dalam proses pembentukan Malaysia baharu ini. Apalah erti Malaysia baharu jika sekadar menggantikan kerajaan yang lama dengan kerajaan yang baharu tetapi budayanya masih tetap sama.

Saya amat bersetuju bahawa pembangunan ekonomi secara konvensional perlu dibangunkan. Akan tetapi dalam waktu yang sama, kita kena terima hakikat bahawa pembangunan ekonomi yang dibangunkan dengan institusi teknologi dan infrastruktur sahaja dan tidak di dokong dengan budaya yang tepat atau seiring akan menjadi halangan kepada pembinaan negara bangsa yang sejajar dengan matlamat pembentukan Malaysia baharu.

Tuan Yang di-Pertua, budaya bagi saya dapat mengangkat martabat daya maju bangsa serta maruah negara. Ianya perlu dihiasi dengan nilai-nilai murni, termasuklah nilai-nilai agama, nilai-nilai akhlak, nilai-nilai ilmu dan juga nilai-nilai ekonomi yang mengambil kira kemakmuran bersama. Sesungguhnya kepercayaan- *trustworthy*, dengan izin, menjadi *indicator* utama perpaduan di kalangan rakyat. Ia menjadi kekuatan dan Perlembagaan negara menjadi asas untuk membentuk budaya baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyahut seruan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah sewaktu pembukaan Parlimen menyeru kepada semua pihak untuk menjunjung keluhuran Perlembagaan, terutamanya dalam konteks menyemai semangat sistem

Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dengan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Selain itu juga, kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Saya menyokong sepenuhnya usaha dan pendekatan baru yang diambil oleh kerajaan untuk mempromosikan nilai dan budaya Islam melalui pendekatan *Rahmatan lil alamin* dan Maqasid Syariah. Oleh kerana Islam bukan sekadar sebuah agama yang eksklusif untuk kaum dan kumpulan tertentu, malah ia merupakan cara hidup yang universal dan membawa rahmat ke sekalian alam.

Justeru itu, dalam kesempatan ucapan ini saya ingin bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Walaupun telah ada usaha-usaha yang dilihat sebagai langkah-langkah yang positif dan progresif untuk melebar luaskan konsep *Rahmatan lil alamin* ini melalui program-program yang melibatkan pelbagai agensi dan lapisan masyarakat. Seperti contoh, Program Rakan Masjid Hospital (RAMAH), himpunan *solidarity* kedamaian, *round table discussion* bersama pemimpin agama berkaitan dengan isu perpaduan. Namun, dilihat pendekatan-pendekatan ini masih belum cukup untuk menyampaikan maksud *Rahmatan lil alamin* ini dalam konteks memperkukuhkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

■1730

Secara langsung jika pendekatan-pendekatan ini perlu diperincikan lagi dan disebarluaskan lagi di peringkat akar umbi secara agresif, saya percaya dan saya yakin spekulasi yang cuba dimainkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab tentang kedudukan Islam di era Malaysia baharu ini dapat ditepis dan dilenyapkan serta perpaduan rakyat seterusnya dapat diperkuatkan di kalangan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan ekonomi yang mampan menjadi penanda aras dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup, menjadi satu cabaran buat kerajaan dalam mengurangkan beban yang perlu dihadapi oleh rakyat. Ramai teman-teman saya yang telah berucap telah menyentuh isu ini dan saya juga turut terpanggil untuk menyebutkan isu tentang kos sara hidup ini dalam ucapan saya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memahami usaha kerajaan dalam menyelesaikan permasalahan kewangan negara yang sedang menghadapi khususnya dalam mengurangkan hutang negara sesuatu yang sangat perlu didahulukan. Saya mengucapkan syabas dan perlu dikreditkan susulan daripada pengumuman Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang pengurangan hutang negara dari jumlah asalnya. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat mengumumkan dalam ucapan penggulungan di Dewan ini

nanti jumlah yang tepat kadar pengurangan hutang yang telah dicapai dalam masa yang terdekat ini.

Namun begitu, isu rakyat mestilah terus menjadi agenda utama khususnya dalam menangani isu kemiskinan. Saya secara peribadi menyokong penuh pendekatan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Port Dickson ketika berucap dalam perbahasan di Dewan Rakyat tentang langkah-langkah strategik untuk menangani isu kemiskinan di kalangan rakyat di akar umbi ini.

Kesejahteraan dan kebajikan rakyat menjadi tonggak kepada kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan yang sedia ada. Oleh itu, isu kemiskinan ini harus dilihat bukan sahaja miskin bandar dan luar bandar, malah dalam ucapan saya ini, saya ingin menarik perhatian tentang isu keadaan dan kebajikan mahasiswa kita yang daif di universiti-universiti ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat amat baik.

Tuan Ismail bin Yusop: *[Ketawa]* Saya tertangguh setakat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta tangguhkan sambung esok ya. Jadi diucapkan terima kasih, tangguh esok ya... *[Dewan Ketawa]* Sudah jam 5.30 ya. Terima kasih banyak ya.

Tuan Ismail bin Yusop: Saya akur dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Kita sambung esok *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Itu saya terpikat dengan kesetiaan itu tadi. Ingat, anda sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat yang tunggu saya sampai petang ini dan anggap ini satu Ahli Yang Berhormat yang setia, yang setia kepada perjuangan kita. Tepuk tanganlah. Setia.

Dan ingat apa kata orang-orang tua tadi, "Orang kaya boleh kita beli, orang pandai boleh kita dapat, pastikan ialah orang yang setia". Ini dia setia tadi. Terima kasih banyak- setia ya. Jadi saya ingat satu lagi pesanan saya, buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 24 April 2019. Terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang]